

"BETA berharap, penerima bantuan akan dapat benar-benar memanfaatkannya sehingga pada akhirnya mereka itu tidaklah lagi akan semata-mata bergantung kepadanya. Beta gembira mengetahui bahawa Yayasan telah melaksanakan beberapa projek dan aktiviti yang berkebaikan serta dapat pula mempertingkatkan dari masa ke semasa menurut kesesuaian keadaan. - Titah Sempena Memperingati Ulang Tahun ke-10 Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 17 Mei 2003.

قليتا بروني Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DAN juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka dan semangannya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah. Dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui akan salahnya dan akibatnya." - Firman Allah Subhanahu Wa-ta'ala dalam Surah Ali Imran ayat 135.

TAHUN 51 BILANGAN 46

RABU 15 NOVEMBER 2006/1427 رابو 23 شوال

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

JANGAN UBAH JATI DIRI

Oleh : Haji Timbang Bakar
timbang.bakar@information.gov.bn

ERAKAS, Selasa, 14 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beramah-mengamah dengan para pelajar Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

upacara-upacara perayaan dan seumpamanya.

HILANG PUNCA

"Kadang-kadang kita sampai hilang punca sehingga melupakan jati diri sendiri, seperti tidak menghiraukan lagi batasan-batasan agama serta membuat perkara-perkara yang dilihat sebagai melimpahi adab sopan beraja dan berbangsa, padahal jati diri orang Brunei adalah penuh dengan 'awar galat', serta perbuatan 'suruk langkah' juga menjadi ukuran penting di dalam pergaulan," titah baginda menjelaskan.

Sehubungan itu baginda menekankan, inilah mustahaknya kita mesti betul-betul berpijak di bumi Brunei sendiri dan untuk itu kita sangat memerlukan pendidik dan pemimpin yang berjati diri.

Sehubungan itu baginda mengingatkan agar guru-guru dan pihak berkenaan mengambil berat perkara ini supaya anak-anak kita, pemuda pemudi kita dan generasi seluruhnya akan terselamat dari



sebarang pencemaran budaya.

Titah baginda, sesuai dengan tema perhimpunan tersebut untuk memperolehi kebaikan, maka baginda mengajak supaya

semua pihak akan sama-sama bergerak menghalangi unsur-unsur yang tidak serasi dengan jati diri bangsa dari masuk menyusup menerusi acara-acara sambutan dan perayaan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama mesra bersama para pelajar Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Kebawah DYMM, PM Thailand adakan rundingan empat mata

Oleh : Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

selepas dilantik menjadi Perdana Menteri Thailand pada 1 Oktober lalu. Lawatan antara lain bertujuan untuk mengukuhkan hubungan persahabatan antara kedua-dua buah negara.

Perdana Menteri Thailand mengetuai rombongan seramai 31 orang. Delegasi Thailand itu termasuk Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Tuan Yang Terutama M. R. Pridiyathorn Devakula; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand, Tuan Yang Terutama Nitaya Pibulsonggram dan Menteri Buruh, Tuan Yang Terutama Apai Chandanachulaka.

Ini merupakan pertemuan kedua antara baginda dengan TYT. Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengadakan pertemuan dengan TYT hujung bulan lalu semasa kedua-dua pemimpin menghadiri Sidang Kemuncak Memperingati Ulang Tahun Ke-15 Penubuhan Dialog ASEAN - China di Nanning, China.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman mesra bersama Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Surayud Chulanont sebelum pertemuan empat mata. - Foto: Haji Sahrin Haji Asmat.

ANTARA YANG MENARIK

Hasrat Negara: Tingkatkan latihan kemahiran kepada pemimpin muda

- Muka 2

Bayar hutang sebelum diambil tindakan

- Muka 5

Denda bagi kesalahan pembuangan sampah akan dikenakan tidak lebih \$500

- Muka 7

Abdul Azim juara menghafaz Al-Qur'an di Mesir

- Muka 11

Keberangkatan lawatan rasmi DYTM dan YTM ke Republik Filipina

- Muka 12

Brunei Darussalam serta dua acara pada Temasya Sukan Asia Ke-15 di Doha, Qatar

- Muka 15

APEC dan manfaatnya kepada Brunei

- Muka 1 ANEKA

Rencana ... Sampul surat kecil

- Muka 9 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PENGUNAAN sepenuhnya Kad Inden bagi jabatan-jabatan kerajaan di Negara Brunei Darussalam bermula pada 1 Jun 2006 untuk meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam melalui penggunaan teknologi ICT khususnya dalam usaha ke arah mewujudkan 'paperless society'. Ia merupakan Kad Inden pertama digunakan di negara ini berkonsepkan Syariah yang mempunyai kemudahan 'invoice interface' yang membolehkan proses penghantaran 'invoice' dibuat secara elektronik di antara pihak kerajaan dan swasta. - Sumber dari teks ucapan Menteri Kewangan Kedua sempena Majlis Pelancaran Kad Inden pada 20 Jun 2006.



15 NOVEMBER 2006 BERSAMAAN 1427 شوال 23

MEMUPUK SEMBOYAN BERAJA DAN BERNEGARA

GOLONGAN muda khususnya murid-murid dan penuntut-penuntut sekolah merupakan 'permatamata' yang amat berharga kepada bangsa dan negara. Peranan dan tanggungjawab mereka sebagai generasi penerus kesinambungan pembangunan dan kemajuan negara memang tidak dapat disangkal. Justeru itu pelbagai usaha dan program pendidikan diupayakan secara berencana bagi menjadikan diri mereka generasi pewaris negara di masa mendatang.

Langkah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHB) memfokuskan para pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi di seluruh negara yang berjumlah lebih 1,200 orang sebagai 'target audience' sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Yayasan tahun ini, dilihat amat bijak-sana dan bertepatan sekali ketika mana negara berusaha gigih untuk melahirkan warga Brunei yang berilmu pengetahuan dan berpendidikan. Pendekatan sedemikian amatlah wajar dan selayaknya mustahak mendapat kerjasama semua pihak.

Susulan ini juga adalah sejajar dengan perkenan serta berinspirasi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan maksud mengakrabkan mereka kepada kepimpinan baginda.

Mereka perlu didedahkan untuk lebih mendampingi baginda dan kerajaan baginda. Mereka mustahak mengetahui dan memahami aspirasi negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB). Lantaran itu, mereka kini sedang dalam proses diasuh serta dididik sebagai pewaris kepimpinan negara.

Dalam pada itu adalah juga mustahak mereka memelihara dan memperelok jati diri bangsa orang-orang Brunei. Dalam hal ini, yang penting kita jangan sewenang-wenangnya mengubah dengan alasan untuk menyesuaikan dengan keperluan zaman. Tetapi sepatutnya berusaha gigih mempertahankannya dan bukan mengabaikan aspek jati diri kita.

Darinya, bangsa lain serta masyarakat antarabangsa akan mengenalinya menerusi perwatakan jati diri itu. Yang pasti bangsa yang berjati diri terus dihormati dan dihargai.

Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHB yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Titah baginda antara lain menekankan:

"Jati diri bukan sahaja setakat untuk diketahui, malahan juga mesti diketarakan. Ia perlu sentiasa nampak, dipakai dan hayati, barulah faedahnya dapat dirasakan. Ia tidak boleh dicampuradukan, lebih-lebih lagi dengan perkara sia-sia yang bercanggah dengan pegangan serta adat resam kita."

Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini amat mustahak juga kita jangan sekali-kali melupakan jati diri sendiri seperti tidak menghiraukan lagi batas-batas agama serta melakukan perkara-perkara yang boleh melimpasi adab sopan beraja dan berbangsa. Padahal kita kaya dan terkenal dengan jati diri orang Brunei yang penuh dengan 'awar galat' serta tidak mudah 'suruk langkah' di dalam apa jua pergaulan.

Sebagai generasi penerus, kita juga tidak mahu aset bernilai ini akan hanyut dibuai mimpi-mimpi indah dan dipengaruhi dengan unsur-unsur negatif yang akan membawa mereka lupa kepada tanggungjawab sebenar membangun bangsa dan negara. Perkara ini penting malah mustahak digemilang sebagai usaha berterusan mencemerlangkan bumi Darussalam. Kita tidak mahu mereka lupa daratan serta tidak mempunyai hala tuju dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

Masa kini semakin pantas berjalan. Setiap detik pelbagai cabaran dan rintangan akan ditempuh. Dalam konteks berkenaan, semboyan kata-kata taat kepada raja dan cintakan negara selayaknya menjadi agenda nasional khususnya dalam pendidikan formal dan non-formal. Maka adalah wajar kumpulan tersebut didedahkan kepada acara-acara dan kegiatan yang mampu memupuk dan menyemarakkan semboyan semangat beraja dan bernegara di bawah kepimpinan raja kita yang amat dikasihi.

Inilah sebenarnya misi Yayasan untuk memupuk dan mengetarakan semboyan kata-kata yang berkhidmat itu di kalangan generasi baru agar mereka tidak hilang pedoman, lupa diri dan asal usul mereka.

Sewajarnya niat baik YSHB yang merupakan wadah amal jariah baginda kepada usaha-usaha menjana kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk negara ini mendapat kerjasama semua pihak dalam usaha Yayasan yang berterusan menabur jasa bakti kepada pembangunan negara.

HASRAT NEGARA

TINGKATKAN LATIHAN KEMAHIRAN KEPADA PEMIMPIN MUDA

Bismillahir Rahmanir
Rahim

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULIL-LAH, segala puji dan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita mengadakan majlis yang penuh berkebakikan ini.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kamu kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu beta dengan tulus ikhlas ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, kerana mengundang beta hadir di majlis ini.

Beta juga sukacita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam sama ada yang telah bersara mahupun yang masih berkhidmat kerana pada tahun ini genaplah 55 tahun usia persatuan ini.

Beta berbangga melihat kemajuan persatuan yang telah meningkat dewasa dan berjaya menyesuaikan dirinya mengikut keperluan semasa.

Peningkatan ini jelas dibuktikan dengan kejayaan persatuan yang dapat melaksanakan apa jua objektifnya serta menjalankan kegiatan-kegiatan yang berkebakikan.

Beta juga ingin memberikan pujian di atas

usaha-usaha ahli-ahli persatuan untuk merapatkan tali silaturahmi di kalangan ahlinya dan persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang lain di negara ini serta Ahli-ahli Pertubuhan Sedunia Pandu Puteri dan Pengakap Puteri.

Selaku sebuah persatuan yang di antara tertua di Negara Brunei Darussalam, pentadbiran persatuan telah dilaksanakan dengan begitu cekap dan mantap terutamanya dalam menjalankan kegiatan-kegiatan yang berkualiti dan projek-projek yang berkebakikan.

Kejayaan persatuan sungguh menakjubkan iaitu setelah mengambil kira bahawa setiap tahun ahli-ahlinya bertukar-tukar dan lapan puluh lima peratus terdiri daripada penuntut-penuntut perempuan di bawah umur dua puluh satu tahun.

Oleh yang demikian Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam ini bolehlah dianggap sebagai contoh persatuan dan perbadanan yang terbaik bagi pembentukan insan yang mulia dan bertanggungjawab.

Ke arah ini persediaan dan undang-undang Pandu Puteri adalah ciri-ciri yang perlu diserapkan kepada semua ahlinya dan juga kepada belia yang lain di negara ini kerana ianya meliputi semua aspek pendidikan yang tidak formal.

Dalam masa yang sama sumbangan besar penyokong-penyokong, penaja-penaja serta sukarelawan kepada semua kegiatan Persatuan Pandu Puteri sama ada di dalam negeri mahupun di arena antarabangsa juga perlu diberikannya pengiktirafan.

Justeru itu beta berharap sumbangan murni mereka ini akan berterusan demi kepentingan anak-anak bangsa kita di Negara Brunei Darussalam.

Beta berpendapat bahawa kejayaan Persatuan Pandu Puteri ini bukanlah setakat 55 tahun sahaja.

Malah kemajuan yang telah dicapai itu perlu dikaji semula dan ditingkatkan lagi, mudah-mudahan ianya dapat diwarisi oleh ahli-ahli muda yang akan datang, seperti mana ahli-ahli pentadbir sekarang telah mewarisinya



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam sempena Sambutan Hari Pandu Puteri Brunei Darussalam pada hari Jumaat, 11 Syawal 1426/ 3 November 2006 bertempat di Royal Berkshire Hall, Jerudong Park Country Club.

daripada usaha-usaha ahli-ahli yang telah bersara.

Beta berharap Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam akan dapat menjalankan kegiatan-kegiatan dan melaksanakan projek-projek yang lebih banyak lagi, bagi faedah golongan muda dan kepentingan masyarakat.

Ahli-ahli pentadbir persatuan juga perlu meningkatkan latihan-latihan kemahiran kepada pemimpin-pemimpin muda dengan memupuk daya kreatif dan inovatif mereka se-

laku pewaris kepada Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam.

Akhirnya, beta mengucapkan selamat maju jaya kepada semua Ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam.

Mudah-mudahan segala usaha dan kerja kebajikan ahli-ahli persatuan ini akan dilimpahi rahmat, taufiq dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Hubungan Brunei - Kemboja baik dan terus terpelihara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 November. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Norodom Sihamoni, Raja Negara Kemboja dan Tuan Yang Terutama Hun Sen, Perdana Menteri Negara Kemboja sempena dengan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Negara Kemboja.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan baik kedua-dua buah negara terutama di peringkat ASEAN dan berharap mudah-mudahan hubungan tersebut akan terus dipelihara demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap semoga Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Raja Norodom Sihamoni akan sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Negara Kemboja akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Hun Sen, Perdana Menteri Negara Kemboja, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Negara Kemboja sempena ulang tahun Hari Kemerdekaan Negara Kemboja.

Baginda merakamkan perasaan sangat berpuas hati di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Kemboja.

Baginda percaya keadaan sedemikian akan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing.

Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Hun Sen, Perdana Menteri Negara Kemboja akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

DPPW berkenan menerima mengadap tiga perwakilan

Oleh:

Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, berkenan menerima mengadap tiga duta luar negeri yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Di Majlis Mengadap itu Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan ketiga-tiga duta tersebut dan juga mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan.

Duli Yang Teramat Mulia mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Kanada, Tuan Yang Terutama Leopold Alfred Battel (kiri), Duta Besar Jepun, Tuan Yang Terutama Hashimoto Istuo (tengah) dan Duta Besar Swaziland, Tuan Yang Terutama Mpumeleo Joseph N. Hlophe (kanan). - Foto: Haji Sahrin Haji Asmat.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap tiga perwakilan asing yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam iaitu Duta Besar Kanada, Tuan Yang Terutama Leopold Alfred Battel (kiri), Duta Besar Jepun, Tuan Yang Terutama Hashimoto Istuo (tengah) dan Duta Besar Swaziland, Tuan Yang Terutama Mpumeleo Joseph N. Hlophe (kanan). - Foto: Haji Sahrin Haji Asmat.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan menerima mengadap Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Kyaw Thu yang berada di negara ini bagi mengadakan lawatan lima hari. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Menerima mengadap Timbalan Menteri HELN Kesatuan Myanmar

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

menerima mengadap Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Kyaw Thu yang berlandaskan di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan dekat ibu negara.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kesatuan Myanmar berada di negara ini bagi mengadakan lawatan lima hari yang bermula 5 November lalu.

IHP bulan September menurun

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Oktober. - Jabatan Perancangan dan Kemaajuan Ekonomi (JPKE) melaporkan bahawa Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi September 2006 menurun sebanyak 0.1 peratus dari bulan sebelumnya dengan indeks 102.3 sebahagiannya disebabkan oleh Jualan Besar-besaran Brunei yang bermula dari 15 September hingga 29 Oktober 2006.

Kos makanan dan minuman meningkat sebanyak 0.1 peratus disebabkan oleh harga tinggi bagi ikan segar, udang segar dan lain-lain makanan laut, minyak sayuran dan kelapa sawit, buah-buahan, rempah dan snek.

Penurunan harga bagi pakaian sedia siap dan aksesori, fabrik bagi lelaki dan wanita dan kasut menyebabkan turunnya kos pakaian dan kasut sebanyak 4.2 peratus.

Kos peralatan, perkhidmatan dan pengendalian rumah tangga menurun 1.5 peratus disebabkan oleh harga murah alat perabot; alat hiasan rumah tangga; kelengkapan audio, video dan alat muzik; alat dan perkakas dapur; pinggan mangkuk dan kutleri; dan pengendalian rumah

tangga.

Kenaikan harga bagi beberapa tambang udara menyebabkan peningkatan 0.2 peratus dalam kos pengangkutan.

Kos perhubungan menurun 0.6 peratus berikutan penurunan harga peralatan termasuk aksesori.

Kos perubatan dan kesihatan meningkat 0.1 peratus disebabkan oleh kenaikan bagi harga ubat dan bekalan proprietari.

Kos rekreasi dan hiburan meningkat 2.8 peratus disebabkan oleh kenaikan harga pakej percutian.

Harga murah bagi penjagaan diri dan alat serta lain-lain barangan kegunaan persendirian menyebabkan penurunan kos pelbagai barangan dan perkhidmatan sebanyak 0.1 peratus.

Kos perumahan, air, elektrik dan pemeliharaan; dan pendidikan tidak berubah seperti pada bulan sebelumnya.

IHP bagi September 2006 adalah 0.2 peratus lebih tinggi daripada indeks bulan yang sama pada tahun 2005.

Kegiatan drama mesti mendukung nilai-nilai murni

IMBA, Selasa, 7 November. - Kegiatan dan peranan drama mestilah mendukung nilai-nilai murni untuk mengajak manusia untuk berakhlak mulia dan menginsafi dirinya sebagai hamba Allah yang diuji bersama manusia dan makhluk lain di atas pentas alam yang diciptakan oleh Allah Subhanahu ta'ala.

Manusia ditakdirkan akan melakonkan drama hidupnya yang akan mengemukakan kelebihan dan kekurangannya, kekuatan dan kelemahannya yang akan menguji berdasarkan kepercayaan yang diciptakan oleh Allah Subhanahu ta'ala sebagai manusia, bukan malaikat dan bukan pula sebagai iblis dan jin.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Badrudin bin Pengarah Dato Duka Awang Haji Othman menekankan perkara tersebut ketika merasmikan 'Seminar Kesusasteraan: Drama Melayu Di Nusantara' bertepatan dengan Hari Kemerdekaan Malaysia, di Bilik Darul Ihsan, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Oleh: Maslin Awang Kurus

Seminar dianjurkan oleh Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD.

Terdahulu Yang Berhormat berkata, kesusasteraan drama itu berpacak seni lakon yang mudah mengundangi tengkarah, iaitu apabila orang cenderung mengaitkan drama dengan isu agama atau keharusan dari segi hukum.

"Dan tentu akan mempertajam tengkarah itu apabila seorang ustaz seperti saya ini ikut serta mengemukakan kegiatan dan pergerakan drama dalam semua aspek (penulisan, skrip, persembahan, kritikan dan sebagainya) di Brunei iaitu sebagai gambaran menjadi sebahagian dari tujuan seminar ini," tegas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, penulisan drama Melayu itu tentu akan juga mempertajam nilai-nilai budaya Melayu menerusi watak-watak yang memperkakan jalan ceritanya dan menyalurkan temanya.

Nilai-nilai tersebut jelas Yang Berhormat bersifat universal dan telah diterima

pakai dalam kehidupan Melayu yang antaranya khusus dengan kemelayuannya yang berakar umbi dari kebudayaan yang mencorakkan kehidupan bangsa Melayu.

Tambah Yang Berhormat, kesemuanya akan ketara sebagaimana ia mempengaruhi watak orang Melayu dalam kehidupan biasa begitulah selayaknya apabila ia didramakan.

Lalu faedah yang selayaknya kita raih daripada drama Melayu itu, ujar Yang Berhormat ialah membudayakan nilai Melayu iaitu dalam sikap dan pembawaan, hemat dan pemikiran serta penampilan ke dalam watak manusia dan negara yang membangun serta maju yang kita idam-idamkan, 'mendapat keberkatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam penciptaan drama Melayu kata Yang Berhormat, pemilihan keutamaan hendaklah diberikan kepada mengemukakan nilai-nilai budaya Melayu dari aspek sikap, pemikiran dan perwatakan yang mendukung kebaikan.

Dalam waktu yang sama jelasnya, nilai-nilai kebaikan secara budaya Melayu masih boleh digarap bahkan perlu diketengahkan dengan indah menerusi seni lakonan, seni penulisan, seni persembahan dan sebagainya lagi.

Sesungguhnya drama sebagai hasil kesusasteraan jelasnya, adalah suatu kesenian apabila ia diterbitkan atau dipersembahkan jadi tontonan maka ia menjadi hiburan.

Jelasnya, sebagai suatu yang tergolong dalam kategori kesenian dan hiburan maka timbullah persoalan dari segi agama sama ada ia diperbolehkan atau sesuatu yang ditegah.

Menyentuh seni drama menurut Yang Berhormat, ia melibatkan seni penulisan dan lakonan dengan segala cabang yang menjadikannya suatu persembahan atau pertunjukan menurut medianya seperti drama pentas, drama radio, drama tv dan filem.

Antara objektif seminar ini ialah untuk menemukan dan menghimpunkan beberapa orang tokoh dan penggiat drama dalam dan luar negeri, membuka peluang penggiat drama berinteraksi dan bertukar pandangan dengan sarjana dalam bidang ini, untuk

memperkuatkan pemahaman dan pengetahuan dalam bidang ini, menilai kedudukan dan kemajuan kursus drama dalam Kesusasteraan Melayu di jabatan sendiri dan menggalakkan kegiatan dan pergerakan drama dalam semua aspek seperti penulisan skrip, persembahan, kritikan dan sebagainya di Negara Brunei Darussalam.

Drama dan teater merupakan satu wadah yang dapat mempertingkatkan kefahaman pelbagai aspek kehidupan manusia.

Namun, di dalam ilmu sastera, genre ini kurang mendapat perhatian di kalangan pelajar-pelajar dan orang awam pada amnya serta juga dalam kegiatan pengajaran, penyelidikan dan sebagainya.

Seminar ini mengetengahkan tokoh-tokoh sarjana luar dan tempatan, dalam bidang ini untuk membentangkan pemikiran dan penemuan-penemuan baru, di samping bertujuan untuk menggalakkan penggiat drama dan penggiat seni drama seperti penulis skrip dan seni persembahan untuk menyumbang keilmuan mereka selaras dengan tema seminar ini.

Para peserta seminar

yang terdiri dari guru-guru, mahasiswa/mahasiswi UBD, penuntut-penuntut, penulis dan penggiat serta peminat genre drama pada khususnya dan sastera pada amnya akan dapat memperkaya dan mantapkan lagi pemahaman, pengalaman serta pengetahuan mereka dalam bidang ini supaya kegiatan drama di Negara Brunei Darussalam akan mendapat perhatian dan semakin berkembang sedangkan dengan negara-negara lain.

Seramai 19 orang pemakalah tempatan dan penggiat drama termasuk pemakalah luar negeri akan terlibat membentangkan kertas kerja antaranya dari Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Jabatan Radio Televisyen Brunei, penggiat sastera dan drama tempatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Institut Perguruan Bahasa Melayu Malaysia, Majlis Teater Kebangsaan Malaysia dan Teater Mandiri, Indonesia.

Seminar tersebut disertai oleh lebih 60 orang peserta termasuk sarjana sastera, guru-guru, mahasiswa/ma-



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Badrudin bin Pengarah Dato Duka Awang Haji Othman ketika merasmikan 'Seminar Kesusasteraan: Drama Melayu Di Nusantara'. - Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

hasiswi, penuntut-penuntut, penulis, penggiat dan peminat genre drama.

Turut hadir di majlis tersebut Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin dan Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr Haji Ismail bin Haji Duraman.

LAWATAN SEHARI PERDANA MENTERI THAILAND



HUBUNGAN SEMAKIN KUKUH ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Surayud Chulanont yang membuat lawatan singkat ke Negara Brunei Darussalam (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima mengadap dan mengadakan perjumpaan empat mata dalam lawatan perkenalan Tuan Yang Terutama.

Liputan : Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn
Foto: Ramli Tengah, Abdullah Haji
Awang Damit, Haji Sahrin Haji Asmat,
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BERAKAS, Khamis, 9 November. - Hubungan kerjasama dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand terus dipertingkatkan dan diperkukuhkan dengan ketibaan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Surayud Chulanont bagi lawatan sehari ke negara ini.

Mengalu-alukan Tuan Yang Terutama Jeneral Surayud Chulanont di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi selaku Menteri Pengiring dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Eusoff Agaki.

Sejurus turun dari pesawat khas, Tuan Yang Terutama dan rombongan telah disambut dengan Kawalan Statik oleh seramai 24 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Turut mengiringi lawatan Tuan Yang Terutama Jeneral Surayud Chulanont ialah Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Thailand, Tuan Yang Terutama M. R. Pridiyathorn Devakula; Menteri Hal Ehwal Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Nitya Pibulsonggram dan Menteri Buruh, Tuan Yang Terutama Apai Chandanachulaka.



BAGINDA dan Tuan Yang Terutama beredat ke Green Room bagi santap tengah hari sempena lawatan singkat Perdana Menteri Thailand ke Negara Brunei Darussalam (kanan). Sementara gambar atas, baginda dan Tuan Yang Terutama di Majlis Santap Tengah Hari setelah perjumpaan empat mata kedua-dua pemimpin berakhir.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Perdagangan berangkat sama di Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman. Juga kelihatan, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand, TYT Nitya Pibulsonggram serta rombongan Perdana Menteri Thailand.



KETIBAAN Perdana Menteri Thailand, TYT Jeneral Surayud Chulanont di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dialu-alukan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, selaku Menteri Pengiring (kiri dan kanan).

Bayar hutang sebelum diambil tindakan

SERIA, Sabtu, 4 November. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan menyuarakan semua peniaga dan penaja makanan supaya sentiasa membayar sewa masing-masing mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi memastikan ia tidak tertunggak.

Menurut rekod Jabatan Kenderaan Kuala Belait dan Seria, bagi tunggakan cukai rumah dan bangunan dalam awalan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria sehingga 31 Mac 2006 sebanyak \$4,697,357.35. Yang Berhormat menjelaskan demikian di Majlis Pembukaan Asmi Kompleks Gerai Baru Seria yang kini dikenali sebagai Kompleks 'Sri Selera Seria' (3S).

Sementara bagi Jabatan Kenderaan Bandar Seri Begawan, tunggakan cukai yang ada sehingga 19 Oktober 2006 sebanyak \$11,079,433.11. Hubungan itu Yang Berhormat mengingatkan mereka yang berhutang supaya mematuhi kewajipan dan bertanggungjawab untuk tidak selalai-lalai dalam meluaskan hutang-hutang dan arahan yang tertunggak.

"Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan-jabatan Bandaran dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara tidak akan ragu-ragu mengambil tindakan yang tegas dan tinjauan undang-undang ke atas mereka yang gagal membayar sewa atau cukai telah ditagih berulang kali," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai kompleks yang menempatkan gerai-gerai makan di bawah satu bumbung itu Yang Berhormat percaya ia akan memberikan penyelesaian dalam mempermudah orang ramai dan pelancong untuk berkunjung ke satu tempat untuk menyajikan beraneka jenis juadah dan masakan dengan harga yang berpatutan.

Apa yang penting dalam khidmat dan penyajian makanan selain daripada saiz masakan yang lazat dan edap, kebersihan tempat dan kawasan persekitaran, layanan mesra dan memuaskan, kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menamahi, orang ramai akan lebih minat untuk berkunjung ke gerai makan berkenaan kerana suasana persekitarannya yang bersih dan menyenangkan mata memandang.

"Apabila sesuatu tempat terkenal dengan makanan yang enak dan kawasan persekitaran yang bersih, orang ramai akan sanggup datang walaupun jauh hanya mata-mata untuk menikmati makanan yang terdapat di gerai berkenaan," kata Yang Berhormat.

Sehubungan itu Yang Berhormat menyarankan peniaga dan pengguna kompleks berkenaan supaya berusaha menjaga dan memelihara kebersihan serta menjaga daripada pencemaran dalam usaha menarik ramai pelanggan yang berkunjung ke gerai mereka agar ianya akan lebih dikenal dan popular bukan saja pengunjung di daerah malah juga di luar daerah serta para pelancong.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

bah bagi mewujudkan sebuah bandar, pekan atau kampung yang sejahtera khususnya dan negara umumnya selain daripada usaha yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerjasama yang erat lagi padu daripada orang ramai sangat-sangat diperlukan untuk sama-sama bertanggungjawab menjaga alam sekitar serta menjaga kebersihan.

Seperti yang tersiar dalam media massa di beberapa kawasan masih lagi terdapat segelintir masyarakat yang sewenang-wenangnya membuang sampah sarap di merata tempat dan yang bukan pada tempat yang dikhaskan.

Tabiat tersebut kata Yang Berhormat sudah setentunya bukan sahaja mencemarkan alam sekitar tetapi juga membawa kekotoran dan jika dibiarkan akan mengakibatkan pelbagai jenis penyakit serta menjejaskan keindahan dan kecantikan Negara Brunei Darussalam.

Dalam memperkeraskan untuk menjaga dan mengawal kebersihan serta menghindarkan dari pencemaran alam sekitar, kata Yang Berhormat, baru-baru ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkeraskan bagi Perintah Akta Kesalahan-kesalahan Kecil (Pindaan), 2006 (Minor Offences Act (Amendment) Order, 2006) dan satu Aturan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Kecil yang bergelar 'Aturan-aturan Kesalahan-kesalahan Kecil (Cara dan Prosedur untuk Mengkompau

(Minor Offences (Method and Procedure of Compounding) Rules, 2006) yang dikuatkuasakan pada 12 Oktober 2006.

"Aturan Kesalahan-kesalahan Kecil tersebut merupakan satu panduan dari segi undang-undang untuk memantapkan lagi penguatkuasaan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Kecil terutama sekali kesalahan pembuangan sampah atau sebarang kotoran di tempat awam di mana di bawah Bab 38A dari Akta tersebut denda kompaun yang boleh dikenakan tidak melebihi \$500.00," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menamahi aturan berkenaan juga

akan membantu agensi penguatkuasaan yang berkenaan untuk menyelesaikan kes-kes kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Kecil dengan lebih efektif dan dapat menyelesaikan kes tersebut dalam masa yang lebih singkat tanpa melalui proses tindakan mahkamah.

Oleh itu Yang Berhormat menyarankan orang ramai supaya mematuhi undang-undang berkenaan khususnya di bawah akta tersebut bagi menghindarkan pihak penguatkuasaan mengambil tindakan undang-undang demi sama-sama bertanggungjawab menjaga kebersihan, keindahan dan kecantikan kawasan perbandaran di persekitaran masing-masing dan kemudahan awam khususnya dan negara amnya bagi mengelakkan pencemaran dan kemungkaran yang boleh mengakibatkan pelbagai penyakit.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri menanam sepon pokok kenangan di hadapan kompleks berkenaan.

Perwakilan ASEAN ikuti program latihan OATS

KUALA BELAIT, Isnin, 6 November. - Seramai 27 orang peserta dari Institusi Sumber-sumber Manusia dari sembilan buah negara anggota ASEAN kini berada di negara ini bagi mengadakan program latihan mengenai sistem pengurusan alam sekitar.

Program latihan selama enam hari bermula hari ini di Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) dirasmikan oleh Setiausaha Kedua Kedutaan Besar Jepun ke negara ini, Hiroshi Okouchi.

isu persekitaran serta peluang berkongsi pengetahuan, pengalaman dan informasi di kalangan mereka melalui perbincangan e-Group.

Program seumpama itu dijangkakan mencapai matlamat dan membantu menambatkan pengetahuan para peserta dengan idea baru dan pengalaman melalui latihan yang intensif yang diartikan.

Beberapa orang pakar yang diundang khas dari Jepun menyampaikan pandangan dan pendapat masing-masing sewaktu sesi program tersebut. Program antara lain bertujuan mempromosikan dan memperluaskan lagi kefahaman mengenai dengan kepentingan pengurusan alam persekitaran yang lebih baik dan efisien di kalangan negara ASEAN.

Dengan pelaksanaan pro-

jek tersebut ia diharap dapat meningkatkan penggunaan yang meluas melalui pengurusan yang berkualiti, penghasilan bersih dan sistem pengurusan persekitaran oleh industri-industri di rantau ASEAN dan juga memperkembangkan kumpulan profesional yang akan menginisiatifkan kegiatan dan program pendidikan.

Melalui kursus tersebut para peserta juga akan menerangkan konsep dan dasar perkembangan yang berkecuali yang mustahak kepada operasi dan penghasilan industri, membincangkan proses yang terlibat dalam melaksanakan sistem pengurusan kualiti dalam sesebuah pertubuhan industri.

OATS ditubuhkan pada 1959 dengan persetujuan Kerajaan Jepun bagi mengendalikannya kes yang melibatkan alam persekitaran, di samping berperanan dalam menyediakan program-program seperti ini bagi membantu pembangunan manusia, industri dan negara.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang beramah mesra bersama seorang peniaga di gerai berkenaan.

Sajian lazat, kebersihan dijaga menarik pengunjung

SERIA, Sabtu, 4 November.

Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Pengiran Haji Mohd. Ali mengingatkan para peniaga supaya sentiasa mematuhi segala arahan yang diberikan dan peraturan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

Pengiran Haji Mohd. Ali juga mengingatkan mereka agar menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan dalam dan luar bangunan dengan baik, cermat dan berhati-hati. Beliau mengingatkan perkara tersebut di majlis pembukaan rasmi bangunan gerai baru Seria yang kini dikenali sebagai Kompleks 'Sri Selera Seria' (3S).

"Mengutamakan kebersihan dalam pelbagai bentuk antaranya dalam mengawal dan menjaga kebersihan diri, penyediaan makanan serta minuman serta persekitaran sekeliling juga sama pentingnya disamping mengamalkan sikap dan memelihara jiwa yang bersih jauh daripada perasaan iri hati serta hasad dengki sesama sendiri," ungkapnya.

Selain itu tambahnya sikap bersopan santun, mesra dan penuh ceria dalam melayani para pengunjung juga penting. Beliau berharap ejen-ejen pelancongan di Daerah Belait akan mampu mengenalkan bangunan gerai tersebut kepada pelancong luar negara dari

semasa ke semasa.

Dalam pada itu beliau juga mengingatkan para peniaga supaya menjelaskan bayaran tuntutan sewa ruang masing-masing setiap bulan tanpa bertangguh kerana kegagalan mereka mematuhi arahan dan peraturan termasuk gagal membuat bayaran sewa ruang, tindakan untuk membatalkan lesen perniagaan dengan penutupan ruang gerai akan diambil sewajarnya.

Gerai Baru Seria terletak di Jalan Kemantin tapak bekas pasar lama. Ianya mempunyai 31 ruang dapur dengan keluasan 19.44 meter persegi yang dilengkapi dengan peralatan asas. Keseluruhan lantainya seluas 2.924 meter persegi yang boleh menampung lebih kurang 700 orang. Gerai tersebut dilengkapi dengan kemudahan antaranya bilik ibadat, kawasan mencuci tangan dan sebuah bilik stor serta pejabat.

Projek pembinaan bangunan gerai tersebut diluluskan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-7 dengan peruntukan \$2 juta dengan cadangan awal pembinaan di atas tapak kawasan Jalan Raja Puteri dan Jalan Bunga Kuning dengan keluasan lebih kurang 0.9416 hektar.

Walau bagaimanapun melihat kepada kesesuaian tapak yang lain, tapak awal itu dipindah dalam RKN Ke-8 ke kawasan yang ada se-

karang. Bangunan bekas pasar lama yang dibina pada tahun 1953 mula dikosongkan pada tahun 1997 kerana semua peniagaannya dipindahkan ke Pasar Baru di Lorong Tiga Selatan (Pasar-naka Seria yang ada sekarang.) Bangunan bekas pasar lama telah dirobohkan pada akhir tahun 2001.

Projek pembinaan gerai baru tersebut telah ditawarkan kepada pemborong tempatan pada 13 Januari 2005 dan penyerahan tapak kepada syarikat berkenaan pada 25 Januari 2005. Bangunan tersebut siap dan diserahkan secara rasmi kepada Jabatan Bandaran pada 5 Ogos 2006, sementara aktiviti perniagaan dimulakan pada 1 September 2006 secara berperingkat-peringkat.

Bangunan tersebut dibuka rasmi oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan. Di majlis itu Yang Berhormat telah menanam pokok kenangan serta beramah mesra dengan para peniaga di gerai berkenaan.

Hadir sama Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani; Setiausaha Tetap Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.



SETIAUSAHA Kedua Kedutaan Besar Jepun ke negara ini dan para peserta perwakilan dari negara-negara ASEAN ketika menghadiri program latihan mengenai sistem pengurusan alam sekitar.

EKONOMI

PetroleumBRUNEI - JBIC tandatangani MOU

RIMBA, Isnin, 30 Oktober. - Syarikat Brunei National Petroleum Sendirian Berhad (PetroleumBRUNEI) menandatangani perjanjian persefahaman bagi kerjasama pembiayaan projek bersama Japan Bank for International Cooperation (JBIC).

Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Ibrahim selaku Penolong Pengerusi Lembaga Pengarah PetroleumBRUNEI hadir menyaksikan majlis penandatanganan yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Ketua Pegawai Ekse-

Oleh: Maslina Awang Kurus, Zahrani Haji Bojeng

kutif PetroleumBRUNEI, Awang Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abu Bakar menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Senior Executive Director of JBIC.

Dalam memorandum tersebut, JBIC akan berkongsi pengalaman dalam pembiayaan projek bersama PetroleumBRUNEI melalui seminar dan pertukaran maklumat.

Syarikat usaha sama PetroleumBRUNEI, Syarikat Brunei Methanol Sdn. Bhd. dan pemegang saham yang lain (Syarikat Mitsubishi Gas Chemical dan Itochu Corporation) berbincang dengan JBIC bagi

pembiayaan projek Brunei Darussalam Methanol untuk membangunkan loji petrochemical pertama negara berasaskan gas.

PetroleumBRUNEI percaya bahawa kejayaan syarikat bergantung tenaga kerja dan akan komited dalam peralihan-pelaburan pembangunannya.

Peserta seminar juga disaran menggunakan sepenuhnya peluang mempelajari pengalaman melalui JBIC dalam pelbagai projek di seluruh dunia.

Majlis penandatanganan MOU tersebut diikuti dengan seminar pembiayaan projek oleh JBIC.



MENTERI Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman selaku Penolong Pengerusi Lembaga Pengarah PetroleumBRUNEI menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Bagi Kerjasama Pembiayaan Projek Bersama Japan Bank for International Cooperation (JBIC) yang ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif PetroleumBRUNEI, Awang Haji Mohd. Jaafar dan wakil dari JBIC. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

Pengiktirafan halal produk-produk punyai nilai premium

BERAKAS, Sabtu, 21 Oktober. - Projek pembangunan jenama Brunei Premium Halal merupakan salah satu inisiatif Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Brunei, (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan dalam memberikan perkhidmatan pengiktirafan halal bagi produk-produk yang mempunyai nilai premium sama ada dari dalam atau luar negeri.

Projek ini antara lain bertujuan untuk menunaikan kewajipan Fardu Kifayah dalam usaha memperbanyakkan lagi makanan halal yang boleh dimakan oleh orang Islam selain memberikan peluang pelaburan sama ada di dalam atau luar negara, di samping mengeratkan hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-

negara rakan kongsi.

Pihak KPSSU telah mengadakan jerayawara dan sesi perbincangan dengan pihak-pihak swasta sama ada yang telah terlibat dalam perusahaan makanan atau yang belum menceburi sektor ini.

Jerayawara bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KPSSU, dihadiri oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad dan Timbalan Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Hamdilah dan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian tersebut, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid.

Pada taklimat berkenaan, KPSSU menyatakan pada peringkat pertama ini, Negara Brunei Darussalam akan mengiktiraf halal bagi

Oleh: Maslina Awang Kurus, Zahrani Haji Bojeng

produk-produk Australia yang sebahagian besarnya telah pun dipasarkan ke pasaran dunia seperti negara-negara Timur Tengah.

Dalam perundingan untuk mendapatkan pengiktirafan ini, syarikat-syarikat pengeluar di Australia juga akan mendapat pengiktirafan 'equity share' dan berminat untuk membuat pelaburan di Negara Brunei Darussalam.

Pada masa yang sama, KPSSU juga akan berusaha untuk meningkatkan kualiti produk tempatan supaya ia akan mendapat pengiktirafan daripada Brunei Premium Halal untuk sama-sama menerokai pasaran antarabangsa.

Pasaran halal secara keseluruhan berjumlah AS\$560 bilion di mana sektor makanan sahaja bernilai

lebih kurang AS\$150 bilion.

Melihat kepada pertumbuhan umat Islam yang pada masa ini hampir mencapai dua bilion, peluang-peluang perdagangan dalam sektor ini sememangnya mempunyai potensi yang besar.

KPSSU mengongsikan peluang-peluang perniagaan yang besar melalui projek ini dengan memilih rakan kongsi daripada Australia atau lain-lain negara yang mempunyai produk yang berkualiti dan premium.

Bagi pelaburan di Negara Brunei Darussalam pihak KPSSU telah menyediakan tapak seluas 26 hektar di kawasan Tungku Gadong sebagai kawasan pembangunan perusahaan melibatkan pengiktirafan Brunei Premium Halal yang juga akan dijadikan tapak bagi menampung kajian-kajian dan lain-lain aktiviti berkaitan dengannya.

Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi kredibiliti pengiktirafan Brunei melalui inisiatif Brunei Premium Halal, KPSSU dengan kerjasama MUIB, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan telah berusaha membentuk satu piawaian halal bagi makanan selain meningkatkan keupayaan makmal untuk mengendalikan pengaliran bahan-bahan makanan.

Projek Brunei Premium Halal ini merupakan salah satu projek 'Flagship' KPSSU dalam usahanya untuk mempelbagaikan ekonomi, meningkatkan kualiti pengeluaran tempatan, memberikan peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan dan mengenalkan Negara Brunei Darussalam kepada dunia luar sebagai negara pengiktirafan halal yang tidak diragui kehalalannya.



PENYERAHAN Perjanjian Projek 'Program Insentif' dari Pemangku Pengarah Pertanian, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri dan berwakil Pengurus Projek Agrotech Canada Inc., Tuan Neal Carter. Penyerahan itu disaksikan sama oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Pengiran Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin. - Foto: Ak. Amirul Pg. Haji Ali.

Program Insentif Pertanian dan Agribisnes ditandatangani

BERAKAS, Sabtu, 4 November. - Dalam usaha berterusan memajukan sektor pertanian, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pertanian telah merancang beberapa projek termasuk melantik Agrotech Canada Inc. dengan usaha sama Syarikat Sacammas Sdn. Bhd. untuk melaksanakan 'Program Insentif Pertanian dan Agribisnes', yang baru bagi Negara Brunei Darussalam.

Majlis penandatanganan program tersebut yang berlangsung di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian diwakili oleh Pemangku Pengarah Pertanian, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri dan wakil Pengurus Projek Agrotech Canada Inc., Tuan Neal Carter.

Penandatanganan disaksikan oleh Penolong Pengarah Pertanian, Awang Haji Sufri bin Abdullah, manakala Agrotech Canada Inc. dan Pengarah Sacammas Sdn. Bhd. diwakili oleh Tuan Tun Boon Chiam.

Ditubuhkan pada tahun 1976, Agrotech Canada Inc. Bhd. merupakan sebuah firma konsultansi pembangunan antarabangsa memberikan khidmat kepakaran dalam bidang pertanian dan pengurusan sumber alam, pembangunan sosial dan ekuiti genda, pengurusan alam sekitar dan pembangunan akuakultur dan perikanan.

Syarikat Sacammas Sdn. Bhd. ialah syarikat tempatan yang sudah lama bertapak dalam bidang perkhidmatan dan pengedaran produk-produk saintifik dan bahan kimia di Negara Brunei Darussalam.

Oleh: Maslina Awang Kurus, Zahrani Haji Bojeng

Juga menyaksikan penandatanganan itu ialah tetamu kehormat, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Pengiran Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Projek ini adalah hasil dari kajian yang dilaksanakan oleh Commonwealth Fund for Technical Cooperation (CFTC) pada tahun 2003 mengenai Program Insentif Pertanian yang sedia ada.

Program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian pada masa ini bertujuan untuk menyokong pembangunan sektor primari yang sejauh ini telah mencapai kejayaan.

Fokus utama ke arah perubahan kepada agribisnes, ialah untuk mempertingkatkan lagi pembangunan sektor pemprosesan berasaskan agro dan menyediakan program-program pembangunan seumpama ini untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta di dalam agribisnes terutama sekali untuk mendiversifikasi ekonomi.

Negara Brunei Darussalam adalah ahli asal WTO di mana dalam perjanjian pertanian WTO menyekat jenis dan jumlah program-program dukungan tempatan.

Ahli-ahli WTO sedang membincangkan mengenai pengubalan Perjanjian Pertanian di bawah Agenda Pembangunan Doha yang dijangka akan mengurangkan lagi jumlah dukungan dan bantuan untuk sektor pertanian.

Sebagai ahli kepada AFTA, Negara Brunei Darussalam telah mengurangkan tarif dalam perdagangan ASEAN antarabangsa ke paras yang terendah.

Projek ini diharapkan akan dapat merumuskan program intensif yang baru dan menepati ke arah visi dan misi Jabatan Pertanian bagi pasaran agribisnes yang mapan dan meningkatkan daya saing Jabatan Pertanian dan sektor Agri-Makanan di negara ini.

Inisiatif ini juga mematuhi perjanjian yang telah ditandatangani oleh Negara Brunei Darussalam dalam WTO, AFTA, APEC dan ASEAN.

Kajian yang bakal dijalankan ini akan menilai kecekapan, keberkesanan dan kesesuaian Program Insentif Pertanian yang ada pada masa ini dalam mencapai objektif Kerajaan Negara Brunei Darussalam terutama sekali Rancangan Kemajuan Negara, Jabatan Pertanian.

Kajian ini akan menilai keseluruhan aspek penyampaian program insentif jika memerlukan pertimbangan yang perlu ditangani, di samping keberkesanan kepada SMEs.

Aspek utama dalam kajian ini adalah untuk menjelaskan, menilai dan mencadangkan sebarang perubahan yang perlu ke atas program yang ada pada masa ini dalam menyediakan kos pengeluaran yang rendah.

Pembentukan program intensif yang baru ini dihasratkan akan dapat memudahkan lagi perkembangan dan pembangunan sektor pertanian dan agribisnes.

DILANTIK JADI TIMBALAN SUT KPSSU

PADA menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan supaya Pengiran Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin, Pengarah



Pertanian dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Perlantikan tersebut berkuat kuasa mulai pada hari Rabu, 9 Syawal 1427 bersamaan 1 November 2006.

Kejayaan Sukuk Al-Hijarah Ke-4

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 November. - Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan sukacita memaklumkan kejayaan insurans sekuriti jangka pendek Sukuk Al-Hijarah Ke-4.

Sejumlah BND120 juta yang dikeluarkan bagi tempoh kematangan 91 hari bermula 2 November 2006 dan matang pada 1 Januari 2007 pada kadar 3.375 peratus.

Ini merupakan keluaran keempat sekuriti jangka pendek Sukuk Al-Hijarah Kerajaan Brunei berikutan kejayaan tawaran pertama pada 6 April 2006.

Sertai Persidangan ITU

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 3 November. - Timbalan Menteri Perhubungan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Isuf bin Haji Abdulamid berlepas ke Antalya, Turki bagi menghadiri Persidangan Perhubungan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) Ke-1 mewakili kerajaan yang berlangsung pada 6 hingga 11 November ini.

Persidangan dijangka dihadiri lebih 2,000 orang peserta dari 150 negara mewakili sektor kerajaan dan swasta termasuk organisasi antarabangsa dan serantau.

Persidangan wakil negara-negara ITU, badan membuat dasar utama yang diadakan empat tahun sekali itu merupakan acara penting di mana negara-negara anggota akan menentukan peranan masa depan organisasi dengan mengenalpasti keupayaan mereka mempengaruhi pembangunan teknologi informasi-telekomunikasi (ICT).

Persidangan yang akan menyediakan visi baru dan arah tuju ITU ke arah perhubungan dan pembangunan maklumat dan telekomunikasi seluruh dunia serta teknologi-teknologi komunikasi bagi kepentingan semua negara anggota itu disertai oleh

Oleh: Zahrani Haji Bojeng

Negara Brunei Darussalam sejak 1984.

Menurut Dato Paduka Dato antara signifikan yang diketengahkan pada persidangan itu nanti ialah merumuskan pelan strategik kewangan bagi tempoh empat tahun dan pemilihan beberapa jawatan pengurusan kanan dalam organisasi, ahli-ahli majlis dan ahli-ahli lembaga peraturan radio.

Timbalan Menteri Perhubungan juga menyatakan mengenai kepentingan memilih calon-calon yang bersesuaian untuk mengurus organisasi bagi membolehkan pencapaian matlamat, di samping memandu organisasi ke arah hala tuju sebenar selaras dengan perkembangan industri ICT.

Persidangan ini diadakan ketika industri-industri telekomunikasi dan ICT sedang menuju trend sehalu, yang menurut Dato Paduka merupakan peluang keemasan kepada delegasi untuk bertukar pandangan dan pengetahuan mengenai dasar pembangunan dan teknologi negara-negara anggota.

ITU sebuah agensi

Denda tidak lebih \$500 bagi kesalahan pembuangan sampah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 November. - Denda kompaun tidak melebihi \$500.00 akan dikenakan bagi kesalahan pembuangan sampah atau sebarang kotoran di tempat awam di bawah Bab 38A dari Akta Kesalahan-kesalahan Kecil (Minor Offences Act).

Perintah Akta Kesalahan-kesalahan Kecil (Pindaan) 2006 dan Aturan-aturan Kesalahan-kesalahan Kecil yang telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu berkuat kuasa pada 12 Oktober 2006.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman menjelaskan perkara itu di sidang media yang berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di ibu negara hari ini.

Menurut beliau, Aturan Kesalahan-kesalahan Kecil itu merupakan satu panduan dari segi undang-undang untuk memantapkan dan memperkukuhkan lagi penguatkuasaan kesalahan-kesalahan di bawah akta tersebut.

Di samping itu, katanya, ia juga bagi membantu agensi-agensi penguatkuasaan yang terdiri daripada Lembaga Bandar dan seluruh negara, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pejabat Dacrah, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pe-



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris di sidang media mengenai Perintah Akta Kesalahan-kesalahan Kecil (Pindaan) 2006 dan Aturan-aturan Kesalahan-kesalahan Kecil. - Foto : Hermie Sullana Haji Othman.

Oleh: Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

ngangkutan Darat untuk menyelesaikan kes-kes kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Kecil (Minor Offences Act) dengan lebih efektif dan dapat menyelesaikan kes tersebut dalam masa yang lebih singkat tanpa melalui proses tindakan mahkamah.

"Dengan adanya pindaan perintah akta itu diharap orang ramai akan lebih peka serta memberikan kerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan dalam sama-sama menjaga kebersihan dan keindahan di tempat-tempat awam," ujar beliau.

Menurut Aturan Tiga Aturan-aturan Kesalahan-kesalahan Kecil (Cara dan Prosedur untuk Mengkompaun), 2006, pembayaran hendaklah dijelaskan secara tunai di dalam masa tujuh hari dari tarikh dikenakan kompaun.

Manakala menurut Aturan Empat Aturan-aturan Kesalahan-kesalahan Kecil (Cara dan Prosedur untuk

Mengkompaun), 2006, pula menjelaskan bahawa pegawai penguatkuasaan akan mengeluarkan satu resit pembayaran kepada orang yang dikenakan kompaun.

Dalam sidang media itu Penasihat Undang-Undang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Ahmad Nizam bin Dato Paduka Haji Ismail telah menggariskan tujuh jenis kesalahan di bawah Bab 12 Akta Kesalahan-kesalahan Kecil Penggal 30 bagi kesalahan yang terdiri dari individu dan badan-badan lain.

Di bawah Bab 12 (1) (a), sesiapa yang meletak, melonggok atau mencampakkan sebarang debu, habuk, kertas, abu, bangkai binatang, sampah, kotak, tong, karung atau barang lain di sebarang tempat awam, dan di bawah Bab 12 (1) (b), menyimpan atau meninggalkan sebarang benda atau barang apa pun di sebarang tempat di mana ianya atau butir-butir benda atau barang itu telah beralih

atau mungkin beralih ke sebarang tempat awam akan dikenakan denda \$100.00 bagi individu dan \$200.00 bagi badan-badan lain.

Sementara dan di bawah Bab 12 (1) (c), mencampak, meletak, menumpah atau menghamburkan sebarang darah, air garam, makanan babi, cecair beracun atau bahan lain yang busuk atau kotor dari apa pun jenisnya dalam keadaan yang akan menyebabkan mengalir atau jatuh ke sebarang tempat awam; juga akan dikenakan denda \$300.00 bagi individu dan \$500.00 bagi badan-badan lain.

Begitu juga di bawah Bab 12 (1) (d), bagi kesalahan menggugur, menumpah atau menghamburkan sebarang habuk, batu, rumput, jerami, tatal, habuk kayu, abu, kotoran kebun, kotoran bangsal, kotoran perniagaan, baja, sampah atau apa jua barang atau bahan lain disebarkan di sebarang tempat awam, sama ada dari sebarang kenderaan yang bergerak atau tidak atau dalam apa jua cara lain; dan di bawah Bab 12 (1) (e), mencampak atau meninggalkan sebarang botol, kaca, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, butir-butir

makanan atau sebarang benda atau barang lain di sebarang tempat awam akan dikenakan \$300.00 bagi individu dan \$500.00 bagi badan-badan lain.

Tanpa kebenaran yang sah, meninggalkan, di atas mana-mana bahagian jalan raya atau di atas sebarang tanah lapang - sebarang kenderaan di bawah Bab 12 (1) (f); atau tanpa kebenaran yang sah, meninggalkan, di atas mana-mana bahagian jalan raya atau di atas sebarang tanah lapang - apa jua barang lain, iaitu suatu barang yang telah dibawa olehnya ke tanah itu bagi maksud meninggalkannya di situ di bawah Bab 12 (1) (g) akan dikenakan denda \$500.00 bagi individu dan badan-badan lain.

"Sekiranya seseorang itu gagal membayar tawaran kompaun tersebut maka tindakan undang-undang ke mahkamah di bawah Bab 12 Akta Kesalahan-kesalahan Kecil bolehlah diambil dan jika didapati bersalah, sabit kesalahan ialah denda \$1,000.00 bagi kesalahan pertama dan kesalahan seterusnya denda \$3,000.00 dan penjara tidak melebihi tiga bulan," tegas beliau.

Pemenang BICTA sertai APICTA di China

Oleh: Zahrani Haji Bojeng

BERAKAS, Rabu, 1 November. - Serombongan 18 orang terdiri dari pegawai dan pemenang Anugerah Teknologi Maklumat Brunei (BICTA) bertolak ke Macau, China bagi menyertai Pertandingan Anugerah Asia Pasifik 2006 (APICTA 2006) yang akan diadakan dari 2 hingga 5 No-

vember 2006.

Penyerahan bendera negara oleh Pemangku Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul

Rahman selaku Pengerusi Strategik E-Kerajaan, Polisi dan Penyelidikan Kumpulan (EgSPEC) kepada Pemangku Pengarah Teknologi Maklumat, Awang Haji Umar Ali bin Haji Abdullah selaku ketua

rombongan diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Juga menyertai rombongan ialah empat orang hakim dari BICTA 2006, Dr. Yong Chee Tuan dan Dr. Jimmy Lim Chee Ming dari Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Abdul Rahim bin Derus dari Kementerian Pendidikan dan Haji Osman bin Haji Ladis dari Brunei Shell Petroleum yang akan turut mengahkimi APICTA 2006.

APICTA merupakan program anugerah antarabangsa bertujuan untuk meningkatkan kesedaran infotelekomunikasi (ICT) pada masyarakat, di samping membantu mengeratkan pembahagian digital serantau.

APICTA disertai oleh 14 buah ekonomi APEC termasuk Australia, Negara Brunei Darussalam, Hong Kong, India, Republik Indonesia, Korea, Macau, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Sri Lanka, Republik Thailand dan Viet Nam.



PEMANGKU Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman menyerahkan bendera negara kepada ketua rombongan. - Foto : Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidayat.

Keprihatinan baginda tingkatkan kegiatan, kemajuan PPPNBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 3 November. - Sambutan Hari Pandu Puteri yang ditunggu-tunggu oleh setiap ahli telah berlangsung dengan meriahnya, dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha selaku Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPPNBD) yang berlangsung di Jerudong Park & Country Club.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri merupakan satu penghormatan yang tidak ternilai dan detik istimewa bagi sejarah PPPNBD. Keberangkatan baginda dan kerabat diraja juga menunjukkan sikap keprihatinan dan pemedulian serta menjadi pemangkin kepada ahli-ahli persatuan ini agar lebih bergiat aktif dan bersikap optimis kepada aktiviti-aktiviti peningkatan kegiatan kemajuan, citra dan kebajikan persatuan ini.

Berangkat ke majlis petang itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatulk Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Atur cara majlis petang tadi itu dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Pesuruhjaya Perkembangan, Ustazah Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Dalam sembah alu-aluan, Ketua Pesuruhjaya PPPNBD, Dayang Hajah Siti Hafisah binti Haji Abdul Halim melahirkan rasa penghargaan ke hadapan majlis baginda kerana mendapat seorang pemimpin yang prihatin, pemurah dan pengasih yang dapat dicontohi oleh ahli-ahli muda persatuan ini.

Di bawah kepimpinan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, PPPNBD bukan sahaja berkembang dengan baik di negara ini bahkan sumbangan dan komitmennya di arena antarabangsa sejak ianya menjadi Ahli Bersekutu WAGGGS pada tahun 1987 dan seterusnya menjadi ahli penuh WAGGGS pada tahun 1996 sangat menggalakkan. PPPNBD telah menjadi tuan rumah ke tujuh Persidangan Serantau Asia Pasifik pada bulan Jun 2001 dan sejak tahun 1995 setiap dua tahun menjadi tuan rumah kepada 'Rantau Asia Pasifik Round Robin Cultural Exchange Programme'.

Acara kemuncaknya ialah pengurniaan sijil penghargaan dan cenderahati 55 tahun ter-



BAGINDA berkenan memotong kek Hari Puja Usia, yang disembahkan ke hadapan majlis baginda oleh PPPNBD.

tubuhnya PPPNBD kepada Yang Dipertua dari tahun 1983 hingga sekarang, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna yang diwakili oleh Datin Paduka Hajah Jusnani binti Haji Lawie.

Pengurniaan juga turut disampaikan kepada Pesuruhjaya Negeri PPPNBD pada tahun 1963 hingga 1970, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Majlis kemudiannya menyaksikan pengurniaan Lencana Khidmat Lama Emas 20 tahun kepada empat

penerima yang didahului oleh Yang Dipertua PPPNBD, Dayang Hajah Siti Hafisah; Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPNBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Ali dan Penasihat Perkembangan dan Latihan PPPNBD, Datin Paduka Hajah Nosiha binti Haji Mohd. Daud.

Majlis diserikan dan diikuti dengan acara Hari Pandu Puteri 2006 dan Majlis Memotong Kek Sempena Hari Puja Usia oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPPNBD) berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli PPPNBD sejeurus tiba di Majlis Sambutan Hari Pandu Puteri.



Liputan : Zabaidah Haji Salat
zabaidah.salat@information.gov.bn
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

Foto : Ramli Tengah,
Haji Sahrin Haji Asmat



BAGINDA berkenan mengurniakan sijil penghargaan dan cenderahati 55 tahun tertubuhnya PPPNBD kepada YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Dipertua PPPNBD yang diwakili oleh Datin Paduka Hajah Jusnani, Penasihat Bersama PPPNBD (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan mengurniakan Lencana Khidmat Lama Emas (20 tahun) kepada seorang Ahli Jawatankuasa Tertinggi PPPNBD. Manakala gambar bawah, baginda dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berangkat di Majlis Sambutan Hari Pandu Puteri yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Jerudong Park.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli Tunas Puteri, yang juga merupakan pelapis masa depan PPPNBD.



CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah berangkat menyertai pasukan Tunas Puteri dengan mempersembahkan lagu, Kesetiaan Pandu Puteri.

MAJLIS SAMBUTAN PUJA USIA KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI



BERAKAS, Sabtu, 4 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Pujia Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Isteri anjuran bersama Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD), Persatuan Wanita Brunei Shell, PENJURU dan PEKERTI. Majlis berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran

Oleh : Zahrani Hj Bojeng,
Maslina Awang Kurus

Foto: Pg Rafee Pg. Dato Paduka Haji
Metassim, Ampuan Haji Mahmood
Ampuan Haji Tengah

Bini Hajah Faizah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah, Yang Teramat Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di majlis itu telah berkenan memotong kek hari puja usia yang disembahkan ke hadapan majlis baginda oleh MWNBD dan persatuan-persatuan wanita yang lain dengan diiringi nyanyian 'Selamat Pujia Usia' dan seterusnya berkenan menerima pesambah dari penganjur majlis dan persatuan-persatuan wanita yang lain.

Majlis juga diserikan dengan persembahan nyanyian dan tarian daripada persatuan-persatuan wanita.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta kerabat-kerabat diraja yang lain berkenan menerima junjung ziarah daripada jemputan yang hadir.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar ketika berkenan berangkat di Majlis Sambutan Pujia Usia Baginda yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas). Sementara gambar kanan, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan bergambar ramai bersama ahli-ahli jawatankuasa majlis.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan memotong kek hari puja usia yang disembahkan ke hadapan majlis baginda oleh Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) dan persatuan-persatuan wanita yang lain (bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambah dari MWNBD yang disembahkan oleh Yang Dipertua MWNBD, Datin Hajah Fatimah (atas) dan dari salah sebuah lagi persatuan wanita (atas kanan).



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DTYM Pengiran Isteri serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan menerima junjung ziarah para jemputan yang hadir (kanan dan bawah).



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berangkat meninggalkan majlis.

INSTITUSI MASJID BERPERANAN MEMENUHI KEPERLUAN MASYARAKAT

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

SAYA bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat bersama tuan-tuan sekalian di majlis ini.

Saya sukacita pula mengucapkan terima kasih kepada penganjur seminar ini kerana mengundang saya merasmikannya.

Semogalah kita sekalian dapat menambatkan pahala dengan berkumpul dalam acara keilmuan seperti ini, khasnya kerana seminar yang diadakan adalah berhubung dengan ehwal mentakmirkan rumah Allah yang disebut-Nya dengan nama masjid.

Saya juga ingin mengalu-alukan saudara-saudara dari luar negeri. Saya berharap kami dapat memberikan layanan selayaknya. Dan yang penting kita semua akan sama-sama mengambil manfaat dari seminar ini.

Saya difahamkan bahawa seminar yang disempenakan dengan sambutan memperingat Israk dan Mikraj ini adalah bertujuan untuk meningkatkan peranan masjid sebagai pusat kegiatan kemasyarakatan.

Dalam proses itu seminar akan memberikan ilmu, kefahaman dan peluang perbincangan sesama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid menerusi pembentangan pengalaman mengenai pengurusan dan pentakmiran masjid-masjid di negara ini dan negara-negara anggota MABIMS.

Dengan cara itu hasil seminar diharapkan akan dapat menolong meningkatkan keberkesanan peranan Jawatankuasa Takmir Masjid dalam mengimarahkan masjid-masjid di bawah kawalan masing-masing.

Tujuan dan kesempatan berseminar ini tentu sahaja didorong oleh kefahaman serta kesedaran tentang peranan penting masjid, kedudukan istemewanya dan tanggungjawab untuk memberi erti yang tepat kepada kemuliaannya sebagai Rumah Allah.

Kita dapat menyebut berulang kali bahawa kepentingan, keistimewaan dan kemuliaan masjid itu dapat dikesan dari Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ketika mula-mula memasuki Madinah setelah berhijrah dari Mekah masjidil-haram yang baginda bangun. Bukan rumah kediaman. Bukan

juga bangunan semacam dewan atau semacam gelanggang.

Jejak langkah Baginda itu memberi isyarat tentang fungsi penting masjid dalam menyempurnakan tugas, tanggungjawab dan kewajipan menegakkan agama dan pemerintahan. Kerana Baginda adalah seorang Nabi dan Rasul untuk membentuk, membina masyarakat dan ummah yang mentauhidkan Allah. Tugas tersebut adalah tugas kenegaraan yang dijana dalam risalah kenabian dan kerasulan Baginda sebagai pembawa rahmat kepada seluruh alam.

Tetapi saya percaya seminar ini bukan lagi akan memperkatakan perkara-perkara itu. Bukan lagi akan mengupasnya. Dan bukan pula akan membuat rumusan-rumusan yang 'rhetoric'.

Sudah banyak waktu yang digunakan untuk menegakkan kepentingan masjid. Sudah berkali-kali seminar bahkan kongres diadakan di peringkat serantau dan antarabangsa. Kita telah menerima dan mengakui kepentingan masjid menerusi seminar kongres itu. Bahkan kita telah lebih awal diberi kefahaman mengenai menerusi ceramah-ceramah radio dan televisyen, menerusi bahan-bahan bacaan dan pendidikan, formalnya dan nonformalnya.

Dua tahun yang lalu, tepatnya pada 19 - 21 Julai 2004, Majlis Ilmu yang pertama sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Di-Pertuan adalah berupa Seminar Institusi Masjid.

Seminar mengenai masjid yang dianjurkan dalam skala besar itu telah juga menyertakan pembentangan beberapa kertas dari Republik Indo-

nesia, Malaysia, Republik Singapura dan Thailand. Dan ditambah dengan beberapa kertas kerja dari Brunei sendiri saya dapat mengatakan bahawa seminar tersebut lebih dari cukup untuk menegakkan perihwal masjid: sejarahnya, peranannya, kepentingannya, keistimewaan-nya dan kesuciannya; selain mengenai reka bentuknya. Itu dua tahun dahulu.

Maka sudah sampai waktunya kita duduk berunding untuk melakar rancangan baharu sambil menilai kembali rancangan-rancangan yang sedang atau akan dilaksanakan.

Sudah sampai waktunya, kita lebih banyak menumpukan perhatian kepada memperkemas program takmir masjid dan mengatur strategi pelaksanaannya. Dan kita tentukan prioritas-prioritas di antara sekian banyak program yang ada.

Saya percaya menerusi perbincangan dan bertukar pengalaman maka peserta-peserta yang terdiri dari Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid akan mendapatkan ilham untuk merangka program dan mengatur strategi yang tepat serta menentukan prioritas bagi memberi makna kepada kepentingan, keistimewaan, kemuliaan dan keindahan masjid yang ditakmirkan itu.

Dalam hubungan ini elok kita teliti kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di Majlis Sambutan Israk dan Mikraj dua tahun yang lalu (1425H/ 2005M): Semua kegiatan yang merujuk kepada pemakmuran masjid hendaklah disusun dan dipertingkatkan terus. Fungsi atau peranannya juga diperluaskan dengan pelbagai aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan. Salah satu peranan yang

patut diisi ialah menyebarkan ilmu pengetahuan dan memberikan khidmat bakti berupa nasihat-nasihat kepada masyarakat.

Ringkasnya, raja kita yang menempati kedudukan pemimpin tertinggi dan walil amri kita dalam bernegara itu telah memerintahkan:

Pertama: Supaya kegiatan mentakmirkan masjid disusun dan ditingkatkan.

Kedua: Supaya fungsi atau peranan masjid diperluaskan dengan kegiatan-kegiatan keagamaan dan kemasyarakatan.

Ketiga: Supaya masjid menjadi tempat menyebarkan ilmu pengetahuan dan memberikan khidmat bakti nasihat-nasihat kepada masyarakat.

Untuk bersikap saksama dalam hal ini kita tidaklah sampai menafikan betapa kegiatan mentakmir masjid telah disusun dan malah telah dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Tinggal lagi kegiatan yang disusun dan ditingkatkan itu patutlah juga memajukan perkara-perkara baharu yang bukan perkara rutin.

Dan tidak pula salahnya menggiatkan dan merencanakan program-program lama dengan corak, pendekatan dan 'presentation' yang baharu.

Titah menyebutkan kegiatan-kegiatan keagamaan dan kemasyarakatan, menyebarkan ilmu dan memberikan khidmat bakti nasihat.

Kegiatan menyebarkan ilmu di masjid tidak sahaja berupa acara-acara suka duka seperti khidmat dan layanan penyempurna jenazah atau kenduri-kenduri. Masuklah juga khidmat nasihat, kaunseling keluarga, belia dan remaja.

Tidak kurang penting

HALUAN



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, di Majlis Seminar Jawatankuasa Takmir Masjid Sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1427 Hijrah, pada hari Isnin 4 Syaaban 1426/28 Ogos 2006.

ialah membuat kerja-kerja kemasyarakatan, khasnya memedulkan ehwal orang-orang susah, fakir miskin dan keluarga atau golongan yang bermasalah dalam qaryah atau 'zone' masjid. Dan lakukanlah itu secara berprogram, bukan secara 'ad-hoc', bermusim seperti menjelang Hari Raya sahaja.

Ada orang berpendapat bahawa institusi-institusi seperti pendidikan, sosial kebajikan dan sebagainya sudah berkembang menurut bidangnya. Dengan itu fungsi masjid yang merangkumi serba-serbi keperluan masyarakat dan umat dalam bidang-bidang pendidikan dan kemasyarakatan sebagaimana di zaman awalnya itu tidak lagi 'relevan'. Menurut mereka masjid hendaklah menumpukan kepada fungsi keagamaannya sahaja.

Mereka seterusnya berhujah bahawa bidang-bidang pendidikan dan kemasyarakatan sudah ditangani secara pengkhususan tugas dan tanggungjawab. Bahkan tenaga-tenaga yang mengerakkannya juga adalah terdiri mengikut bidang 'discipline' dan ikhtisarnya.

Maka mereka yang berhujah sedemikian itu mahu supaya institusi masjid terus kekal dengan fungsi keagamaannya sahaja. Bukan turut-turutan melimpasi

bidangnya dan masuk ke bidang-bidang lain di mana ada orang-orang atau pihak-pihak yang akan menanganinya secara khusus.

Kita tidak perlu meng-hujah balik pendapat yang ekstrem ini.

Orang mudah sahaja melupakan bahawa bukan masjid atau orang-orang masjid yang menentukan fungsinya sehingga meliputi bidang-bidang pendidikan dan kemasyarakatan. Masyarakatlah dan ummatlah yang memberikan fungsi sedemikian.

Asasnya ialah terdapat keperluan untuk masjid turut serta dalam mendukung keperluan masyarakat terutama bagi membantu mengatasi isu-isu yang tidak tertanggung dan tidak tertangani oleh institusi yang khusus itu, seperti halnya isu sosial, pendidikan dan sebagainya. Ada waktu-waktunya masjidlah yang dituju.

Kerana itu suatu hal yang penting kita fikirkan ialah melengkapkan masjid bagi memikul tugas sebagai pendukung itu terutama dari segi tenaga dan prasarannya.

Dalam aspek ini Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dan secara berterusan mengambil langkah meningkatkan kelayakan pegawai-pegawai masjid. Selain menerusi kursus-kursus meman-

tapkan tugas dan kepimpinan mereka, lantikan Pegawai Hal Ehwal Masjid dari kalangan lepasan ijazah juga telah dibuat dan akan terus dibuat. Ini untuk memastikan masjid-masjid di masa hadapan akan lebih mantap memenuhi sebahagian fungsinya sebagai pusat rujukan keagamaan di peringkat qaryah atau 'zone'-nya.

Dari aspek yang lain di mana jawatankuasa takmir sangat penting untuk menggerakkan program-program pendidikan dan ehwal kemasyarakatan maka tenaga-tenaga profesional patutlah tampil ke hadapan. Mereka patut digalakkan sama ada turut menganggotai jawatankuasa takmir ataupun menjadi sukarelawan bagi menjalankan sesuatu program seperti khidmat nasihat keluarga, membimbing belia dan orang-orang yang bermasalah.

Demikian juga bagi program pendidikan di masjid. Mesti ada tenaga yang mampu mengerakkannya. Sama halnya bagi sesetengah tugas jawatankuasa takmir seperti ehwal kewangan dan pengurusan, eloklah ditangani oleh mereka yang berpengalaman dan berpengetahuan mengenai ehwal kewangan dan pengurusan. Mungkin keperluan ini telah mula dipenuhi dengan keanggotaan jawatankuasa takmir terdiri daripada mereka yang berlatihan latar belakang pengalaman dan 'profesional'. Maka ia hendaklah dikembangkan lagi dari semasa ke semasa.

Saya percaya pengalaman saudara-saudara kita dari luar negeri dalam mentakmirkan masjid sangat berguna dipelajari.

Dengan mengucapkan Bismillahir Rahmanir Rahim, Lahaulwalla kulluwa Illabillah 'Alaiilazeem. Allahumma Saliwasallim 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'alla 'Alihi Wasalibihi 'Ajmeen.

Saya rasmikanlah Seminar Jawatankuasa Takmir Masjid Tahun 1427 Hijrah/ 2006 Masihi ini.

Mesra pelanggan perlu ditangani secara profesional

Oleh : Maslina Awang Kurus,
Zahrani Haji Bojeng



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato Paduka Awang Haji Saifon menyampaikan sijil persaraan bagi warga Jabatan Telekom Brunei (JTB).

BERAKAS, Sabtu, 14 Oktober. - Mesra pelanggan perlu ditangani secara profesional dengan mengekalkan integriti bersih, jujur dan amanah dalam berurusan dengan pelanggan meskipun mereka sebagai kompetitor.

Pada masa yang sama, kita juga tidak boleh 'complacent' dan beranggapan bahawa organisasi sudah berjaya memberi perkhidmatan cemerlang jika tidak ada aduan atau kilanan pelanggan atau jika organisasi kita selalu cepat memberi kebenaran permohonan setiap pelanggan.

"Mesra pelanggan" bukan hanya sekadar dapat melayan pelanggan dengan hormat dan budi bahasa sehingga berjaya mewujudkan 'reputasi' yang baik," jelas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato Paduka Awang Haji Saifon bin Awang Haji Besar pada Majlis Penyampaian Sijil Per-

saraan Bagi Warga Jabatan Telekom Brunei (JTB).

Menurutnya, organisasi yang cemerlang lazimnya dihubungkan dengan ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat di mana peranan agensi kerajaan dan yang lain termasuk TelBru pasti semakin mencabar untuk sama-sama memberi perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

Amalan mesra pelanggan pada pandangan beliau hendaklah disokong oleh semua warga terbabit sebaiknya 'top down' dimulakan oleh ketua kepada pegawai pertengahan dan bawah.

Jelasnya, ketua yang sentiasa mengamalkan 11 ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam (PA) antaranya telus, bersih, jujur, amanah, cekap, cepat, tepat, titih, lutan, sabar, tabah dan sopan akan dicontoi-

hi oleh pegawai pertengahan dan bawah ke arah mesra pelanggan.

Dato Paduka juga menekankan bahawa sikap positif dan layanan hormat lagi berbudi bahasa semasa berurusan merupakan elemen penting ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan serta produktiviti yang secara langsung akan dapat mengukuhkan sistem berkerajaan yang mantap lagi berwibawa.

Tegasnya, usaha ini perlu disemai secara berterusan tanpa henti sama ada dalam sektor kerajaan ataupun bukan sektor kerajaan kerana kewujudan satu organisasi itu adalah disokong oleh semua orang ramai atau pelanggan kepada perkhidmatan yang berkenaan.

Pengkorporatan JTB kepada TelBru telah disiarkan

melalui media cetak dan elektronik pada 16 Mac 2006 di mana peralihan paradigma ini menjadi catatan dalam lipatan sejarah PA yang penuh bermakna.

Seramai 680 orang warga PA di Jabatan Telekom Brunei telah dipindahkan dari PA dan dipindahkan ke TelBru pada tanggal 1 April 2006 menurut provision Akta Pencen 1957 Penggal 38, Bab 6 (d).

Melalui provision ini, pesara-pesara menerima sijil persaraan yang berbeza usia dan tempoh perkhidmatan dengan kerajaan.

Tambahan, warga termuda baru berusia 21 tahun 6 bulan, tertua 54 tahun 11 bulan, perkhidmatan terpendek selama 24 hari dalam perkhidmatan bergaji bulan setelah 5 tahun 6 bulan bergaji hari, manakala perkhidmatan terpanjang selama 38 tahun

bergaji bulan.

Majlis tersebut khusus bagi bekas warga JTB sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti dan sumbangan yang telah dicurahkan sebagai warga PA.

Penyampaian sijil tersebut bersempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-13 Tahun 2006 disempurnakan oleh Dato Paduka Awang Haji Saifon berlandsung di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat di sini.

Seramai 667 orang penerima Sijil Persaraan merangkumi 44 orang dalam Bahagian I, manakala 127 orang Bahagian III, 407 Bahagian IV dan 89 orang Bahagian V.

Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-13 tahun ini, bertepatan 'Perkhidmatan Awam Mesra Pelanggan'.

UNDANG-UNDANG DAN DISIPLIN DIRI

'Akta perlu dikuatkuasakan, kesedaran sivik mesti ditingkatkan'

KEHIDUPAN manusia dikawal melalui ajaran agama, undang-undang dan peraturan serta disiplin diri. Dengannya keamanan, kesejahteraan, keharmonian, keadilan akan dapat diwujudkan. Tanpanya tatacara kehidupan masyarakat akan menjadi kucar-kacir dan bercegaru seperti di zaman primitif.

Agama Islam yang syumul menitikberatkan kekuatan akidah, iman dan akhlak serta nilai-nilai murni. Islam menyeru kepada kebaikan dan mencegah keburukan. Semua agama juga menganjurkan agar pengikutnya membuat kebaikan.

Secara umumnya kehidupan masyarakat beragama dikawal oleh ajaran agama masing-masing. Pengikut agama Islam tertakluk di bawah undang-undang Syariah. Namun untuk merapusi keperluan semua bangsa dan tuntutan semasa kita juga memerlukan undang-undang sivil dan peraturan-peraturan tertentu.

Persoalan yang dihadapi hari ini ialah setakat mana masyarakat menghayati, mengamalkan dan mematuhi hukum-hukum, peraturan, adat resam, tatasusila dan nilai-nilai murni bangsa kita.

Dalam menghadapi kemelut isu-isu jenayah dan pelbagai gejala sosial dalam masyarakat kita perlu kepada penguatkuasaan undang-undang. Pada masa yang sama kita juga perlu meningkatkan kefahaman beragama, kesedaran sivik serta disiplin diri dalam masyarakat.

AKTA

Bermula pada 12 Oktober 2006, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mem-

perkenankan penguatkuasaan Perintah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Pindaan) 2006 dan Aturan Kesalahan-Kesalahan Kecil.

Akta ini amat wajar sebagai panduan dari segi undang-undang untuk memantapkan dan memperkembangkan lagi penguatkuasaan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Minor Offences Act) terutama sekali kesalahan pembuangan sampah atau kotoran di tempat awam di mana di bawah Bab 38A akta ini denda boleh dikenakan tidak melebihi \$500.00.

Selain dari itu akta pindaan ini juga dihasratkan akan dapat membantu agensi-agensi penguatkuasaan yang berkenaan untuk menyelesaikan kes-kes kesalahan di bawah Kesalahan-Kesalahan Kecil dengan lebih efektif dan dapat menyelesaikan kes berkenaan dalam masa yang singkat tanpa proses tindakan mahkamah.

SAMPAH

Negara Brunei Darussalam merupakan antara negara yang memelihara kebersihan alam sekitar dengan baik. Terutama di kawasan-kawasan bandar, kebersihan dipantau dan dijaga oleh agensi-agensi seperti Jabatan Bandaran, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan seumpamanya.

Kita mendapat pujian dari masyarakat antarabangsa. Rata-rata pelancong yang datang ke negara ini memuji tahap kebersihan dan penjagaan alam sekitar kita. Apa yang mereka



Oleh: Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

saksikan itu sememangnya betul kerana kawasan-kawasan tersebut dijaga dan dibersihkan dengan rapi.

Bagaimana pula keadaan jika ia tidak sentiasa dibersihkan seperti di kawasan-kawasan di mana agensi-agensi terlibat tidak cukup tangan untuk membersihkannya. Ini termasuklah sampah sarap yang dibuang merata-rata di sekitar Kampong Ayer termasuk beberapa kawasan di darat.

Ketika ini keramaian penduduk kita masih kecil, kawasan-kawasan perbandaran, perumahan, premis-premis perniagaan, industri, kilang-kilang dan seumpamanya belum begitu banyak. Untuk jangka masa panjang faktor-faktor di atas akan meningkatkan lagi kuantiti sampah sarap yang harus ditangani.

Dalam isu pembuangan sampah ini, sebilangan orang katani memang 'kurang disiplin'. Mereka membuang sampah merata-rata bukan di kawasan atau tempat yang disediakan. Sampah dibuang atau dihumankan di tepi-tepi jalan raya atau di longkang-longkang.

Ini bukan sahaja menyakitkan mata memandang, melenakan tekak, mencekankan imej negara malah mengundang pelbagai penyakit. Sampah sarap yang berselerak didatangi oleh binatang-binatang seperti anjing, tikus, lipas, lalat dan seumpamanya.

PEMUGUT

Seperkar lagi yang sering dilakukan oleh sebilangan orang katani terutama remaja yang tidak berdisiplin ialah peragai 'pemugut' harta benda kerajaan dan awam. Ini termasuklah mengconteng-conteng dinding, cermin, tembok dan sebagainya.

Sebahagiannya diconteng dengan lukisan-lukisan yang tidak senonoh, perkataan-perkataan lucah, umpat keji, menghina, mencekankan nama individu tertentu dan bermacam-macam lagi.

Terdapat juga kemudahan-kemudahan awam seperti pondok telefon, tandas, perhentian bas, taman-taman rekreasi dan lain-lain yang dirosakkan. Peragai seperti ini amat menyedihkan dan tidak seharusnya berlaku di zaman masyarakat moden, berpendidikan dan bertamadun ini.

Kerajaan bersusah payah menyediakan infrastruktur dan prasarana asas untuk kemudahan orang ramai khususnya rakyat dan penduduk negara ini. Berjuta-juta ringgit dibelanjakan untuk membina kemudahan-kemudahan tersebut dan berjuta-juta ringgit pula lagi terpaksa digunakan untuk membaiki pulih kerosakan-kerosakan yang dilakukan oleh tangan-tangan jahat itu.

HAIWAN

Satu lagi masalah yang sering kita lihat ialah hai-

wan-haiwan yang tidak dijaga dan dikawal oleh pemilik-pemilikinya. Haiwan-haiwan ini dibiarkan berkeliaran, sebahagiannya berpenyakit dan cedera, entah berapa ekor pula yang menghidap penyakit 'anjing gila' yang boleh memudaratkan manusia jika dijangkiti penyakit tersebut.

Di sesetengah kawasan anjing-anjing terbiar berkeliaran, sebahagiannya berpenyakit dan cedera, entah berapa ekor pula yang menghidap penyakit 'anjing gila' yang boleh memudaratkan manusia jika dijangkiti penyakit tersebut.

Anjing-anjing tersebut berkeliaran bebas memasuki kawasan rumah dan premis-premis kedai menyelongkar sampah sarap untuk mencari makanan. Sampah sarap berselerakan dan ada ketikanya haiwan tersebut membuang najis di kawasan-kawasan awam.

Lebih menakutkan lagi ada mangsa yang digigit bukan sahaja oleh anjing liar, malah oleh anjing jiran yang tidak dikawal rapi. Mangsa bukan sahaja akan mengalami kesakitan, terjerjas aktiviti harian malah berasa 'trauma' dan kuarir dijangkiti penyakit 'anjing gila'.

Haiwan lain seperti kerbau, lembu, kambing, kucing, ayam, itik dan seumpamanya juga boleh mengganggu ketenteraman awam jika tidak dipelihara dan dikawal dengan rapi. Bagi pemandu-pemandu kenderaan kejadian kemalangan ringan atau serius sehingga mengakibatkan maut kerap kali berlaku disebabkan terlanggar atau mengelak binatang-binatang yang melintas atau berkeliaran di jalan-jalan raya.

Terdapat juga harta benda kerajaan, harta benda awam, ladang-ladang dan kebun-kebun pertanian yang rosak atau

dimusnahkan oleh binatang-binatang peliharaan yang tidak terjaga itu.

Haiwan peliharaan seperti kucing, ayam dan itik yang tidak terjaga juga sering merayau dan mengganggu ke kawasan rumah jiran. Kejadian-kejadian seperti ini bukan sahaja mengganggu ketenteraman dan keselesaan jiran malah terdapat kes-kes yang menyebabkan pertengkaran dan permusuhan.

DISIPLIN

Fenomena seperti di atas walaupun bukan jenayah berat cuma kes ringan tetapi akan mengundang permasalahan yang lebih besar jika tidak dikawal. Itulah sebabnya kita memerlukan penggubalan atau pindaan pelbagai akta dan peraturan untuk menanganinya.

Dengan penguatkuasaan akta-akta tersebut, kesalahan-kesalahan seperti itu akan dapat dikurangkan. Para pelaku akan dikenakan hukuman atau denda mengikut kesalahan-kesalahan tertentu. Ini akan membantu mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.

Bagaimanapun untuk mengurangkan berlakunya fenomena di atas dalam jangka masa panjang maka langkah-langkah bersepadu perlu dilakukan. Undang-undang dan akta sahaja tidak cukup tetapi lebih penting ialah memupuk kesedaran sivik dan disiplin diri masyarakat.

Biasanya orang yang takut kepada tindakan undang-undang tidak akan melakukan kesalahan di hadapan pihak penguat kuasa undang-undang sebalikannya akan melakukannya di kawasan atau semasa tidak ada pegawai penguat kuasa.

Berbeza dengan orang yang hormat dan patuh kepada undang-undang. Mereka akan sentiasa mengikut undang-undang dan peraturan setiap masa bukan sekadar disebabkan takut ditangkap pihak penguat kuasa dan dikenakan hukuman.

Apa yang penting di sini ialah disiplin diri masyarakat hendaklah ditingkatkan. Masyarakat yang berdisiplin tidak perlu banyak dikawal oleh undang-undang meskipun akta-akta tertentu itu dikuatkuasakan.

Di sebuah negara jiran, persekitarannya dikenali sentiasa bersih dari sampah sarap. Jarang sekali kita mendengar orang yang denda kerana membuang sampah di kawasan terlarang. Tugas kakitangan agensi-agensi menjaga kebersihan pula menjadi ringan. Ini disebabkan masyarakatnya sudah terdidik dengan disiplin yang tinggi.

Sebab itulah usaha menanamkan kesedaran sivik dan disiplin diri perlu disemai dan ditanamkan kepada semua peringkat masyarakat. Usaha bersepadu di semua sektor kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan, pemimpin masyarakat terutama media elektronik dan media cetak dalam meningkatkan 'disiplin diri' masyarakat hendaklah dibuat secara berterusan.

Untuk renungan bersama kita hayati ungkapan ini: Ibarat orang beriman mereka sentiasa patuh kepada perintah Allah bukan kerana takut atau malu melakukan kesalahan di hadapan manusia. Ibarat orang berdisiplin mereka mematuhi peraturan bukan kerana takut dikenakan tindakan undang-undang tetapi terdidik dengan kepribadian yang tinggi.

Pengundian dan pemilihan calon Ketua Kampong Beribi

BATAN Daerah Brunei dan Muara ingin memakamkan kepada penduduk-penduduk Kampong Beribi, Mukim Gadong 'B' bahawa Majlis Pengundian dan pemilihan bagi Calon Ketua Kampong Beribi akan diadakan pada hari Ahad 19 Zulkaedah 1427 bersamaan 10 November 2006 bertempat di Sekolah Ugama Beribi, Mukim Gadong 'B' bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 gi.

Sehubungan dengan itu Jabatan Daerah Brunei dan Muara memohonkan kerjasama daripada semua penduduk Kampong Beribi Mukim Gadong 'B' yang terdiri daripada Warganegara Brunei Darussalam dan Penduduk asing yang berumur 18 tahun ke atas dan tinggal bermastautin di kampung berkenaan dan nama-nama mereka terdapat dalam Senarai Daftar Pengundi Penduduk akan diminta hadir di Majlis Pengundian dan Pemilihan dengan membawa Kad Pengenalan masing-masing.

Abdul Azim juara Menghafaz Al-Qur'an di Mesir



AWANG Abdul Azim @ Abdul Azeem bin Haji Abdul Halim menjuarai kategori '5', menghafaz 6 juzuk Pertandingan Musabaqah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa ketika pulang bersama ayahnya dari Republik Arab Mesir. - Foto: Pg. Iblul Pg. Haji Hidup.

Oleh: Zahrani Haji Bojeng Maslina Awang Kurus

BERAKAS, Isnin, 23 Oktober. - Awang Abdul Azim @ Abdul Azeem bin Haji Abdul Halim menjuarai kategori '5' menghafaz 6 juzuk Pertandingan Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Bagi Negara-negara Bukan Berbahasa Arab Kali Ke-14 di Kaheh, Republik Arab Mesir.

Hadir mengalu-alukan kepulangan Awang Abdul Azim dan rombongan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin; Timbalan Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin; Timbalan Setiausaha Tetap, Dato Paduka Awang Haji Ishaq bin Haji Abdullah; Pengarah-pengarah, Timbalan-timbalan Pengarah serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Untuk memberkati majlis, doa kesyukuran dibacakan oleh Pegawai

Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam; Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Mohd. Ali.

Adik Awang Abdul Azim @ Abdul Azeem, berumur 14 tahun menerima sijil penyertaan dan wang tunai sebanyak 12 pound Egypt iaitu 2,150 US dollar.

Beliau seorang pelajar tingkatan dua Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkhiah merupakan anak sulung dari empat adik beradik bercita-cita untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam pengajian Al-Qur'an dan hadis di luar negeri.

Lawatan Rasmi DYTM dan YTM ke Republik Filipina



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat mengadakan perjumpaan bersama Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo. Hadir sama ialah Tuan Miguel Tuason Arroyo.

Lawat Pusat Operasi Majlis Penyelarasan Bencana Kebangsaan

MANILA, Khamis, 9 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan melawat Pusat Operasi Majlis Penyelarasan Bencana Kebangsaan di Kem Aguinaldo di sini.

Keberangkatan tiba DYTM di pusat berkenaan dijunjung oleh Antonio Santos Jr, Undersecretary di Jabatan Pertahanan Kebangsaan.

Berangkat mengiringi DYTM semasa lawatan ke pusat tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ibni

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Atur cara keberangkatan DYTM bermula dengan sembah alu-aluan oleh Antonio Santos Jr dan seterusnya diikuti dengan sembah taklimat mengenai penubuhan Majlis Penyelarasan Bencana Kebangsaan Republik Filipina serta rangka kerja pengurusan bencana dan pelan tindakan.

Pusat operasi ini memainkan peranan penting bagi mendapatkan maklumat-maklumat sebarang yang berkaitan dengan bencana seperti angin

ribut, taufan, kebakaran, gempa bumi, banjir dan sebagainya.

Dengan pemantauan yang mereka lakukan pada setiap waktu itu akan mereka sampaikan di setiap daerah sebagai persiapan awal melindungi para penduduk yang mungkin terlibat.

Sejurus selesai sembah taklimat, satu sesi soal jawab juga diadakan berhubung dengan peranan dan tanggungjawab pusat tersebut serta langkah-langkah tindakan yang mereka lakukan apabila sesuatu bencana berlaku.

DYTM seterusnya berkenan berangkat melawat

sekitar pusat gerakan dengan disembahkan penerangan oleh Ketua Bahagian Operasi di Pejabat Pertahanan Sivil, Agnes T. Palacio mengenai tugas-tugas utama di pusat tersebut dan kemudahan yang terdapat di dalamnya.

Pusat tersebut dilengkapi dengan kemudahan canggih dan beroperasi terus-menerus siang dan malam. Setiap maklumat mereka perolehi melalui satelit dan rangkaian perhubungan di Lautan Pasifik.

Sebelum mengakhiri keberangkatan lawatan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku lawatan.

Bertukar pandangan mengenai hubungan dua hala

MANILA, Khamis, 9 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, berkenan berangkat mengadakan perjumpaan dengan Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo dan Tuan Miguel Tuason Arroyo, di Manila Polo Club.

Berangkat mengiringi DYTM dan YTM ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ibni

Oleh: Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn
Foto: Masri Osman

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Semasa perjumpaan berkenaan, DYTM dan Puan Yang Terutama Presiden Arroyo bertukar pandangan mengenai hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina.

DYTM dan PYT Presiden Arroyo melahirkan rasa puas hati terhadap

perkembangan kerjasama dua hala yang baik di antara kedua-dua buah negara.

Sejurus selepas perjumpaan itu, DYTM dan YTM berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang disembahkan oleh PYT dan Tuan Miguel Tuason Arroyo, bagi meraikan keberangkatan DYTM dan YTM.

DYTM dan YTM berada di Republik Filipina bagi lawatan rasmi atas jemputan PYT Presiden Arroyo.



SEJURUS sebelum Majlis Santap Tengah Hari bermula, DYTM dan YTM disembahkan kepada para tetamu yang menghadiri majlis tersebut di Manila Polo Club.

Berangkat pulang

MANILA, Jumaat, 10 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, menamatkan la-

watan rasmi ke Republik Filipina.

Sebelum berangkat dari hotel, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Lawatan rasmi DYTM

dan YTM ini adalah atas jemputan Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo.

Berangkat mengiringi Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia sepanjang lawatan rasmi ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Berada di Pangkalan Udara Bulwagan Kalayaan Vilamor bagi menyemahkan selamat berangkat ialah Wing Commander of the Philippine Armed Forces, Brigedier Jeneral Rolando Capacia; Pengerusi Kongres Kebangsaan Biliard dan Snuker Republik Filipina, Yen Macabenta dan Duta Besar Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Virginia H. Benavidez.

Juga menyemahkan selamat berangkat ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Emaleena Abdul Rahman Teo.



DYTM mendengar sembah taklimat penubuhan Majlis Penyelarasan Bencana Kebangsaan Republik Filipina semasa berangkat melawat ke pusat tersebut di Kem Aguinaldo (atas), manakala gambar bawah, DYTM menyaksikan sebahagian peralatan yang terdapat di Pusat Operasi Majlis Penyelarasan Bencana Kebangsaan.



DYTM dan YTM semasa melalui perbarisan Pasukan Statik Tentera Filipina di Pangkalan Udara Bulwagan Kalayaan Villamor Manila.

Kejohanan Pool Sedunia 2006 di Manila DYTM tewaskan Jharome Pena 8 - 7

MANILA, Isnin, 6 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berjaya menewaskan Jharome Pena, dengan kedudukan 8 - 7 pada perlawanan kedua Kumpulan 10, Kejohanan Pool Sedunia 2006.

Berangkat menyaksikan perlawanan kejohanan di Pusat Persidangan Antarabangsa Republik Filipina itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Berangkat mengiringi Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Pada pertemuan dengan



pemain tuan rumah itu, Duli Yang Teramat Mulia memperlihatkan kecemerlangan di perlawanan penentuan selepas kedudukan 7 - 7, de-

ngan memasukkan bola terakhir melalui aksi menarik bagi menamatkan perlawanan dengan kedudukan 8 - 7.

Terdahulu sebelum itu pada awal dua frame permainan Jharome Pena mendahului 0 - 2 dan kemudian diekori rapat 1 - 2 dan kemudian pemain Filipina itu menambah 1 - 3.

Kemudian Duli Yang Teramat Mulia memenangi tiga frame berikutnya menjadikan 4 - 3 sebelum terikat 4 - 4 di perlawanan selanjutnya.

Selepas itu Duli Yang Teramat Mulia mendahului 6 - 4 dan pada dua frame selanjut-

nya Duli Yang Teramat Mulia dan pemain Filipina masing-masing memenangi satu frame menjadikan 7 - 5.

Pada kedudukan 7 - 5 itu, pemain Filipina memanfaatkan kesempatan terbaik memenangi dua frame seterusnya, menjadikan 7 - 7. Bagaimanapun pada perlawanan penentuan Duli Yang Teramat Mulia berjaya mengatasi pemain tuan rumah dengan 8 - 7.

Selepas dua perlawanan ini, Duli Yang Teramat Mulia akan meneruskan perlawanan ketiga, iaitu menentang pemain pilihan ke-10, Francisco Bustamante, juga dari Republik Filipina.

Liputan: Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn
Foto: Masri Osman



DULI Yang Teramat Mulia menyasarkan cue ketika menentang Jharome Pena pada perlawanan kedua Kejohanan Pool Sedunia 2006.

DYTM temui Francisco Bustamante

MANILA, Selasa, 7 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat bagi perlawanan ketiga, Kejohanan Pool Sedunia 2006 di sini.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah juga berkenan berangkat sama bagi menyaksikan perlawanan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Republik Filipina.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Presiden Kongres Kebangsaan Biliard dan Snuker (KKBS) Republik Filipina, Ernesto Fajardo dan Pengerusi KKBS, Yen Macabenta.

Berangkat mengiringi Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana

Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Pada perlawanan ketiga Kejohanan Pool Sedunia 2006 bagi Kumpulan 10 ini, Duli Yang Teramat Mulia bertemu pemain pilihan ke-10 dunia, Francisco Bustamante dari Republik Filipina.


Pada perlawanan pertama yang lepas Duli Yang Teramat Mulia bertemu pemain England, Darren Appleton, manakala pada perlawanan kedua pula bertemu pemain tuan rumah, Jharome Pena.

Kejohanan edisi ke-18 ini merupakan kali pertama yang disertai oleh Duli Yang Teramat Mulia dan juara tahun lalu disandang oleh pemain dari China Taiwan, Chia Ching Wu.

Kejohanan yang bermula pada 4 November dan berakhir 12 November ini disertai oleh 128 pemain dari 46 buah negara dengan dibahagikan kepada 32 kumpulan. Juara dan naib juara setiap kumpulan akan bersaing ke pusingan seterusnya melalui pusingan kalah mati.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri menyasarkan cue ke arah bola keempat semasa perlawanan dengan pemain tuan rumah, Francisco Bustamante.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat menyaksikan perlawanan antara Duli Yang Teramat Mulia dan pemain Republik Filipina yang berkesudahan kemenangan kepada Duli Yang Teramat Mulia 8 - 7. Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat menyaksikan perlawanan Kejohanan Pool Sedunia 2006, di Pusat Persidangan Antarabangsa Republik Filipina.

Brunei punyai hubungan komunikasi lebih 1,000 tahun dengan China

GADONG, Sabtu, 28 Oktober. - Negara Brunei Darussalam sebuah negara tua dan bersejarah mempunyai hubungan perdagangan dan komunikasi dengan Republik Rakyat China sejak lebih dari 1,000 tahun lampau.

"Sehubungan dengan itu adalah sangat signifikan untuk kita mengadakan seminar di Negara Brunei Darussalam," jelas Sng Teck Ann, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Seminar 'Menghubungkan Jambatan Negara Dunia Dengan Brunei Darussalam (Bridging the World Nations With Brunei Darussalam)' berlangsung di sebuah hotel di sini.

Tambahnya, Negara Brunei Darussalam adalah negara yang sesuai untuk mempelajari bahasa di mana bahasa Melayu,

Inggeris dan Cina merupakan bahasa yang digunakan di negara ini dan pada masa yang sama bahasa Melayu merupakan bahasa keempat terbesar di dunia, di samping menjadi bahasa majoriti negara-negara Asia Tenggara.

Di bawah pelaksanaan dwibahasa, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi di Negara Brunei Darussalam selain sebagai bahasa pengantar di institusi-institusi utama, manakala bahasa Cina juga merupakan bahasa utama dunia yang dituturkan oleh masyarakat Cina tempatan dalam pelbagai dialek seperti Cantonese, Hokkien, Foo Chew, Hai Nan dan

Oleh : Zahrani Haji Bojeng, Maslina Awang Kuras

sebagainya.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Seminar tiga hari ber-

sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 dan sempena 15 tahun hubungan diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China diadakan bertujuan untuk bertukar-tukar fikiran dan membincangkan isu semasa.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud menerima kertas kerja seminar menghubungkan jambatan Negara Brunei Darussalam (Bridging the World Nations With Brunei Darussalam) daripada Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Sng Teck Ann. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud menyerahkan bendera Negara Brunei Darussalam kepada ketua rombongan, Dayang Hajah Rosmawatiniah binti Penghulu Haji Ibrahim. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

TDDDB sambut ulang tahun ke-45

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, Sabtu, 4 November. - Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) hari ini menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-45 dengan Majlis Perbarisan Agung di Padang Kawad Batalion Pertama TDDDB di Berakas Garison di sini.

Sambutan ulang tahun kali ini bertepatan 'Bersepadu Memperkukuh Pertahanan Negara' menekankan pentingnya perpaduan bukan hanya sesama anggota TDDDB tetapi juga kepada semua perkhidmatan di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan agensi-agensi keselamatan malah juga orang ramai.

Hadir di majlis memperingati hari bersejarah itu ialah Pemerintah TDDDB, Kolonel Pengiran Dato Paduka Haji Rosli bin Pengiran Haji Chuchu.

Majlis bermula dengan pemeriksaan perbarisan terdiri lebih kurang 500 anggota TDDDB yang diketuai oleh Pegawai Memerintah Batalion Pertama, Mejar Haji Abdul Ghani bin Haji Abdullah.

Kolonel Pengiran Dato Paduka Haji Rosli dalam ucapannya antara lain mengingatkan semua pemerintah di dalam tentera darat supaya memainkan peranan mereka dengan memastikan semua personel mereka mempunyai kemahiran dan disiplin yang baik bagi meningkatkan kepercayaan masyarakat.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada pasukan pertama dan kedua pemerhati antarabangsa di Mindanao, Republik Filipina.



AWANG Haji Al-Mohtadee Billah berharap penyertaan negara ini akan memberikan pengalaman yang menyeronokkan. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.



AWANG Haji Attarmizie bin Haji Anuar pula bangga menyertai program bagi menimba pengalaman. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Para peserta Kapal Belia berlepas ke S'pura

Oleh : Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Isnin, 30 Oktober. - Seramai 27 peserta program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 2006 yang mewakili negara ini berlepas ke Republik Singapura bagi memulakan pengembaraan ke destinasi negara-negara peserta program berkenaan.

Terdahulu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyerahkan bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada ketua rombongan, Dayang Hajah Rosmawatiniah binti Penghulu Haji Ibrahim di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini.

Para peserta dari negara ini akan bersama-sama lebih 300 rakan mereka yang mewakili negara-negara ASEAN lain berlayar menaiki kapal Nipon Maru bertujuan untuk menjalin persahabatan dan persefahaman.

Mereka akan singgah ke Republik Singapura sebelum berlepas ke Jakarta dan seterusnya ke Port Klang, Malaysia.

Kapal Nipon Maru yang membawa para belia negara Jepun dengan negara-negara Asia Tenggara itu akan berlabuh di Negara Brunei Darussalam pada 19 November depan.

Pengembaraan Nipon Maru kemudian dijadualkan berlayar ke Manila dan seterusnya ke Tokyo sebelum singgah ke Bandar Raya Yokohama.

Semasa singgah ke negara-negara terlibat, para peserta akan meng-

ikuti rancangan 'keluarga angkat' dan akan mengikuti program-program kebajikan serta lawatan ke tempat-tempat menarik di negara-negara berkenaan selain mengadakan aktiviti-aktiviti lain sepanjang pelayaran mereka.

Salah seorang peserta, Awang Haji Al-Mohtadee Billah berharap penyertaan negara ini akan memberikan pengalaman yang menyeronokkan dan mencapai matlamat program berkenaan.

"Saya gembira terpilih menyertai program ini. Inilah peluang bagi kami membantu mempromosikan Negara Brunei Darussalam kepada negara-negara yang disinggahi nanti," jelasnya.

Awang Haji Attarmizie bin Haji Anuar pula bangga menyertai program berkenaan bagi menimba pengalaman dan kebudayaan sekali gus memupuk hubungan persefahaman dengan belia-belia di rantau ini.

"Kita selaku duta kecil negara berusaha membantu menonjolkan negara dalam pelbagai aspek," jelas graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dayang Khuzaimah binti Haji Abdul Gafar.

Beliau mengakui minatnya untuk menyertai program Rancangan Kapal Belia sejak dulu lagi malah cerita-cerita menarik dari rakan-rakan yang sudah menyertainya membuatnya lebih tertarik untuk mengikuti program tersebut.

"Saya bersyukur terpilih dan berharap segala pengalaman yang ditimba nanti akan dapat dikongsi bersama dengan rakan-rakan," jelasnya.

Enam pelajar sertai IMSO 2006

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

BERAKAS, Selasa, 7 November. - Enam pelajar dan tiga pegawai yang akan menyertai Pertandingan Olimpiad Matematik dan Sains Antarabangsa Ketiga (IMSO 2006) di Jakarta, Republik Indonesia pada 12 hingga 17 November 2006 diraikan dalam satu Majlis Doa Selamat di Kementerian Pendidikan.

Majlis diselenggarakan dengan penyerahan bendera negara kepada Ketua Rombongan IMSO, Dayang Jauyah binti Tuah, Pegawai Pelajaran di Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP).

Enam pelajar yang terpilih melalui Pertandingan Matematik dan Sains Olympiad Peringkat Kebangsaan itu diiringi oleh tiga orang pegawai pegawai.

Tahun ini merupakan penyertaan kali keempat Negara Brunei Darussalam dalam pertandingan yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam mata pelajaran Matematik dan Sains, di samping mengembangkan minat dan potensi pelajar dalam mata pelajaran Matematik dan Sains serta memberikan motivasi kepada pelajar dalam meningkatkan kemahiran intelek dan kemahiran serta mengeratkan silaturahim di kalangan peserta.

Pelajar yang akan menyertai pertandingan Olympiad bagi mata pelajaran Sains ialah Awang Ahmad Safwan bin Dato Paduka Haji Ismail dari Sekolah Rendah Beribi, Telanai; Dayang Amirah binti Zamain dari Sekolah Rendah Sungai Liang dan Awang Jasper Pang Yi Ern dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Sementara itu pelajar yang akan menyertai pertandingan dalam mata pelajaran Matematik ialah Awang Muhammad Hazman bin Muhi, Iskandar dari Sekolah Sunshine, Gadong; Dayang Noor Azmah binti Haji Mohd. Jaafar dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiar dan Awang Law Vi Yen dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Untuk memastikan para pelajar bersedia menghadapi pertandingan itu, Pusat STEP telah memberikan latihan intensif sejak bulan Ogos lalu.

SUKAN

Berazam tinggi capai kemenangan



Laporan:
Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@
information.gov.bn
Foto:
Haji Masmaleh
Haji Mohd. Ali



Brunei sertai Sukan Asia Doha, Qatar

MEMIKUL TANGGUNGJAWAB ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) menyempurnakan penyerahan bendera kebangsaan kepada Awang Japar bin Bangkol, selaku Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-15 (atas).

BERAKAS, Sabtu, 11 November. - Kesemua atlet yang terpilih mewakili Negara Brunei Darussalam di Sukan Asia Ke-15 di Doha, Qatar dari 1 hingga 15 Disember depan mestilah mempunyai azam dan semangat kesukanan yang tinggi untuk mencapai kemenangan.

Harapan besar itu disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) di Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini hari ini.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, sejarah penyerahan dan pencapaian atlet negara dalam sukan yang diadakan empat tahun sekali itu belumlah dapat dibanggakan kerana sejak penyerahan dalam sukan terbesar di rantau Asia ini, kita cuma dapat meraih beberapa pingat gangsa sahaja.

"Oleh yang demikian saya berharap penyerahan kita pada kali ini akan dapat memperbaiki pencapaian kita yang terdahulu,"

sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia menegaskan bahawa setiap pegawai dan atlet yang terlibat dalam sukan ini mempunyai tanggungjawab yang berat untuk ditanai bagi mengharumkan nama negara di persada sukan antarabangsa.

"Penyerahan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada kontinjen yang akan menyertai Sukan Asia Ke-15, Doha, Qatar pada hari ini adalah merupakan mandat negara dan rakyat Negara Brunei Darussalam kepada setiap pegawai dan atlet yang terlibat untuk menanai dan melaksanakan tanggungjawab yang sangat berat bagi mengharumkan nama negara dalam arena sukan. Kita berharap semua atlet yang terpilih mestilah mempunyai azam dan semangat kesukanan yang tinggi untuk mencapai kemenangan," sabda Duli Yang Teramat Mulia penuh mengharapkan.

Sehubungan dengan itu, Duli Yang Teramat Mulia yang juga selaku Presiden BDNOC menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam serta penghargaan kepada kerajaan baginda yang telah memperkenankan penyerahan kontingen negara dengan segala bantuan latihan, kewangan dan lain-lain kemudahan.

"Sukacita saya mengingati supaya semua pegawai dan atlet yang menyertai Sukan Asia Ke-15 Doha, Qatar ini akan dapat bekerjasama dalam menjaga hubungan baik dengan pihak jawatankuasa penganjur dan juga pihak-pihak lain demi untuk menjaga nama baik Negara Brunei Darussalam di persada antarabangsa," tegas Duli Yang Teramat Mulia mengharapkan.

Menghimbau pencapaian atlet negara di sukan antarabangsa, Duli Yang Teramat Mulia menegaskan bahawa ternyata kita masih lagi belum setanding dengan pencapaian negara-negara lain.

Maka dalam hubungan ini, Duli Yang Teramat Mulia melahirkan harapan yang tinggi agar punca kelemahan atlet negara dikaji secara 'serious' serta menyeluruh dan dibuat kaedah secara 'collective' bagi meningkatkan keupayaan atlet.

"Justeru saya ingin berseru kepada semua persatuan-persatuan sukan di ne-

gara ini dan juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya akan dapat melipatgandakan usaha ke arah memperbaiki pencapaian atlet-atlet negara," sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi.

Terdahulu dari itu, Duli Yang Teramat Mulia bersabda, penyerahan negara kali ini adalah merupakan satu lagi detik bersejarah dan bermakna kerana sekali lagi kita dapat menyertai Sukan Asia yang berlangsung selama dua minggu di Doha, Qatar.

Selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan pula menyempurnakan penyerahan bendera kebangsaan kepada Awang Japar bin Bangkol, selaku Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-15.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan pula bergambar ramai dengan pegawai-pegawai dan atlet yang mewakili negara di sukan tersebut.

Berbanding dengan penyerahan negara di tahun-tahun yang lepas, pada kali ini, negara kita hanya akan menyertai dalam dua jenis acara sukan iaitu karatedo dan tenpin bowling dengan keramaian kontinjen sejumlah 15 orang.

ERAKAS, Sabtu, 11 November. - Negara Brunei Darussalam akan menyertai Sukan Asia Ke-15 yang akan berlangsung di Doha, Qatar dari 1 hingga 15 Disember depan.

Di temasya sukan empat hari setahun itu, negara akan menyertai dalam dua jenis acara sukan iaitu karatedo dan tenpin bowling.

Demikian disampaikan oleh Menteri kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad Ali Haji Daud di Majlis Penyerahan Bendera Kebangsaan Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang menyertai Sukan Asia bertempat di Bilik P, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini hari

Berhormat menegaskan bahawa para atlet negara telah menjalani latihan intensif dalam negara dan juga pendedahan di luar negara bagi mengemaskan lagi 'teknik dan taktik' sukan masing-masing.

Menurut Yang Berhormat lagi, selain latihan intensif, sebahagian para atlet negara juga telah diberikan 'supplement' dan tajaan pemakanan oleh pihak penaja.

"Latihan intensif dalam negeri termasuklah ujian kecergasan yang dikendalikan oleh Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan yang dapat membantu menilai tahap 'fitness' para atlet," tegas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat melahirkan harapan tinggi agar semua atlet yang mewakili negara di sukan yang terulung di rantau Asia akan dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang.

"Saya mengharapkan para atlet akan menumpukan sepenuhnya terhadap disiplin diri baik dari segi latihan, menjaga kesihatan, pemakanan, rehat yang mencukupi, tidak mengambil dadah atau sebarang 'substance' terlarang dalam sukan (doping)," tegas Yang Berhormat.

Kesemua ini, tegas Yang Berhormat lagi adalah penting dipatuhi kerana



WIRA NEGARA ... Duli Yang Teramat Mulia bergambar ramai bersama para pegawai dan atlet yang mewakili negara ke Sukan Asia sejurus selepas Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas (atas).

disiplin yang tinggi akan dapat membantu meningkatkan prestasi yang boleh dibanggakan.

Di samping itu, tegas Yang Berhormat segala apa jua tunjuk ajar atau nasihat daripada jurulatih hendaklah dipatuhi semasa berada di luar negara bagi mencapai kecemerlangan sukan yang diharapkan oleh bangsa dan Negara Brunei Darussalam.



BERANGKAT ... Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan berangkat ke Majlis Penyerahan Bendera Kebangsaan. Hadir sama ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat dan Ahli-ahli BDNOC.

Kemajuan ditentukan oleh penguasaan ilmu, kemahiran

BERAKAS, Selasa, 14 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan kemajuan sesuatu bangsa akan ditentukan oleh sejauh mana mereka dapat menguasai ilmu dan kemahiran.

Mengenai perkara ini baginda bertitah, murid dan penuntut adalah anak didik kepada guru-guru. Guru-guru pula adalah tenaga manusia dalam perkhidmatan pendidikan untuk melahirkan generasi bangsa.

Baginda menegaskan, kedua-duanya adalah penaja kemajuan negara.

Menurut baginda, kita tidaklah dapat meramalkan bentuk masa depan itu, namun kita perlulah ber-

gerak untuk kemajuannya.

Baginda memberi contoh, berpuluh-puluh tahun dahulu sebahagian orang tua-tua kita tidak tergambar yang kita ini boleh mencapai taraf hidup yang tinggi yang dinikmati pada masa ini. Mereka mungkin tidak menduga bahawa negara dan bangsa kita boleh berkembang maju.

Namun begitu, titah baginda mereka adalah turut berusaha untuk memperolehi apa saja yang mungkin boleh dicapai.

"Usaha mereka yang paling besar dan bermakna ialah memberikan pelajaran kepada kita. Lalu kita pun menjadi terpelajar, sekalipun peringkat pengajian yang dicapai tidaklah sama," titah baginda.

Dengan berkat pelajaran itu bangsa kita pun dapat menikmati kemajuan se-

Oleh : Haji Timbang Bakar
timbang.bakar@information.gov.bn

bagaimana yang sedang kita nikmati sekarang, titah baginda di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa pagi tadi.

Kunci rahsia di sebalik itu, menurut baginda ialah usaha dan azam. Sebagai contoh, negara kita tidaklah akan melahirkan doktor-doktor atau kerjaya profesional yang lain-lain dari kalangan rakyat Brunei sendiri sekiranya kita tidak merancang dan menyediakan skimnya.

Baginda menjelaskan semua itu adalah bermula dengan memberikan pelajaran. Kemudian disusuli oleh perancangan-perancangan tertentu dengan mem-

berikan peluang kepada sebahagian mereka bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kini banyak bidang kerjaya dan jawatan profesional telah juga disandang oleh rakyat negara ini.

"Kita sangat bersyukur serta berbangga dengan anak-anak kita itu kerana berhasil menyandang jawatan-jawatan berteknologi tinggi termasuk di bidang industri minyak dan gas," titah baginda melahirkan rasa syukur.

Beraskan contoh-contoh tersebut, baginda mengajak kita sepatutnya lebih yakin dan optimistik untuk terus merancang masa depan bangsa menerusi murid-murid dan penuntut-penuntut kita.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima Pinat 'Order of Lakandula' yang disumbangkan oleh Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah juga berangkat di majlis tersebut. Hadir sama ialah Tuan Miguel Tuason Arroyo. - Foto : Masri Osman.

Dianugerahkan Pinat 'Order of Lakandula'

MANILA, Khamis, 9 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, berkenan menerima Pinat 'Order of Lakandula' yang berlangsung di Manila Polo Club di sini.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat sama di Majlis Pengurniaan Pinat tersebut yang disumbangkan oleh Presiden Republik Filipina,

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo.

'Order of Lakandula' merupakan Pinat Politik dan Sivik yang dianugerahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia di atas kepimpinan dan dedikasi Duli Yang Teramat Mulia.

Berangkat mengiringi Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ialah Yang Amat Mulia

Pengiran Muda Abdul Qawi.

Hadir sama di majlis tersebut ialah First Gentleman Tuan Miguel Tuason Arroyo.

Terdahulu sebelum itu keberangkatan DYTMM dan YTM di perjumpaan tersebut dialu-alukan oleh Puan Yang Terutama Presiden Gloria Macapagal Arroyo dan Tuan Miguel Tuason Arroyo.

Perkhidmatan berkualiti perlu relevan kepada sosioekonomi, geopolitik

BERAKAS, Selasa, 14 November. - Usaha penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan berkualiti yang sentiasa relevan kepada faktor-faktor sosioekonomi dan geopolitik membabitkan tahap kehidupan masyarakat merupakan perubahan yang tidak dapat dielakkan dan memainkan peranan yang penting.

Di seluruh dunia, usaha-usaha seperti ini termasuklah mendefinisikan semula peranan Perkhidmatan Awam sebagai pemudah cara utama bagi perkembangan sosioekonomi dan faktor utama dalam menyediakan suasana kondusif bagi pelaburan dan pembangunan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian pada Majlis Perasmian Seminar The Eastern Regional Organisation For Public Administration (EROPA) berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurut sabda DYTMM, dengan tercetusnya globalisasi, peranan ini telah beralih ke dimensi serantau dan global, di mana kualiti Perkhidmatan Awam dalam mana-mana negara sekarang memainkan peranan penting dalam menentukan tarikannya sebagai destinasi pelabur-pelabur asing.

Ke arah itu sabda DYTMM, kerajaan-kerajaan telah bertindak balas dengan meningkatkan tumpuan terhadap perkembangan keupayaan penyampaian perkhidmatan agensi-agensi awam, penggunaan teknologi-teknologi infokomunikasi moden dalam proses-proses pengurusan awam, penelitian semula sistem-sistem pengurusan kewangan dan yang lebih penting ialah pelaburan-pelaburan besar dalam pembangunan keupayaan manusia dan institusi.

Badan-badan antarabangsa termasuk Bangsa-Bangsa Bersatu, Bank Dunia, I.M.F. dan O.E.C.D. juga telah memainkan peranan penting dalam menggalakkan elemen-elemen 'Good Governance' dan mewujudkan tanda aras-tanda aras dunia yang sebenar bagi kecemerlangan perkhidmatan untuk memenuhi cabaran-cabaran pengurusan sektor awam di abad ke-21.

DYTMM menambah sabda, penekanan sekarang ialah ke atas elemen-elemen kebertanggungjawaban, ketelusan, etika yang kukuh bagi pemegang-pemegang jawatan awam, pencegahan rasuah, amalan kerja yang terbaik, pembangunan keupayaan institusi manusia dan perkembangan teknologi maklumat.

Elemen-elemen ini tamabah sabda DYTMM, adalah barisan depan dalam kerajaan di abad ini yang memerlukan kita untuk mem-



Oleh : Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

bagi Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan untuk mencapai matlamat yang dihasratkan untuk pembaikan Perkhidmatan Awam, di samping menghadapi cabaran-cabaran perubahan.

DYTMM menambah sabda, komitmen kita untuk memastikan pelaksanaan program-program dan polisi-polisi kerajaan yang efektif sekarang semakin lebih mencabar dari sebelumnya, terutamanya dari segi taraf perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lebih tinggi yang diharapkan dan dituntut oleh masyarakat kita yang semakin canggih.

Pelaksanaan Perkhidmatan Awam kita sekarang sabda DYTMM, kerap dibandingkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan awam lain dan dianggap sebagai antara yang terbaik ataupun perkhidmatan-perkhidmatan awam yang paling terbaik kedua-duanya di spektrum serantau dan antarabangsa.

DYTMM menegaskan, proses pembangunan keupayaan manusia dan perkembangan sumber manusia masa kini membabitkan pelaburan terbesar dalam pembangunan sumber manusia sektor awam kita dengan tambahan peruntukan sebanyak B\$250 juta ke atas rancangan kemajuan pada masa ini dan peruntukan tahunan yang ada.

'Projek Gold' - laksana penuh tanggungjawab

BERAKAS, Sabtu, 11 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam mahu agar 'Projek Gold' yang diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dilaksanakan oleh para pegawai yang dipertanggungjawabkan dengan penuh keyakinan dan bersungguh-sungguh.

"Janganlah hendaknya perlaksanaannya dibuat seperti melepas batuk di tangga sahaja atau memikirkan untuk mendapat nama bagi kepentingan diri sendiri," tegas Duli Yang Teramat Mulia di Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-15 Doha, Qatar yang berlangsung di Bilik VIP Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Duli Yang Teramat Mulia berpendapat usaha baik seperti ini perlulah juga mendapat sokongan daripada semua pihak.

Perlaksanaannya, tegas Duli Yang Teramat Mulia lagi mestilah dibuat dengan penuh keyakinan dan bersungguh-sungguh serta



Oleh : Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ketika bersabda di Majlis Penyerahan Bendera. - Foto : Haji Mameleh Haji Mohd. Ali.

penuh tanggungjawab ke arah melahirkan lebih ramai atlet negara untuk mewakili negara ke sukan bertaraf antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, DYTMM mengingatkan supaya pemilihan atlet yang akan diserapkan bagi mengikuti projek berkenaan mestilah dibuat dengan mengadakan perbincangan dengan persatuan sukan atlet yang berkenaan terlebih dahulu.

Bagi menjayakan projek itu berjalan dengan baik, Duli Yang Teramat Mulia berpendapat, per-

satuan-persatuan tidak dapat diketepikan kerana apa pun bentuk projek yang dikendalikan tidak akan mendatangkan kejayaan tanpa adanya kerjasama daripada persatuan sukan berkenaan.

DYTMM juga menegaskan bahawa pemilihan semua atlet yang mewakili negara secara berkontinjen ke sukan antarabangsa mestilah dipilih melalui pemilihan terbuka dan mendapat sokongan daripada Jawatankuasa Pemilihan dan Penilaian Atlet.

"Proses pemilihan ini tidak dikecualikan kepada atlet yang menyertai Projek Gold," tegas DYTMM.

Terdahulu dari itu, DYTMM mengucapkan syabas kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana dapat mengendalikan 'Projek Gold' yang bertujuan untuk memberikan latihan secara teratur dan berterusan kepada atlet-atlet yang terpilih sebagai persediaan bagi menghadapi sukan antarabangsa yang akan datang.

KE ARAH KECEMERLANGAN POS

كأءره كچمرلقن قوس

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba & Penyelamat

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Talian Kebajikan

141

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Selesema Burung

8984777

8985777

PERKEMBANGAN suasana ekonomi antarabangsa yang kita saksikan hari ini, banyak membuka peluang ekonomi, dalam masa yang sama ianya mewujudkan cabaran-cabaran baru pada mengharungi kancas persaingan perdagangan global dan kompetitif.

Apa yang jelas perubahan ketara ialah pertumbuhan ekonomi pesat dan dinamik dari rantau Atlantik ke rantau Asia Pasifik. Kedinamikan rantau Asia Pasifik bukan hanya disumbangkan oleh negara dan Asia Timur tetapi sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi yang pesat di rantau ini.

Sejak akhir-akhir ini kesedaran dan komitmen masyarakat antarabangsa mengenai kepentingan pembebasan perdagangan dan pelaburan kian meningkat semata-mata untuk mewujudkan masyarakat dan suasana perusahaan yang lebih adil dan kompetitif bukan sahaja negara-negara maju bahkan negara-negara membangun dan miskin.

APEC atau Asia Pacific Economic Cooperation merupakan Forum Kerjasama Ekonomi negara-negara di kawasan Asia Pasifik yang bertujuan untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi kawasan dan sekali gus untuk mengurangkan hambatan-hambatan dalam mempertingkatkan kepentingan-kepentingan kawasan dalam rundingan multilateral yang lebih luas. APEC yang telah dibentuk tahun 1989 kini menjadi salah satu forum ekonomi serantau yang terkemuka di dunia. Keanggotaannya terdiri dari 21 ekonomi negara dengan penduduk hampir satu pertiga jumlah seluruh dunia, dengan menghasilkan sekitar 60 peratus keseluruhan Keluaran Kasar dunia dan mencapai 47 peratus dari jumlah perdagangan dunia.

**BAGAIMANA
MANFAAT APEC
KEPADA MASYARAKAT
ASIA PASIFIK**

Masyarakat Asia Pasifik mendapatkan manfaat dari pelbagai kegiatan APEC dengan meningkatnya peluang pekerjaan dan program latihan, program jaminan hidup yang lebih baik dan berupaya mengatasi kemiskinan. Secara umumnya setiap negara anggota mendapatkan kos hidup yang lebih rendah dengan adanya pengurangan mahupun penghapusan rintangan dalam perdagangan yang dapat meningkatkan daya saingan kerana turunnya harga barangan seperti keperluan makanan, pakaian sehingga kepada telefon bergerak yang terus meningkat.

APEC DAN BRUNEI

Keseragaman keanggotaan APEC merupakan potensi besar yang dapat dimanfaatkan oleh Negara Brunei Darussalam. Potensi manfaat yang dapat dipetik oleh setiap negara anggota, termasuk Negara Brunei Darussalam, tidak hanya terletak pada program-program kerjasama di dalam APEC saja, namun juga melalui usaha peningkatan kerjasama bilateral antara anggotanya.

Sejak Negara Brunei Darussalam menyertai Mesyuarat Ketua-ketua Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada tahun 1993 telah memberikan impak yang baik dan manfaat terutama dalam meningkatkan ekonomi negara kita.

Penyertaan negara dari Blake Island, Amerika Syarikat (1993) hingga Busan, Korea (2005) bukan sahaja menjadi platform perbincangan isu-isu ekonomi tetapi forum yang membincangkan pelbagai isu yang berbangkit dengan pemimpin-pemimpin

kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat, Russia dan China. Forum ini telah berjaya memeterai dan menjalin hubungan ekonomi dengan anggota APEC sendiri yang kebanyakannya terdapatnya ekonomi sejagat selain dari Amerika Syarikat, China tetapi Jepun, Kanada dan Korea.

Selain dari itu, Negara Brunei Darussalam juga memberikan sumbangan yang bermakna dalam memajukan lagi rantau Asia Pasifik ialah kejayaan mengadakan Mesyuarat Peringkat Tinggi APEC Bagi Inisiatif Pembangunan Kapasiti Manusia yang diadakan di Beijing, Republik Rakyat China pada 15 hingga 16 Mei 2001.

Mesyuarat dipengerusiakan bersama oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Jiang Zemin bekas Presiden Republik Rakyat China.

Sesungguhnya kejayaan Brunei dalam memperkerusi mesyuarat ini telah menerima pujian daripada pelbagai pihak APEC. Kejayaan ini telah menaikkan imej negara di mata negara-negara anggota APEC yang terdiri dari negara maju dan membangun. Kejayaan ini adalah sangat signifikan kepada negara kita khususnya dan APEC khususnya. Mesyuarat juga adalah atas inisiatif dan cadangan negara kita semasa Sidang APEC di Bandar Seri Begawan pada tahun 2000.

Sidang APEC tersebut telah memperlihatkan ke-



Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (dua dari kiri) ketika bergambar ramal di Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Busan, Republik Korea November 2005.

APEC DAN MANFAATNYA KEPADA BRUNEI

mampuan negara kita walaupun kecil tetapi berjaya mengadakan mesyuarat tersebut antara yang terbaik dan gilang-gemilang pernah diadakan dalam era mencabar ini. Kecemerlangannya dicapai berkat kebijaksanaan baginda selaku Pengerusi mesyuarat. Kejayaan ini banyak menerima pujian dan penghargaan dari pelbagai pemimpin APEC antaranya bekas Presiden Amerika Syarikat, TYT Bill Clinton, bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan bekas Perdana Menteri Republik Singapura, TYT Goh Chock Tong terhadap kemampuan negara ini mengendalikannya mesyuarat terbesar ini.

Dalam Sidang APEC di negara kita kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi adalah diberikan perhatian serius oleh APEC dalam menyediakan kemudahan internet kepada semua warga APEC yang berjumlah 2.6 bilion iaitu satu pertiga daripada penduduk dunia menjelang tahun 2010.

Dalam isu antarabangsa, negara kita juga tidak ketinggalan memberikan sumbangan berharga dan buah fikiran bermanfaat dalam mewujudkan kesejahteraan dan keamanan sejagat. Sumbangan kita ialah memerangi keganasan, jenayah rentas sempadan, jenayah-jenayah antarabangsa, penyakit berjangkit dan jenayah telah mengangkat martabat negara di mata dunia sama-sama mewujudkan dunia yang aman dan damai.

Sidang Kemuncak Ketua-ketua APEC di Busan, Republik Korea 18 hingga 19

November 2005 telah membuah hasil yang banyak untuk dicapai juga merupakan landasan yang terbaik dalam merealisasikan Matlamat Bogor tercapai. Itulah sebenarnya, harapan yang perlu dikotakan oleh pemimpin APEC dan menjadi harapan kepada 2.6 bilion warga Asia Pasifik sesuai dengan temanya, 'Ke Arah Masyarakat Yang Satu : Menghadapi Cabaran, Lak-sanakan Perubahan'.

CABARAN GLOBAL

Dalam merealisasikan impiannya, APEC kini berdepan dengan cabaran global. Isu sejagat apa yang disifatkan bencana alam seperti tsunami, pandemik, keganasan dan penularan Selesema Burung benar-benar menguji kewibawaan 21 pemimpin anggota APEC. Justeru itu, para pemimpin sepakat untuk menghadapi cabaran global dengan lebih terbuka dan telus.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang merupakan salah seorang pemimpin APEC yang kanan sekali di sidang ke-13 itu menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam akan terus bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa dan serantau dalam menangani cabaran-cabaran sejagat khususnya dalam menangani keganasan dan penyakit Selesema Burung yang kini memberi impak kepada kehidupan penduduk-penduduk ahli-ahli APEC.

Dalam konteks ini negara kita bersedia komited dalam APEC bagi menyokong se-

tiap apa jua tindakan APEC yang ternyata membawa kebaikan kepada pertumbuhan itu. Kita menyokong ke arah perdagangan yang bebas, liberalisasi perdagangan dan pelaburan terutama sekali penyelesaian perundingan Agenda Pembangunan Doha (DDA). Selain itu, kita juga menyokong kuat ke atas kepentingan program di bidang kerjasama ekonomi dan teknikal. Keseluruhannya, komitmen kita adalah jelas seperti apa yang dititahkan oleh pemimpin kita di manamana Sidang APEC sekali pun.

Seperti di tahun-tahun yang sudah, APEC kali ini juga mengeluarkan deklarasi yang dinamakan 'Deklarasi Busan' yang lebih menjurus kepada kepentingan untuk merealisasikan Matlamat Bogor yang disepakati pemimpin APEC pada tahun 1994 bagi mewujudkan perdagangan dan pelaburan yang terbuka di Asia Pasifik. Ini akan dibuktikan melalui Pelan Perlaksanaan Busan. Matlamat Bogor antara lain menuntut penghapusan tarif dan sekatan perdagangan menjelang 2010 untuk negara-negara maju dan 2020 untuk negara sedang membangun.

Deklarasi antara lain akan menekankan komitmen Ketua-ketua Ekonomi APEC untuk mempertingkatkan wawasan bagi mencapai kestabilan, keselamatan dan kemakmuran penduduk-penduduk anggota APEC untuk mencapai matlamat masa panjang perdagangan dan pelaburan yang bebas, dan memastikan perniagaan yang telus, selamat, terbuka serta menghubungkan jurang-jurang dan perbezaan-perbeza-

an pembangunan di antara anggota APEC.

APEC DI HANOI

Sidang Kemuncak APEC di Hanoi, Viet Nam pada 18 hingga 19 November ini yang bertemakan 'Ke Arah Masyarakat Yang Dinamik Bagi Pembangunan dan Kemakmuran Yang Mapan' akan terus memberikan manfaat kepada negara kita.

Negara-negara anggota APEC akan membincangkan dua isu utama iaitu meningkatkan perdagangan dan pelaburan dan memastikan kedinamikan, pertumbuhan dan mempertahankan perkembangan antara negara-negara anggota dan menguatkan dalam tindakan untuk mengukuhkan sistem perdagangan multilateral, pelaburan dan kerjasama teknikal dan keselamatan awam, dan meningkatkan kesatuan forum ekonomi lain dengan APEC di rantau ini dan antarabangsa.

Sehingga bulan September 2006, ekonomi-ekonomi APEC Viet Nam mengunggulkan 6,527 projek-projek pelaburan negara itu dengan keseluruhan dana berdaftar berjumlah hampir 49.4 bilion dolar Amerika, iaitu lebih 83 peratus dan 69.2 peratus jumlah projek-projek pelaburan luar Viet Nam dari segi isi padu dan nilai.

Viet Nam menjadi tuan rumah APEC 2006, berhasrat menerima peluang untuk meningkatkan hubungannya dengan APEC kepada peringkat baru dan mencapai matlamatnya untuk menjadi negara membangun pada tahun 2010 dan menjelma sebagai negara industri pada tahun 2020.

RENCANA ...

OLEH : BOLHASSAN HJ ABU BAKAR
bolhassan.bakar@information.gov.bn

KEINDAHAN flora dan fauna alam semula jadi negara ini sering menjadi daya tarikan para pelancong dan penyelidik-penyelidik dari dalam dan luar negara yang mana sebahagian besarnya masih lagi diliputi hutan hujan tropika.

Terletak di Mukim Rambai, Daerah Tutong iaitu sekitar 24 kilometer dari Pekan Tutong, Tasek Merimbun adalah salah satu tempat menarik yang sering dikunjungi oleh para pelawat terutama di hujung-hujung minggu dan di musim-musim cuti penggal persekolahan.

Tasek Merimbun merupakan tasek air hitam yang terbesar di negara ini yang mempunyai pelbagai hidupan serta tumbuhan telah diisytiharkan sebagai Taman Warisan Merimbun pada 27 Mei 2000.

Pengisytiharan serta penandatanganan mengenai Taman Warisan Merimbun telah dibuat dalam Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Ke-2 Mengenai Alam Sekitar yang berlangsung di Bangkok, Thailand pada 29 November 1984.

Walaupun Taman Warisan Merimbun telah wujud sejak lima tahun yang lalu, namun ia jarang disebut-sebut atau dihebahkan melalui media-media massa tempatan sekali gus menjadikan ia kekal dikenali sebagai Tasek Merimbun, terutama di kalangan masyarakat tempatan.

Namun bagi para pelancong dan penyelidik dari luar negara, mereka lebih mengenali Taman Warisan Merimbun 'Merimbun Heritage Park', sebuah taman warisan yang sesuai untuk tujuan penyelidikan dan pembelajaran.

Taman Warisan Merimbun adalah di bawah kawalan dan pengurusan Jabatan Muzium-Muzium Brunei yang mana pembinaannya telah bermula pada 29 Februari 1996 dan kompleks taman ber-

kenaan telah siap pada 28 Jun 1997.

Sejak tahun 1983 hingga 1984, Jabatan Muzium-Muzium Brunei telah mengumpul flora dan fauna di kawasan Taman Warisan Merimbun yang mana ia kini menjadi koleksi rujukan kebangsaan.

Lebih membanggakan, sejak tahun 1991 beberapa pakar, saintis, dan penyelidik dari luar negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan Jepun dengan kerjasama Jabatan Muzium-Muzium Brunei telah membuat kajian dan rujukan ke atas flora dan fauna yang diperolehi di taman berkenaan.

Tujuan penubuhan Taman Warisan Merimbun yang mempunyai keluasan 7,800 hektar adalah sebagai kawasan perlindungan hidupan



TAMAN Warisan Merimbun mempunyai keluasan 7,800 hektar telah dijadikan sebagai kawasan perlindungan kehidupan liar, selain ia dijadikan pusat rekreasi serta kawasan pemuliharaan flora dan fauna serta tempat penyelidikan dan pendidikan.

Keindahan Taman Warisan Merimbun jadi tumpuan penyelidik antarabangsa



TASEK Merimbun merupakan tasek air hitam yang terbesar di negara ini yang mempunyai pelbagai hidupan serta tumbuhan telah diisytiharkan sebagai Taman Warisan Merimbun pada 27 Mei 2000.

liar, selain ia dijadikan pusat rekreasi serta kawasan pemuliharaan flora dan fauna dan tempat penyelidikan dan pendidikan.

Taman tersebut mengandungi dua buah tasik air hitam yang bergabung melalui sebatang anak sungai serta tempat tumbuh-tumbuhan paya dan tasiknya mengandungi habitat yang unik di Borneo.

Sebagai penghargaan terhadap pengiktirafan Tasek Merimbun menjadi Taman Warisan Merimbun yang bertaraf antarabangsa itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyediakan peruntukan sebanyak \$5 juta bagi penyediaan keperluan penubuhan sebuah Taman Kebangsaan yang merangkumi hutan yang ber-

dekatan dengan sekitar tasik berkenaan.

Kemudahan-kemudahan yang terdapat di Taman Warisan Merimbun termasuklah sebuah Balai Pameran yang terletak di atas bukit dan mempunyai ruang yang luas bagi para pelawat menikmati keindahan panorama tasik.

Bagi memberi gambaran kehidupan sebenar puak Dusun yang telah bermastautin di kawasan tersebut sejak lebih 500 tahun yang lampau, sebuah rumah tradisi, 'Rumah Dusun' terletak berhampiran Balai Pameran.

Keunikan rumah tersebut ialah pembinaannya menggunakan bahan-bahan semula jadi yang mana lebih 42 spesies tumbuhan hutan yang digunakan untuk tiang, dinding, atap,

lantai dan bahan ikatan.

Selain mempamerkan cara kehidupan puak Dusun yang merupakan antara tujuh puak di Negara Brunei Darussalam, Rumah Dusun juga tempat pertunjukan seni kraf tangan tradisi seperti bakul anyaman dan tikar.

Sebuah makmal berhawa dingin yang terbahagi kepada kawasan kering dan basah juga terdapat di Taman Warisan Merimbun dan sebuah bilik berasian disediakan untuk memproses data, ruang selain serambi yang luas disediakan bag kegunaan penyelidikan luar.

Kemudahan lain yang terdapat di taman itu ialah sebuah Rumah Tumpuan Penyelidik yang mempunyai empat buahan bilik tidur berkembar, yang

mana setiap dua bilik dipisahkan dengan sebuah kamar mandi serta mempunyai kawasan beranda dan dapur.

Selain itu Taman Warisan Merimbun juga mempunyai sebuah Dewan Serbaguna yang dikenali sebagai Balai Purun yang mana ia berfungsi sebagai tempat untuk mengadakan pelbagai aktiviti.

Di Balai Purun yang tersergam indah, para pelawat dan pelancong berpeluang untuk menikmati keindahan alam sekitar yang tenang dan damai tasik yang menerusi sekeliling berandanya yang luas.

Rentas Hutan atau 'Nature Trail' boleh dimasuki melalui beberapa tempat sepanjang Taman Warisan Merimbun dengan disediakan tanda jalan dalam setiap 100 meter bagi kemudahan pelawat mengetahui kedudukan mereka. Tempat berteduh juga disediakan di sepanjang Rentas Hutan bagi melepaskan lelah seketika dan berlindung dari hujan.

Di Taman Warisan Merimbun terdapat tiga buah tapak perkhemahan hutan yang mana dua buah terletak di sepanjang Sungai Meluncur dan sebuah terletak di Sungai Merimbun. Setiap tapak khemah mempunyai pondok tempat bermalam, ruang kerja, makmal dan dapur.

Beberapa buah pondok turut di sepanjang Rentas Hutan bermula dari Dewan Serbaguna menuju ke kawasan berdekatan Kampong Tasek Merimbun yang mana Rentas Hutan lebih dekat jaraknya dan mudah dilalui.

Bagi kemudahan pelawat dan pengunjung yang

beragama Islam menunaikan sembahyang di kawasan Taman Warisan Merimbun, sebuah surau disediakan berdekatan dengan kawasan letak keret.

Apa yang pasti Taman Warisan Merimbun merupakan sebuah taman yang aman, indah dan menari untuk dikunjungi bersama keluarga atau sahabat handai serta sesuai bagi penyelidikan dan pembelajaran.

Dengan kewujudan Taman Warisan Merimbun, sudah pasti negara kita akan lebih dikenali bukan sahaja di peringkat serantau malah di arena antarabangsa. Apa yang diharapkan agar taman berkenaan akan dapat terus dikekalkan dan dijaga dengan sebaik-baiknya.

Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab para pengunjung akan dapat menjaga kebersihan dan keindahan Taman Warisan Merimbun sebagai warisan kebangsaan yang sangat tinggi nilainya untuk kita sert generasi akan datang.

Seperti yang sedia maklum di bidang industri pelancongan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam telah merangka Pelan Induk Pelancongan yang aman tahun 2001 telah dipilih sebagai Tahun Melawat Brunei.

Selaku rakyat dan penduduk di negara yang aman damai ini seharusnya mendukung dan menyokong hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjadikan negara ini sebagai Pusat Perkhidmatan Perdana dan Pelancongan.



PENGISYTIHARAN dan penandatanganan mengenai Taman Warisan Merimbun telah dibuat dalam Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Ke-2 Mengenai Alam Sekitar yang berlangsung di Bangkok, Thailand pada 29 November 1984.

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

DISTRIBUSI FONEM BAHASA LUN BAWANG : SATU KAJIAN PRELIMINARI

1. PENGENALAN

BRUNEI Darussalam terletak di Kepulauan Borneo yang terdiri daripada Sarawak dan Sabah (Malaysia) dan Kalimantan (Indonesia). Kepulauan Borneo merupakan khazanah bahasa-bahasa Austronesia yang bukan sahaja merakamkan kepelbagaian bahasa malah juga kerencaman budaya masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik. Situasi kerencaman bahasa dan budaya di Kepulauan Borneo, telah menarik minat para pengkaji Barat daripada pelbagai tatanan kajian sains kemanusiaan untuk membongkar misteri Borneo sebagai wilayah strategik yang memainkan peranan yang asasi dan formatif dalam sejarah dan prasejarah alam Melayu.

Dalam konteks kajian kebahasaan di Pulau Borneo, menurut Collins (1999) banyak bahasa Melayu-Polinesia yang agak jauh hubungannya dengan bahasa Melayu, misalnya bahasa Bidayuh, bahasa Melanau, bahasa Kayan, bahasa Berawan dan lain-lain. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa Kepulauan Borneo adalah habi bahasa-bahasa Austronesia. Meskipun banyak bahasa-bahasa Austronesia yang dituturkan di Kepulauan Borneo, sejauh ini kebanyakan kajian linguistik komparatif tertumpu pada bahasa-bahasa yang mempunyai ciri-ciri persamaan bunyi dan leksikal.

Pendek kata, di Kepulauan Borneo tumpuan linguistik komparatif sangat terarah kepada bahasa Melayu dan kelompok Ibanik; Collins (*dlm* Rahim Aman 1998:347) yang memperlihatkan persamaan bentuk yang sangat dekat disebabkan kekekalan (retensi) pada tahap yang lebih rendah iaitu pada tahap Melayik Purba dan inovasi (dihati pada tahap yang lebih tinggi iaitu pada tahap bahasa Austronesia purba). Persamaan yang wujud antara dua bahasa yang berlainan memperlihatkan bahawa betapa suatu ketika dahulu bahasa tersebut tergolong dan terpancar dari sumber yang sama iaitu satu bahasa purba yang sudah hilang dan diganti dengan bermacam-macam bahasa.

Sekali sekala persada linguistik komparatif dijamu dengan kajian Bidayuhik, salah satu kelompok yang mempunyai hubungan jauh dengan bahasa Melayu. Kajian dialek yang mempunyai hubungan jauh dengan bahasa Melayu yang juga dikelompokkan dalam keluarga bahasa-bahasa Austronesia amat kurang didekati dan diberi perhatian saksama. Dialek-dialek ini patut diberi perhatian saksama seperti halnya dialek Lun Bawang (DLB) atau bahasa Murut. Seperti yang kita sedia maklum, dialek mewakili etnisiti sesuatu bangsa, sesuai dengan frasa yang dipersetujui umum bahawa bahasa menunjukkan bangsa.

Dalam satu kertas kerja berhubung dengan pemetaan bahasa-bahasa Austronesia di Brunei Darussalam, sebagai contoh bahasa Murut, Nothofer (1987:7) berpendapat bahasa Murut digunakan di beberapa kampung di bahagian timur Daerah Temburong juga dikenali sebagai LB. Secara umum, dialek daerah mempunyai hubungan dengan bahasa. Dalam skema pembentukan istilah misalnya, dialek juga dirujuk untuk membentuk istilah sasaran ekiranya tiada kosa kata dalam bahasa Melayu standard yang sesuai untuk mendukung konsep yang sama dengan istilah sumber. Menurut Collins (1986:xix) bahasa standard tidak dapat dipisahkan daripada dialek daerah. Oleh itu, bahasa terletak dalam suatu kontinum linguistik. Penulis berpendapat, kajian dialek dalam situasi pendekatan kajian apa pun, sangat penting untuk memahami konsep-konsep yang sudah wujud di kalangan penutur sesuatu dialek. Suatu hal yang tidak dapat disangkal ialah adanya hubungan bahasa atau dialek dengan masyarakat dan budaya. Bahasa dan dialek adalah asas untuk mengungkapkan wacana pemikiran dan budaya.

Kegiatan budaya sesuatu masyarakat atau penutur dialek tertentu dapat divisualisasikan dengan baik apabila masyarakat itu mengungkapkan dalam bahasa pertama (natif) mereka. Sebagai contoh apakah makna resam budaya *perakong* bagi puak Belait, *basuh kaki* - puak Lutong, *makan tahun* - puak Kedayan, *temaruk* - puak Dusun, *mandi belawat* - Melayu Brunei. Dan apa pula *iru memugal*, *irau borak* dan *irau (perayaan)* dan *gacac piring baru* di kalangan puak Lun Bawang. Untuk melestarikan resam budaya ini, bahasa merupakan wacana pengungkapan yang tidak dapat tidak turut membawa bersama-sama item-item dialek yang mempunyai nilai-nilai sakral dan sifat alamiah yang hanya diketahui kalangan penutur yang bersatu dalam pengalaman dunia yang sama. Penutur sesuatu dialek merasa janggal untuk memindahkan item-item dialek ke bahasa standard. Sekiranya diungkapkan dalam bahasa standard yang juga bahasa kedua penutur natif sesuatu dialek, maka berlaku beberapa gangguan naratif, tersekat-sekat dan terpaksa menggunakan gerakan tangan untuk menjelaskan konsep-konsep tertentu.

Mengikut Shantrol Abdullah (2006:18) melalui bahasa terpapar organisasi pola perlakuan yang

Oleh : Mohd. Azurin Othman

merangkumi aspek kebendaan, kebudayaan, idea dan sentimen dalam sesebuah etnik. Perlakuan yang dimaksudkan adalah sebagai perubahan, pergerakan atau tindak balas dalam perhubungan persekitaran. Ia juga merupakan pembinaan sosiobudaya yang dijemakan melalui komunikasi sehari-hari.

Dalam tulisan yang sederhana sifatnya ini, penulis memaparkan distribusi fonem bahasa Lun Bawang (LB) yang dituturkan oleh kelompok minoriti Lun Bawang¹, salah satu antara tujuh puak yang diiktiraf sebagai peribumi dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Sebagai satu bentuk kajian preliminari, penulis menyedari terdapat kelemahan, kupasan kajian yang belum mendalam, terlepas pandang dan berlaku kesenjangan data di sana-sini. Meski kupasan ini satu kajian preliminari, penulis berharap tulisan ini dapat menyumbang kesenjangan kajian linguistik dan kebahasaan BLB dalam konteks Brunei Darussalam sendiri dan juga kepada pencinta bahasa minoriti untuk memacu penelitian selanjutnya lebih ketara.

Berbalik pada persoalan BLB, selain dialek etnik minoriti Lun Bawang, terdapat dialek etnik minoriti lain di Brunei Darussalam iaitu Dusun dan Bisaya. Kebanyakan etnik minoriti Lun Bawang tinggal dan berkampung di daerah Temburong. Temburong bersempadan dengan Sarawak di bahagian utara iaitu antara Labu (Temburong) dan Trusan, Lawas (Sarawak). BLB yang dituturkan di Brunei Darussalam khusus di daerah Temburong mempunyai ciri-ciri yang sama dengan BLB yang dituturkan di Trusan, Lawas berdasarkan faktor kedekatan geografi. Persambungan geografi, hubungan sejarah dan kekeluargaan pada dasarnya masih mengikat puak Lun Bawang di Temburong dan Lun Bawang di Trusan, Lawas. Bahasa yang mereka tuturkan itu adalah dialek yang mereka warisi bersama dan pemisahan antara mereka merupakan pemisahan geopolitik.

Di Temburong, kebanyakan puak Murut khusus kalangan orang tua mewarisi pekerjaan turun-temurun generasi terdahulu sebagai pesawah. Kalangan mereka menanam padi bukit dan melakukan pekerjaan bersifat sara diri seperti berburu, menangkap ikan, menernak ayam dan itik dan menganyam kraftangan sebagai sumber ekonomi sampingan. Manakala generasi muda yang berpendidikan lebih berminat berkhidmat di perkhidmatan awam dan swasta. Dalam penyelidikan lapangan, penulis berkesempatan berbual-bual dengan Bujang Uga². Menurut Bujang Uga, anggaran kasar jumlah penutur Murut di Brunei Darussalam ialah seramai 2012 orang. Masyarakat Lun Bawang berpegang teguh pada institusi keluarga dan jarang kedengaran berlaku pencerai-ai di kalangan mereka.

2. PENGIDENTIFIKASIAN ETNIK LUN BAWANG

Dari segi pengidentifikasian etnik, A. Maxwell (1970) berpendapat label Murut merupakan satu klasifikasi etnik yang mengelirukan. Prentice D.J. (1970), Spitzack (1984) dan Langub (1987) mengakui bahawa pengklasifikasian subkumpulan etnik dan bahasa Murut menjadi faktor yang menyebabkan kekeliruan identifikasi etnik ini (*dlm* Peter Martin 1996:268). Dalam hubungan ini, Bujang Uga menabih masyarakat luar daripada etnik ini memanggil mereka sebagai puak Murut. Di kalangan puak Murut sendiri mereka lebih dikenali sebagai Lun Bawang. Mengikut Prentice D.J. (*dlm* Bilcher Bala 1993:23) label Lun Bawang pada asalnya muncul daripada satu pertikaian klasifikasi Murut yang digunakan di Sabah dan Sarawak. Di Sabah, istilah itu dirujuk kepada suku-suku kaum seperti Timogun, Nabay, Baukan, Paluan, Sumambu, Alumbis dan Tagal (Idahan Murut). Manakala di Sarawak, ianya merujuk kepada Lun Bawang atau Tagal. Sejak awal tahun 70-an, istilah Lun Bawang mula digunakan oleh Clayre (1972) dan Deegan (1973). Di samping pendeskripsian etnik Murut oleh Prentice D.J. ditemui juga identifikasi lain untuk merujuk etnik yang sama. Menurut Langub (Ipoi Datan 1989:143),

Murut is used by outsiders as an ethnic term of reference for the people "who consider themselves as Lun Bawang. However, the Lun Bawang use several other labels such as *Lun Dayeh*, *Lun Lod*, *Lun Ba*, *Lu Tana Lun* and *Lun Bawang* as terms of self-reference.

Sementara di Sabah, etnik Lun Bawang dikenali dengan pelbagai nama kumpulan yang nyata berbeza di Sarawak. Terdapat dua persamaan kod rujukan etnik ini berdasarkan kajian Ipoi Datan dan Crain (1974) iaitu etnik ini satu ketika disebut Lun Bawang atau Lun Dayeh. Craig yang memetik kajian Prentice D.J. (*dlm* Ipoi Datan 1989:143) berhubung dengan identifikasi etnik ini di Sabah, telah menyebut bahawa,

"Notes that term 'Murut' is used by outsiders to refer to a varied assortment of mountain peoples in northern

Sarawak and the interior district of Sabah. In Sabah, 'Murut' is used as an ethnic term of reference for groups known as *Timugun*, *Nabay*, *Baukan*, *Paluan*, *Sumambu* and *Alumbis* (Prentice 1972) and in Sarawak the people who call themselves *Lun Bawang* and sometimes *Lun Dayeh*.

Berdasarkan satu sumber lain, rupanya dua persamaan di Sarawak dan Sabah berhubung dengan dua kod etnisiti iaitu Lun Bawang dan Lun Dayeh bertujuan untuk mengklasifikasi dan membezakan kelompok ini antara satu sama lain berdasarkan kegiatan ekonomi dan kawasan penghunian mereka.

"Masyarakat Lun Bawang menamakan mereka yang menetap di hulu sungai termasuk di kawasan pergunungan sebagai Lun Dayeh manakala mereka yang mendiami kawasan rendah yang berhampiran dengan laut sebagai Lun Lod. Istilah Dayeh dan Lod adalah berkaitan dengan sungai. Dayeh, pada asalnya bermaksud hulu sungai manakala Lod bermaksud hilir sungai. Apabila 'Lun' yang bermakna 'orang' digunakan seperti 'Lun Dayeh', ia bermaksud orang yang tinggal di kawasan ulu sungai atau kawasan pergunungan³.

Dari segi pengelompokan bahasa, Appel (1968) dan Prentice D.J. (1971) menggolongkan bahasa Lun Bawang atau Murut dalam keluarga bahasa Murutik iaitu salah satu daripada tiga cabang keluarga bahasa yang dikelompokkan di bawah keluarga bahasa Idahan. Dua cabang keluarga bahasa lain ialah keluarga bahasa Dusunik dan Paitanik. Terdapat beberapa subkumpulan Lun Bawang di Borneo (*dlm* Clifford A.S 1975:308). Appell (1968) membahagikan Murut di Sabah kepada enam subgolongan, iaitu Timogun, Nabay, Baukan, Tagal (Tagol) dan Sumambu (Sumambu). Manakala Rutter (1922) membezakan subkumpulan Murut berdasarkan topografi kawasan iaitu Murut dataran dan Murut bukit. Murut dataran terdiri dari Timogun, Nabay dan Baukan manakala Murut bukit terdiri dari Paluan, Sumambu dan Alumbis (*dlm* Norsharita Abdullah 1995:2).

Pembahagian kumpulan yang dibuat oleh Rutter (1992) agak berbeza dengan kajian terdahulu oleh Prentice D.J. (1971). Prentice D.J. (1971) membahagikan Murut kepada tiga kumpulan utama, iaitu Murut dataran, Murut Okolod dan Murut Salair. Di samping itu, Prentice D.J. (1971) juga mengklasifikasi bahasa Murut kepada dua kumpulan utama iaitu Murut dataran yang terdiri dari dialek Nabay dan Baukan manakala dialek Timogun dibahagikan kepada empat subdialek, iaitu Kapalagan, Poros, Bintaq dan Bukow. Subrumpun bahasa Murut tersebut merupakan bahasa yang sama, perbezaan yang wujud dalam bahasa mereka hanyalah perbezaan variasi (Bolang dan Harrison 1949, Asmah Omar 1983, Ipoi Datan 1989).

3. POPULASI LUN BAWANG DI BORNEO

Masyarakat Lun Bawang utuh dengan budaya hidup berkelompok dalam minoriti mereka. Oleh sebab itu amat mudah untuk menjejaki lokasi penempatan etnik ini. Etnik ini bertumpu di daerah Temburong dan bahagian utara Sarawak berbanding kumpulan penutur Melayik, Ibanik dan Bidayuhik yang bertebaran di Kepulauan Borneo. Meskipun berlaku asimilasi dengan masyarakat setempat melalui proses penempatan semula secara bersepadu di bawah rancangan perpindahan perumahan negara, namun terdapat beberapa buah kampung khusus di daerah Temburong, didiami oleh etnik ini sejak zaman moyang mereka lagi. Kebanyakan etnik ini tinggal di beberapa buah kampung di bahagian utara dan barat.

Berdasarkan temu tanya penyelidikan lapangan dan informasi yang diperolehi

daripada Pejabat Daerah Temburong⁶ dan ahli-ahli Persatuan Lun Bawang Brunei (seterusnya PLBB), di bahagian utara, iaitu lokasi yang hampir dengan perbatasan Temburong dan Lawas, etnik Lun Bawang berpangkalan di Kampung Senukoh. Kampung ini bernaung dalam Mukim Labu. Mukim ini penting dari aspek pengawasan keselamatan. Manakala di bahagian timur, etnik Lun Bawang tinggal di Kampung Parit. Sebahagian besar kawasan ini adalah kawasan hutan hujan tropika. Etnik Lun Bawang juga menyebar di beberapa kampung lain yang dihuni oleh orang Melayu seperti Kampung Negalang Ering dan Kampung Negalang Unat.

Walau bagaimanapun, terdapat juga taburan penutur Murut di kampung-kampung lain yang membentuk daerah Temburong, namun jumlah mereka amat sedikit jika dibandingkan dengan kampung yang disebut sebelum ini. Manakala di Sarawak, etnik ini mendiami bahagian utara Sarawak iaitu di perbatasan Brunei Darussalam dan Sarawak melalui Daerah Temburong. Terdapat juga sebahagian Murut yang mendiami beberapa kawasan di daerah Limbang.

Menurut Ipoi Datan (1989:145),

"In Sarawak, virtually all Lun Bawang live in the Limbang Division. Ninety per cent of their total population are found in the Lawas district, especially in the Trusan valley, the Lawas Damit Valley and the Merapok while the rest are found in the middle Limbang and Medamit areas."

Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Heidi Munan (1995:49). Menurut Heidi Munan (1995:49), the majority of the people on the island of Borneo who call themselves Lun Bawang live in the Limbang Division of Sarawak in its Lawas District and in the Temburong District of Brunei. Zon-zon petempatan Lun Bawang di Sarawak berdasar daerah terbahagi kepada beberapa buah kampung seperti berikut: Limbang (10 buah kampung) Lawas (16), Trusan Hulu (16), Trusan Tengah (12) dan Trusan Laut (12) Bilcher Bala (1993:27).

4. METODOLOGI KAJIAN

Umum perlu mengetahui bahawa linguistik ialah sains bahasa. Atas sifatnya sebagai sains bahasa, kajian linguistik baik dalam tatanan fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik malah sosiolinguistik harus bersandarkan kepada data primer yang diperolehi melalui kajian lapangan, bukan cara pengkajian yang bersifat *arm-chair*. Melalui data primer yang diperolehi daripada kajian lapangan, sesuatu penilaian dan rumusan itu boleh dianggap sebagai autentik, sahih dan berwibawa. Dalam konteks kajian dialek atau bahasa, menurut Abdul Hamid (1993:10) kejayaan kajian tentang dialek atau bahasa itu bergantung pada beberapa aspek seperti kaedah kajian, subjek kajian atau informan, kawasan kajian serta tinjauan yang telah diberi perhatian. Pun begitu, setuntas mana kajian seorang pengkaji, sebaik-baiknya harus bertitik tolak daripada kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Dengan menimba dan memanfaatkan kedua-dua sumber ini, maka kajian tersebut lebih autentik sifatnya dan meminimumkan sebarang keraguan daripada pihak lain. Penulis telah memanfaatkan kedua-dua kaedah kajian iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan guna untuk menelusuri kajian lampau dan mengamati sistem sosial serta populasi etnik dan kawasan penghunian mereka. Kajian lapangan pula untuk mengutip data alami secara langsung daripada informan dengan menggunakan modus pengamatan yang sama iaitu berdasarkan daftar kata Swadesh. Kaedah rakaman data juga dimanfaatkan sebagai langkah pengamatan dan analisis bunyi pertuturan susulan.

AZAN BANYAK HIKMAH DAN KELEBIHAN

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah menjadikan negara kita Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja. Sebagai sebuah negara Islam, pembinaan masjid amat dititikberatkan kerana masjid berperanan untuk menyatupadukan umat Islam. Dalam kita memperkatakan tentang masjid, seruan azan adalah merupakan salah satu syiar dan sebagai cara untuk menyeru orang ramai menunaikan sembahyang.

Adapun azan menurut syarak bererti zikir yang ditentukan untuk pemberitahuan Sembahyang Fardu Lima Waktu dan mula disyariatkan pada Tahun Pertama Hijrah di Madinah. Perkara ini telah diceritakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari daripada Abdullah bin Umar katanya, yang bermaksud:

"Semasa orang-orang Islam sampai di Madinah, mereka berkumpul lalu memperkirakan waktu sembahyang dan tidak ada seorang pun yang menyerukan untuk sembahyang. Pada suatu hari mereka pun membincangkan hal itu. Berkata sebahagian mereka: Ambillah 'nakus' (loceng) seperti nakus orang-orang Nasrani (Kristian). Berkata sebahagian yang lain pula: Ambillah 'buuq' (terompit) seperti terompit orang-orang Yahudi. Lalu berkata Umar: Tidakkah kamu melantik seorang lelaki untuk menyerukan sembahyang? Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Wahai bilal, berdirilah dan serulah untuk sembahyang."

Maka buat kali pertama azan pun dilaungkan dengan kalimah-kalimah yang suci dan ini membuktikan betapa seruan azan itu merupakan simbol syiar Islam yang unggul lagi tersendiri dan bukannya ditiru dari mana-mana adat atau budaya asing.

Sesungguhnya seruan azan itu mempunyai banyak hikmah dan kelebihan. Imam Nawawi Rahimahullah pernah berkata bahawa azan itu mempunyai empat hikmah iaitu:

Pertama: Untuk menzhahirkan tanda Islam dan Kalimah Tauhid.

Kedua: Untuk memberitahu tanda masuk waktu sembahyang.

Ketiga: Untuk memberitahu tempat sembahyang.

Keempat: Untuk memanggil berjemaah.


Selain daripada itu, laungan azan mempunyai banyak kelebihan-kelebihan antaranya ialah:

Laungan azan itu dapat mengusir syaitan sebagaimana disebutkan dalam hadis, maksudnya:

"Dari Abi Hurairah

Radiallahuhanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Apabila dilaungkan azan untuk sembahyang, syaitan akan menjauhkan dirinya sambil terkentut-kentut (kerana lari sekuat-kuatnya) sehingga tidak terdengar lagi azan. Jika selesai azan itu, syaitan akan kembali lagi sehingga iqamah untuk sembahyang diserukan dia akan menjauhkan diri. Sehingga selesai iqamah itu barulah dia kembali lagi sehingga dia melintasi antara seseorang itu dengan dirinya (mengawas-waskan). Dia akan berkata: Ingatlah begini-begini, ingatlah begini-begini terhadap sesuatu yang tidak sewajarnya diingati, sehingga lalai itu tidak mengetahui berapa rakyat dia bersembahyang."

DALAM perkara ini juga terdapat suatu keadaan yang tidak menyenangkan berlaku di mana terdapat sebilangan orang yang seolah-olah tidak mendengar seruan azan apabila ia dikumandangkan, baik ketika berada di dalam masjid atau berdekatan masjid atau di mana saja ia berada. Begitu juga keadaan di pasar-pasar raya khususnya yang berdekatan dengan masjid, pada masa seruan azan dilaungkan, ketika itulah juga lagu-lagu nyanyian dan muzik dimainkan tanpa diberhentikan. Oleh yang demikian, sebagai sebuah negara Islam dan selaku umat Islam, kita hendaklah menghormati azan sebagai mana yang telah diajarkan oleh agama kita.



Dalam pada itu, azan juga boleh digunakan untuk mengubati orang yang sedang dalam keresakan dan menghindarkan mereka daripada kejahatan jin, begitu juga sunat mengazankan, orang yang buruk sifatnya sama ada daripada manusia atau binatang dan orang yang resah gelisah kerana azan itu boleh menghilangkan keresahan itu. Sunat melauatkan azan ketika menghadapi kebakaran atau untuk orang yang hendak musafir atau untuk anak damit yang baru lahir sampai anak damit itu tidak akan diganggu oleh Ummu Syibbyan iaitu daripada kalangan jin.

Perlu diketahui juga

bahawa waktu atau masa di antara azan dan iqamah, merupakan di antara saat-saat mustajab di mana doa diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh kerana itu kita disunatkan untuk berdoa pada ketika itu seperti memohon selamat daripada musibah dan penyakit. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Dari Annas bin Malik katanya: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Doa tidak ditolak antara azan dan iqamah. Mereka berkata: Apakah yang kami katakan wahai Rasulullah? Baginda bersabda: Kamu memohon kepada Allah afiat (keselamatan)

di dunia dan di akhirat." - (Riwayat Al-Imam At-Termidzi).

Islam telah mengajar kita cara-cara untuk menghormati azan, antaranya ialah jika mendengar seruan azan atau iqamah sedang dilaungkan, maka sunat kita berhenti sekejap untuk menjawab seruan azan, bukan dengan mengambil sikap acuh seperti tidak memperdulikan seruan azan yang dilaungkan, seolah-olah tidak mendengarnya apatah lagi untuk menyahut seruan azan tersebut.

Oleh itu hormatilah azan dengan menjawab azan yang dilaungkan oleh mu'azzin, iaitu de-

DALAM pada itu, azan juga boleh digunakan untuk mengubati orang yang sedang dalam keresakan dan menghindarkan mereka daripada kejahatan jin, begitu juga sunat mengazankan, orang yang buruk sifatnya sama ada daripada manusia atau binatang dan orang yang resah gelisah kerana azan itu boleh menghilangkan keresahan itu. Sunat melauatkan azan ketika menghadapi kebakaran atau untuk orang yang hendak musafir atau untuk anak damit yang baru lahir sampai anak damit itu tidak akan diganggu oleh Ummu Syibbyan iaitu daripada kalangan jin.

ngan mengatakan seperti apa yang dikatakan oleh mu'azzin itu kecuali pada

حق على الصلاة دان حق على اللّاح
لا حزن ولا قوة إلا بالله

Dan pada azan Subuh apabila dikatakan,

الصلاة خير من النوم
مستقوت وترت

Agama Islam sendiri telah mengajar bahawa jika seseorang itu mendengar azan atau iqamah, walaupun ketika itu dia sedang membaca Al-Qur'an, berzikir, menuntut ilmu atau berdoa, maka sunat bagi orang itu berhenti sekejap untuk menjawab azan atau iqamah. Sunat juga menjawab azan dan iqamah walaupun dalam keadaan berhadapan, junub, haid atau nifas kerana ianya adalah zikir, melainkan ketika dalam sembahyang fardu atau sunat, bersetubuh dan qada' hajjat (buang air kecil atau besar) namun sunat dijawab kemudian jika tidak lama jaraknya. Ini jelas kepada kita sedang ketika beramal ibadat juga kita disunatkan menjawab azan, maka apatah lagi ketika berbuat perkara-perkara yang lain seperti sedang berbual-bual, menonton televisyen, bersukan dan sebagainya, bukankah lebih utama baginya untuk berhenti seketika bagi mendengar dan menjawab azan yang sedang dilaungkan?

Dalam perkara ini juga terdapat suatu keadaan yang tidak menyenangkan berlaku di mana terdapat sebilangan orang yang seolah-olah tidak mendengar seruan azan apabila ia dikumandangkan, baik ketika berada di dalam masjid atau berdekatan masjid atau di mana saja ia berada. Begitu juga keadaan di pasar-pasar raya khususnya yang berdekatan dengan masjid, pada masa seruan azan dilaungkan, ketika itulah juga lagu-lagu nyanyian dan muzik dimainkan tanpa diberhentikan. Oleh yang demikian, sebagai sebuah negara Islam dan selaku umat Islam, kita hendaklah menghormati azan sebagai mana yang telah diajarkan oleh agama kita.

Akhirnya, ingatlah wahai saudara-saudara sekalian bahawa kita sepatutnya tidak mengabaikan ajaran agama Islam. Mudah-mudahan dengan mengamalkan apa yang diajarkan itu, kita akan menjadi Muslim yang benar beriman dan seterusnya mendapat kejayaan dalam kehidupan serta rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbi 'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Juma'ah ayat 9, tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralahlah kamu pergi ke masjid untuk mengingat Allah dengan mengerjakan Sembahyang Jumaat dan tinggalkan berjual beli pada saat itu. Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui hakikat yang sebenarnya."

وقت سمبهيڠ. امساک. شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڠ، امساک، شوروق دان ضحی باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 23 شوال، 1427 برسامان دغن 15 نويمبر، 2006 هيڠت كهاري ثلاث، 29 شوال، 1427 برسامان دغن 21 نويمبر، 2006 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
شوال									نويمبر
23	12.06	3.28	6.02	7.15	4.37	4.47	6.07	6.32	15
24	12.06	3.28	6.02	7.15	4.37	4.47	6.07	6.32	16
25	12.07	3.28	6.02	7.15	4.38	4.48	6.08	6.32	17
26	12.07	3.28	6.03	7.15	4.38	4.48	6.08	6.32	18
27	12.07	3.29	6.03	7.16	4.38	4.48	6.08	6.33	19
28	12.07	3.29	6.03	7.16	4.38	4.48	6.08	6.33	20
29	12.07	3.29	6.03	7.16	4.38	4.48	6.09	6.33	21

وقت ۲ سمبهيڠ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نگارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تڠهاري.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

HUKUM Islam bukan hanya terbatas kepada golongan dewasa malahan juga kanak-kanak. Kanak-kanak merupakan golongan yang tidak kurang pentingnya dalam masyarakat Islam kerana mereka ini akan menjadi aset yang berperanan mencorakkan negara akan datang.

Peringkat umur kanak-kanak adalah antara peringkat yang sesuai dan berkesan dalam proses pembentukan identiti atau syahsiatnya kerana lazimnya kanak-kanak akan mudah mengikut atau terikut-ikut apa yang dilakukan oleh orang-orang sekelilingnya. Maka di sinilah peranan penting ibu bapa atau penjaga dan para pendidik dalam memastikan pendidikan duniawi dan ukhrawi yang berkesan kepada mereka.

Sebagai langkah permulaan, para ibu bapa atau penjaga perlu membimbing serta membentuk agama kanak-kanak menurut keutamaannya seperti dari sudut taharah, ibadat sembahyang, puasa, membaca Al-Qur'an, pergaulan, menuntut ahlak dan lain-lain sebagaimana yang dituntut oleh agama.

PERINGKAT KANAK-KANAK

Menurut istilah para fuqaha, bahawa kanak-kanak itu ialah seseorang yang belum baligh. Baligh pula bermaksud kanak-kanak yang sudah cukup umur, iaitu apabila umurnya sudah mencapai 15 tahun ataupun kanak-kanak lelaki bermimpi sehingga keluar air mani, manakala kanak-kanak perempuan telah keluar haid dalam jangka umur antara sembilan (9) hingga 15 tahun. Orang-orang yang baligh wajib melakukan semua suruhan agama dan menjauhi segala larangannya.

Dari keterangan di atas, bahawa peringkat kanak-kanak itu ialah dari semenjak lahir sehingga mencapai peringkat baligh.

Di usia yang belum mencapai peringkat baligh, kanak-kanak akan mengalami dua jenis peringkat. Kedua-dua peringkat inilah yang akan membezakan keahlihan atau tanggungjawab kanak-kanak dalam menunaikan pelaksanaan agama.

1. Peringkat belum mumaiyiz

Peringkat ini bermula dari sejak kelahiran sehinggalah kanak-kanak itu mencapai umur mumaiyiz. Secara kebiasaannya kanak-kanak yang belum mumaiyiz ini berusia tidak lebih dari tujuh (7) tahun.

Mereka ini tidaklah dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan tuntutan agama seperti sembahyang dan puasa, namun bagi para ibu bapa atau penjaga perlu berusaha menjinakkan-jinakkan mereka dengan hal-hal agama sebagai langkah persediaan sebelum mereka melalui peringkat mumaiyiz kelak.

2. Peringkat mumaiyiz

Peringkat ini bermula dari sejak kanak-kanak itu berke-

HUKUM IBADAT KANAK- KANAK

Bilangan 235
Bahagian Pertama

mampuan untuk membezakan di antara sesuatu dengan sesuatu yang lain, dalam ertikata lain bahawa kanak-kanak yang mumaiyiz itu baginya akal, yang mana dengannya dia dapat membezakan antara sesuatu yang bermanfaat dan yang memudaratkan dan berakhir peringkat ini apabila dia sudah baligh.

Peringkat kanak-kanak yang mencapai tahap mumaiyiz tiada had umur yang tertentu tetapi berpandukan pada kebolehan dalam menentukan setiap perbuatan yang hendak dilakukannya. Oleh kerana itu kanak-kanak yang mumaiyiz sudah dianggap berkemampuan dalam melakukan ibadat-ibadat wajib seperti sembahyang dan puasa walaupun bukan secara sempurna.

Para ulama Usul al-Fiqh membahagikan ahliyyah Al-ada' (orang yang berkemampuan untuk melaksanakan hukum) itu kepada dua:

a. Ahliyyah al-ada' an-naqishah (orang yang berkemampuan untuk melaksanakan hukum tetapi masih kurang)

b. Ahliyyah al-ada' al-kamilah (orang yang berkemampuan untuk melaksanakan hukum secara sempurna)

Kanak-kanak yang sudah mumaiyiz tergolong dalam ahliyyah al-ada' an-naqishah. Walaupun mereka ini masih dianggap kanak-kanak namun mereka sudah mempunyai kebolehan akal yang menyebabkan mereka termasuk dalam orang yang mampu melaksanakan hukum-hukum syari' walaupun tidak secara sempurna.

MENDIDIK DAN MENGAJAR KANAK-KANAK MENURUT ISLAM

Adalah menjadi kewajiban kepada kedua ibu bapa atau penjaga atau wali untuk mendidik dan mengajar anak-anaknya yang masih kecil yang dibawah tanggungan mereka tentang perkara yang bersesuaian dan menjadi keutamaan, sama ada perkara-perkara yang berkaitan dengan dunia mahupun akhirat mereka.

Tanggungjawab yang perlu dilaksanakan

oleh ibu bapa atau penjaga bukan hanya terhad dengan menyediakan keperluan mata benda seperti makan, minum, pakaian dan lain-lain lagi, bahkan juga pendidikan mereka termasuklah pendidikan agama perlu dititikberatkan.

Imam Syafi'e Rahimahullah menjelaskan tentang kewajiban bagi kedua ibu bapa atau penjaga untuk mengajar anak-anak mereka yang masih kecil tentang perkara-perkara yang akan diwajibkan setelah mereka mencapai umur baligh. Antaranya:

1. Hendaklah wali (ibu bapa dan penguasa) kanak-kanak itu mengajarkan taharah (bersuci), sembahyang, puasa dan perkara seumpamanya.

2. Hendaklah wali menerangkan pengharman zina, liwat, mencuri, minum arak, bohong, mengumpat, dengki, hasad, bergaduh, mengambil harta orang, mencuri, dan lain-lain seumpamanya.

3. Mengingatkan kepada mereka bahawa apabila telah mencapai peringkat baligh, mereka termasuk ahli taklif (orang yang berkewajipan menunaikan suruhan-suruhan agama).

4. Menerangkan tanda-tanda seseorang yang telah mencapai peringkat baligh, iaitu dengan bermimpi sehingga keluar air mani bagi kanak-kanak lelaki, sementara keluar darah haid bagi kanak-kanak perempuan.

5. Dalam perkara sunat, wali hendaklah mengajar Al-Qur'an dan ilmu-ilmu agama seperti mengajar ilmu fiqh dan mengajar ilmu adab.

6. Hendaklah wali menerangkan perkara-perkara yang membawa kebaikan dalam kehidupan kanak-kanak itu pada masa akan datang.

Pendidikan dan penerangan yang disebutkan oleh Imam Syafi'e di atas, sedikit sebanyak dapat membantu kanak-kanak dalam mengurus hal ehwal kehidupan mereka secara bijak sesuai dengan apa yang disyariatkan oleh

agama pada peringkat dewasa mereka kelak.

Mengajar dan mendidik, inilah tugas penting setiap Individu Muslim dalam menjaga diri dan keluarga mereka dari ancaman neraka. Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka." (Surah At-Tahrim: 6).

Ayat di atas berupa perintah Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat Islam untuk menjaga diri dan ahli keluarga mereka daripada seksaan api neraka. Ahli keluarga yang dimaksudkan dalam ayat tersebut termasuklah anak-anak kecil dalam keluarga, umpamanya anak atau cucu. Salah satu cara untuk menjaga ahli keluarga daripada segala perkara yang mengeret mereka ke dalam api neraka ialah dengan mendidik dan mengajar mereka dengan pendidikan agama.

Sebaik-baik turun ayat tersebut, Sayidina Umar Radiallahuanhu berkata yang maksudnya:

"Wahai Rasulullah, kami dapat menjaga diri kami, bagaimana halnya bagi kami dengan keluarga kami. Maka Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam menjawab: "Laranglah mereka dengan apa yang dilarang oleh Allah kepada kamu dan perintahkanlah mereka dengan apa yang diperintahkan oleh Allah."

Apabila kanak-kanak melakukan ibadat, maka tidak syak lagi ibadat mereka itu akan menambahkan saham pahala kepada ibu bapa mereka. Maka berikut adalah antara perkara-perkara ibadat yang berkaitan dengan kanak-kanak.

TAHARAH

Taharah bermaksud menghilangkan halangan yang disebabkan oleh hadas dan najis seperti berwuduk, mandi, tayamum dan menghilangkan najis. Ianya adalah wajib kepada umat Islam kerana di samping untuk menjaga kebersihan diri, taharah juga adalah syarat penting sebelum melakukan ibadat. Berwuduk misalnya, adalah wajib bagi orang yang hendak melakukan sembahyang kerana ianya merupakan syarat sah dalam sembahyang dan juga syarat untuk mengangkat dan membawa Al-Qur'an atau pada ibadat lain yang mewajibkan wuduk.

Oleh itu, apabila kanak-kanak sudah di peringkat mumaiyiz, maka taharah ini perlu diajarkan umpamanya mengajarkan cara membersihkan atau menghilangkan najis pada tempat keluar najis iaitu qubul dan dubur. Ibu bapa atau penjaga perlu menerangkan cara yang betul menjaga kebersihan dan menghilangkan kekotoran daripada kedua-dua tempat najis. Mereka juga perlu diajarkan cara berwuduk yang sempurna. Langkah mengajar kanak-kanak ini adalah sebagai persediaan apabila mereka mencapai umur baligh.

Dengan mengajarkan taharah, secara tidak langsung kanak-kanak ini turut terdedah dengan kebiasaan menjaga kebersihan. Taharah merangkumi kaifiat bersuci, membersihkan najis dan sebagainya dari sudut menjaga kebersihan diri. Sikap menjaga kebersihan inilah yang perlu ditanam dalam diri mereka sebelum mereka baligh agar jadi sikap yang berterusan selamanya dalam diri mereka.

AIR KENCING KANAK-KANAK

Ulama Mazhab Syafi'e membezakan antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan yang belum makan apa-apa selain daripada susu ibunya dan belum mencapai usia dua tahun.

i. Jika air kencing kanak-kanak lelaki, maka memadai membersihkan dengan memercikkan air pada tempat yang terkena air kencing itu.

Dalam sebuah hadis, Ummu Qais Radiallahuanha meriwayatkan bahawa dia pernah mengunjungi Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dengan membawa anak lakikannya yang belum memakan apa-apa makanan, maka Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam meletakkannya ke pangkuan Baginda lalu anak lelaki itu kencing. Maka Baginda meminta sedikit air dan memercikkan air tanpa mencucinya.

ii. Jika air kencing kanak-kanak perempuan pula, maka wajiblah dicuci tempat yang terkena air kencing itu.

Manakala bagi kanak-kanak kecil sama ada lelaki mahupun perempuan yang sudah makan makanan selain daripada susu ibunya atau sudah berumur lebih dari dua tahun, para ulama sepakat bahawa air kencing mereka ini adalah najis sama seperti air kencing orang yang sudah baligh. Cara membersihkannya hendaklah dicuci tempat yang terkena air kencing tersebut.

BERSAMBUNG

Taubat Nasuha

yatkan oleh Al-Imam Muslim dari Abu Musa Al-Asy'ari yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah membentangkan tangan-Nya di siang hari untuk menerima taubat orang yang berbuat kesalahan pada malam hari sampai matahari terbit dari barat." Maka dalam hal ini, rugilah bagi orang-orang yang berputus asa dari rahmat Allah dan membiarkan dirinya terus-menerus berbuat dosa yang melampaui batas, sedangkan, pintu taubat sentiasa terbuka dan terbentang luas kerana sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran ayat 133 - 135 yang tafsirnya:

"Dan segerakanlah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik. Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salah dan akibatnya)."

Taubat yang paling tinggi tingkatannya di hadapan Allah adalah Taubat Nasuha iaitu taubat yang murni. Sebagaimana dijelaskan dalam Surah At-Tahrim ayat 8 yang tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Bertaublah kamu kepada Allah dengan Taubat Nasuha, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, pada hari Allah tidak akan menghinakan

منوجوكر ريسان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان ثوسة دعوه اسلاميه

Nabi dan orang-orang yang beriman bersama-sama dengannya, cahaya (iman dan amal soleh) mereka, bergerak cepat di hadapan mereka dan di sebelah kanan mereka (semasa mereka berjalan); mereka berkata (ketika orang-orang munafik merab-raba dalam gelap-gelita): Wahai Tuhan kami dan limpahkanlah keampunan kepada kami; sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

Taubat Nasuha adalah taubat yang dilakukan dari dosa yang diperbuat hari ini dan menyesali segala dosa-dosa yang dilakukan pada sebelumnya (di masa yang lalu) dan berjanji untuk tidak melakukannya lagi di masa yang akan datang. Sebaik-baik masa yang tepat untuk bertaubat adalah di bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan maghfirah. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang telah diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Hurairah yang bermaksud: "Ramadan awalnya rahmah, pertengahannya maghfirah dan akhirnya dibebaskan dari api neraka."

TAUBAT bermaksud kembali kepada Allah setelah melakukan maksiat. Taubat merupakan rahmat Allah yang diberikan kepada hamba-Nya agar mereka dapat kembali kepada-Nya.

Agama Islam tidak melihat manusia sebagai malaikat tanpa sebarang kesalahan dan dosa. Islam juga tidak membiarkan manusia berputus asa dari keampunan Allah sekalipun dosa itu diperbuat oleh manusia, antaranya dosa kesalahan diri sendiri, dosa terhadap keluarga atau kaum kerabat, rakan-rakan, bahkan juga dosa terhadap Pencipta iaitu Allah Subhanahu Wata'ala. Bagaimana besarnya dosa seseorang itu sekalipun, Allah Subhanahu Wata'ala memberikan jalan kembali kepada ketaatan, keampunan dan rahmat-Nya dengan sifat-sifat-Nya yang Maha Penyayang dan Maha Penerima Taubat. Hal ini dijelaskan dalam Surah Al-Baqarah ayat 160 yang tafsirnya: "... dan iktu terima taubat mereka dan Akulah yang Maha Penerima Taubat lagi Maha Mengasihani."

Taubat dari segala dosa dan kesalahan yang telah dilakukan adalah menjadikan seseorang itu hina di hadapan Tuhannya. Bahkan orang-orang yang bertaubat akan menambah kecintaan dan lebih dekat dengan Tuhannya kerana sesungguhnya Allah sangat mencintai orang-orang yang bertaubat dan menyucikan diri. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 222 yang tafsirnya: "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa menyucikan diri."

Pintu taubat sentiasa terbuka luas tanpa penghalang dan rintangan. Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa menerima segala taubat hamba-hamba-Nya yang ingin kembali kepada-Nya. Hal ini telah dijelaskan dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim dari Abu Musa Al-Asy'ari yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah membentangkan tangan-Nya di siang hari untuk menerima taubat orang yang berbuat kesalahan pada malam hari sampai matahari terbit dari barat."

Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Rombongan KHEDN berhari raya ke Daerah Temburong

TEMBURONG, Khamis, 2 November. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Bega-wan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof dan rombongan berhari raya ke mukim-mukim dan kampung-kampung di Daerah Temburong.

Kediaman rasmi Pegawai Daerah Temburong merupakan destinasi pertama rombongan tersebut di mana Yang Berhormat berkesempatan beramah mesra bersama-sama Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang, Ketua-ketua Jabatan Cawangan Daerah Temburong serta ahli-ahli perniagaan.

Menyertai rombongan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan pegawai-pegawai kanan kementerian tersebut.

Oleh : Zahrani Haji Bojeng,
Maslina Awang Kurus
Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup,
Ak. Amirul Pg. Haji Ali

Seterusnya Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan rombongan beredar ke rumah Ketua Kampung Senukoh, Mukim Labu, Awang Akbar @ Ali Akhbar bin Haji Abdul Hamid di mana Yang Berhormat serta rombongan berkesempatan beramah mesra bersama dengan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dan penduduk Kampung Senukoh.

Kemudian diikuti dengan kunjungan ke kediaman Penghulu Mukim Batu Apoi, Orang Kaya Setia Awang Ahmad bin Haji Lakim, di mana Yang Berhormat juga berkesempatan beramah mesra bersama Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di mukim berkenaan.

Kunjungan diteruskan ke kediaman Ketua Kampung Belingos, Mukim Bangar, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad yang juga merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat serta

rombongan seterusnya berkesempatan beramah mesra dengan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Mukim Amo yang diadakan di kediaman Penghulu Mukim Amo, Awang Haji Badas bin Haji Kamarudin.

Rombongan Yang Berhormat menunaikan Sem-

bahyang Fardu Zuhur di Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, di sini.

Sebelum menamatkan kunjungan, rombongan juga sempat beramah mesra bersama-sama Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan penduduk-penduduk Kampung Menengah, Mukim Bangar yang diadakan di kediaman Ketua Kampung Menengah, Awang bin Mattahir @ Ampuan Hussain bin Ampuan Mattahir.



YANG Berhormat semasa di rumah Ketua Kampung Senukoh, Mukim Labu, Awang Akbar @ Ali Akhbar bin Haji Abdul Hamid.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani semasa kunjungan berhari raya di kediaman rasmi Pegawai Daerah Temburong.

Rumah terbuka, saudara baru

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

LIMAU MANIS, Khamis, 2 November. - Hari Raya Aidilfitri merupakan hari kemenangan umat Islam setelah menunaikan ibadat puasa sebulan di bulan Ramadan.

Selain untuk melahirkan perasaan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala setelah selesainya melaksanakan amal ibadat di bulan puasa, Hari Raya lebih ketara dengan amalan kunjung-mengunjungi semata-mata memohon maaf dan merapatkan hubungan silaturrahim.

Kemeriahan dan kemanisan berhari raya pada tahun ini lebih-lebih dirasakan oleh saudara-saudara baru apabila menerima kunjungan dengan konsep rumah terbuka bagi bermaaf-maafan.

Antara saudara-saudara baru yang mengadakan rumah terbuka, saudara-saudara baru di Kampong Bebuloh apabila menerima kunjungan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udang Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awan Badaruddin dan rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sebanyak lima buah rumah saudara-saudara baru telah dikunjungi yang bermula di rumah Ketua Kampung Bebuloh, Awang Mohd. Sab bin Tundak.

Dalam kunjungan tersebut kemeriahan dan ke-mesraan jelas terbayang di mana kedua-dua pihak sempat beramah mesra, di samping dihidang juadah Hari Raya.

Majlis Sambutan Hari Raya diakhiri dengan lawatan ke rumah kegiatan agama di kampung berkenaan dan seterusnya Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama ketika membuat kunjungan Hari Raya ke rumah saudara baru di Kampong Bebuloh. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan terima kunjungan warga emas

Oleh : Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

TANAH JAMBU, Ahad, 29 Oktober. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri di negara ini terus dimeriahkan dengan amalan tradisi kunjung-mengunjungi dari rumah ke rumah keluarga, sahabat handai dan rakan taulan bagi mengeratkan silaturrahim dan memohon kemaafan.

Kemeriahan itu juga dinikmati bersama oleh sekumpulan warga emas yang mengadakan kunjungan Hari Raya ke rumah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad di sini.

Selain memeriahkan Sambutan Hari Raya, kunjungan berkenaan juga merupakan peluang untuk beramah mesra bersama Yang Berhormat dalam suasana muhibah.

Keprihatinan kepada warga emas di negara ini jelas tidak diabaikan malah pel-

bagai agensi kerajaan, swasta dan pihak individu telah mengadakan beberapa program kebajikan kepada masyarakat emas di negara ini.

Sementara itu, statistik Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mencatatkan pembayaran pencen warga emas di seluruh negara pada bulan September 2006 di berikan kepada 16,442 orang.

Pembayaran pencen tua pada bulan Oktober meningkat kepada lebih \$4,131,925.00 berikutan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kenaikan kadar pencen tua yang berkuat kuasa mulai 1 Oktober lalu.

KHEU kunjungi kediaman saudara-saudara baru di Hari Raya

TUTONG, Selasa, 31 Oktober. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udang Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan rombongan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Pusat Da'wah Islamiah mengadakan kunjungan berhari raya ke beberapa buah rumah saudara-saudara baru di Da-

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

erah Tutong.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan mula-mula singgah ke kediaman Ketua Kampung Kiudang, Tutong, Awang Muhammad Saiful bin Abdullah Anja @ Gumpul bin Anja dengan dialu-alu-

kan oleh Ketua Kampung Kiudang dan anak-anak buah kampung.

Ini kemudian diikuti dengan bacaan doa selamat oleh Imam Masjid Pengiran Anak Isteri Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Awang Amir-nurddin bin Haji Mohd. Yusof.

Sempena kunjungan itu, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, menyampaikan hamper Hari Raya kepada Ketua Kampung Kiudang, Awang Muhammad Saiful.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama kemudian beredar bagi membuat kunjungan ke kediaman beberapa rumah saudara-saudara baru iaitu ke kediaman Awang Abdul Rahim bin Abdullah Yakim @ Selangkir bin Yakim, Awang Haji Umarali bin Esong @ Tempil bin Esong, Dayang Sarinah binti Abdullah @ Sarinah binti Angkai dan Ahmad Kumpu bin Labu @ Kumpu bin Labu. Antara tujuan kunjungan berhari raya Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan ialah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara KHEU dan saudara-saudara baru Daerah Tutong dan memeriahkan lagi suasana hari lebaran, di samping untuk mengubah format lama kepada format baru dengan membuat kunjungan ke kediaman saudara-saudara baru.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udang Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyampaikan hamper Hari Raya kepada Ketua Kampung Kiudang, Awang Muhammad Saiful bin Abdullah Anja @ Gumpul bin Anja. - Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

PERKHIDMATAN BERKHATAN MUSIM CUTI SEKOLAH

KEMENTERIAN Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa sesi berkhatan bagi kanak-kanak pada musim cuti sekolah penggal keempat akan bermula pada 1 hingga 22 Disember 2006.

Ibu bapa atau penjaga khususnya rakyat Negara Brunei Darussalam yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan berkhatan bagi anak-anak mereka bolehlah berhubung terus kepada pegawai-pegawai di Unit Berkhatan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha atau melalui talian telefon 2242424 sambungan 342.

Tarikh pendaftaran bagi perkhidmatan tersebut bermula dari 15 November 2006 hingga 15 Disember 2006.

Jabatan Daerah Brunei-Muara terima derma

BERAKAS, Khamis, 19 Oktober. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara menerima sumbangan derma Tabung Derma Anak-anak Yatim bagi daerah tersebut dari orang perseorangan, syarikat-syarikat swasta dan persatuan di negara ini.

Lim Seng Kok, Lim Ming Siong dan Ang Ah Ting masing-masing menyampaikan sumbangan derma berjumlah \$1,000.00 kepada tabung berkenaan.

Sementara itu BSP, BLNG, BST, BSM dan kutipan daripada kaji selidik kakitangan Brunei Shell 2006 menyumbangkan \$1,420.00 kepada tabung tersebut.

Derma berkenaan diserahkan oleh Pengarah Urusan Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad, Pengiran Haji Yasmin bin Pengiran Haji Mohammad.

Sumbangan derma berkenaan diterima oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar di Jabatan Daerah Brunei dan Muara di sini.

PELUANG DATANG TIDAK BERULANG

REMAJA

OLEH : H. A. MANAP

UMUR adalah merupakan salah satu nikmat yang amat besar kurniaan Allah dan yang amat berharga bagi diri seseorang hamba Allah di muka bumi ini. Umur yang baik ialah umur yang panjang dan dipenuhi dengan amal soleh dan ketakwaan. Tiada siapa yang dapat menjangkakan bila kita akan dipindahkan dari alam dunia ini ke alam barzakh, suatu kehidupan yang agak panjang sebelum kita menempuh alam akhirat iaitu hari pembalasan dan perkiraan apa-apa yang telah kita isikan dalam kehidupan kita di muka bumi Allah ini. Pernahkah kita merenungkan saat yang amat getir yang akan kita tempuhi itu, tentunya ramai yang terasa ianya semakin dekat kita tuju, akan tetapi sedikit yang mahu merasakannya. Kerana kehidupan yang kita lalui lebih banyak menawarkan kelazatan dunia yang memesongkan pemikiran, cara kita dan matlamat yang akan kita tuju.

Kita akan hanya tersentak apabila orang terdekat, kawan taulan dan saudara-mara tiba-tiba pergi buat selama-lamanya meninggalkan kita. Justeru saat kehidupan

yang masih ada pada kita adalah peluang yang mesti digunakan dengan sebaiknya untuk beramal dan berbuat bakti kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Cuba bayangkan kalau kita tidak mahu mempedulikan tentang pengisian usia itu, hidup merempuh dengan pelbagai cara yang tidak bertujuan, hanyut oleh kesenangan dan kelekakan dunia dan lupa pada menunaikan kewajipan kepada Allah yang menciptakan kita di muka bumi ini, tentu kita akan merasakan kita dalam kekosongan. Bila-bila masa kita akan terjatuh rebah dan dihepang oleh malapetaka kehidupan.

Jika ini yang berlaku, di saat dan ketika inilah baru kita menyedari betapa langit itu terlalu tinggi dan bumi dipijak terlalu rendah. Rasanya tidak terlambat untuk kita sering beringat-ingat dan saling membantu dalam memperbetulkan kehidupan ini, apatah lagi di saat-saat kita semakin jauh melangkah dan menyusur kehidupan yang pelbagai

onak dan duri. Mari kita sama-sama mempergunakan peluang yang ada ini sebagai saat keemasan yang akan membawa kita ke puncak kejayaan hidup di dunia dan di akhirat kelak. Usia remaja belia adalah usia yang masih lagi gagah dan kukuh, jika ia dimanfaatkan untuk dipergunakan dengan bakti kepada Allah, meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan pengisian pembacaan Al-Qur'an, ibadat-ibadat lain dan sebagainya tentu akan lebih besar lagi maknanya. Peluang seperti ini akan hanya datang kepada kita sekali dalam kehidupan, meskipun pelbagai peluang sering datang dengan pelbagai keadaan, namun jika kita gagal mengisikan peluang yang datang pengisiannya tidak akan dapat kita lakukan seperti peluang yang ada sekarang.

Kita mesti belajar dari sekarang dan saat ini, supaya kita tidak tersalah guna peluang yang ada. Andainya kita menggunakan peluang ini dengan cara yang tidak betul dan

sepatutnya nescaya kita akan menuju kepada tujuan hidup yang tidak mendatangkan hasil yang baik. Hasil dari perlakuan kita hari ini akan hanya dapat kita temui dan nikmati setelah usia kita berada di penghujungnyanya. Di sanalah nanti baru kita merasakan betapa peluang yang pernah ada pada kita, terasa tinggi dan amat berharga nilainya, berbanding dengan apa yang telah kita isikan di dalamnya.

Jika kita mahu kembali ia mungkin tidak akan berlaku, untuk kita menggandakan usaha mungkin kita tidak sekuat semasa remaja belia. Akhirnya kitalah yang akan menggigit jari dan baru akan terasa penyesalan yang amat mendalam, yang sudah tidak bererti lagi. Marilah kita bentuk dan muhasabah diri kita di saat peluang melakukan ibadat ini masih bersama mampu kita tunaikan. Peluang yang ada kita gunakan dengan sebaiknya dan kita tentukan matlamat hidup dengan jelas, agar kita tahu bahawa tujuan kita itu adalah nyata dan akan mewujudkan hasil untuk kebahagiaan dunia dan akhirat. Inilah tarbiah diri yang mesti kita lakukan,

kalau kita mahu menjadi remaja belia yang berjaya, berwibawa dan mempunyai daya kredibiliti yang berkualiti tinggi.

Kita tidak boleh mengharapkan orang lain menggerakkan diri kita untuk mengisikan peluang yang ada. Kitalah yang sepatutnya berperanan, kitalah yang sepatutnya membentuk diri dan sikap kita. Kerana acuan yang akan lahir ialah dari cara dan stail kita mengisikan peluang yang ada. Maknanya jika kita tidak tersilap isi peluang yang ada maka insya-Allah, kita akan dibantu dan diberikan hidayah oleh Allah untuk menuju jalan yang betul. Jika sebaliknya yang kita inginkan maka hasilnya pun apa yang ingin kita harapkan. Tidak perlu kita jadi 'Pak Turut' untuk menikmati kelazatan dunia ini, biarlah kita menentukan jalan kehidupan kita dengan cara dan sunnah yang dibawakan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Inilah modal kita sebagai remaja belia Muslim, modal yang akan mewujudkan kelompok masyarakat remaja belia Islam yang berjaya. Semoga kita akan mendapat reda Allah, amin.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar 747 keluaran 1 November 2006, ialah :

Bangunan Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Perpindahan Lambak Kanan.

Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 747 keluaran 1 November 2006

Muhammad Ridwan bin Asmali,
Sekolah Rendah Dato Marsal.
Umur : 10 tahun

Mohd. Zulmajdi bin Haji Bujang,
Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.
Umur : 13 tahun

Naimah binti Rosman,
Sekolah Rendah Amar Pahlawan.
Umur : 11 tahun

ALAI PINTAR

ALAI DIALU-
ALUKAN
MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN
RUJUKAN,
JABATAN
PENERANGAN



SOALAN ALAI PINTAR 749

1. Apakah nama bangunan ini?

.....

2. Di manakah letaknya?

.....

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 749

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 749,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Eratkan silaturahmi di Aidilfitri

Oleh: Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@infomation.gov.bn

TUTONG, Selasa, 3 Oktober. - Walaupun lebih seminggu 1 Syawal berlalu, namun kehangatan memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri masih terasa bahangnya. Hari Raya Aidilfitri adalah hadiah yang paling istimewa yang diberikan oleh Allah kepada kita umat Islam yang berjaya menyempurnakan ibadah puasa.

Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ILABDB), Penanjong Garison mengadakan sambutan Majlis Silaturahmi Aidilfitri yang diadakan di Dewan Makan ILABDB di sini.

Acara sambutan bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai diikuti ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Kapten Haji Ismail bin Haji Jummatt yang antara lain menyatakan tujuan sambutan untuk melahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah berjaya mengerjakan ibadah puasa, di samping untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahmi kalangan pegawai dan lain-lain peringkat dan kakitangan awam.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof.

Kira-kira 950 orang pegawai-pegawai yang terdiri Komandan ILABDB, pegawai-pegawai serta warga ILABDB dan kakitangan awam hadir sama di majlis itu.

CERPEN

“RAMLI ... Kalau tak silap mak bulan ni genaplah empat tahun kau bekerja, bila pula kau nak kahwin. Bukan apa mak tengok semua kawan-kawan kau dah mendirikan rumah tangga tapi kau masih juga membujang, kau kena ingat umur kau tu dah masuk 25 tahun.”

“Alah mak ni lagi-lagi tanya soal tu, Ramli malas nak jawablah,” jawab Ramli ringkas pertanyaan maknya.

“Mak bukannya nak memaksa tapi kalau belum ada calon yang sesuai, mak dah ada berkenan dengan anak dara Pak Jafar hujung kampung kita ni dan mak dah pun menyatakan hasrat mak kepada mereka sekeluarga dan mereka tak ada halangan, kalau kau setuju besok pun mak boleh pinang.” Mak Ramli cuba memujuk.

“Apa mak dah ada calon isteri saya, mak ni cari masalah saja Ramli tak maulah, cukup titik di sini keputusan Ramli muktamad mak jangan paksa Ramli lagi,” Ramli dengan tegas memberikan jawapannya.

Sejak dari hari itu hubungan Ramli dengan maknya tidak seperti dulu mereka hanya akan bertegur sapa bila ada perkara yang penting sahaja.

Ramli pula mula balik lewat tidak seperti biasanya alasannya sibuk dengan tugas di pejabat. Pagi ke pejabat tengah malam baru balik ke rumah, begitulah rutin seharian.

Sebenarnya Ramli buat semua ini bukanlah betul-betul sibuk di pejabat, tapi baginya inilah caranya untuk mengelak dari sering ditanya oleh maknya tentang perkahwinannya. Baginya, masa ini kerjaya dan membantu serta menyara orang tuanya adalah lebih mustahak.

“Betulkah apa yang kubuat ni. Tidakkah tindakanku ini akan menyinggung perasaan mak tapi ... ah biarkan saja dulu soal kahwin tu yang penting aku harus capai cita-citaku dulu, soal jodoh aku serahkan saja pada Illahi,” Ramli berkata sendirian di biliknya apabila terkenangkan peristiwa yang baru berlaku antara dia dengan maknya.

Tiba-tiba pintu biliknya diketuk dan kedengaran seseorang memanggil namanya. Ramli terus saja menyuruh masuk ke biliknya. Pada sangkanya yang datang hendak berjumpa itu rakan sekerjanya tapi bukan rupanya ketua bahagiannya yang datang.

“Ah Ramli ini ada surat dari pihak atasan kita menyatakan awak telah dipilih untuk menghadiri kursus di Malaysia selama empat bulan dan awak akan bertolak lusa. Saya harap awak tak akan menolak perkara ini dan saya ucapkan tahniah serta selamat berkursus,”

BARAKAH RAMADAN

Oleh : Suriya

kata Ketua Bahagiannya.

“Baik tuan saya terima kursus ni terima kasih,” Ramli segera menjawab pertanyaan Ketua Bahagiannya kerana pada fikirannya inilah masa yang tepat baginya untuk mengelakkan dirinya dari maknya tambahan lagi soal perkahwinannya.

Hari itu hati Ramli sungguh gembira sekali kerana semua masalahnya akan selesai dengan menerima kursus di luar negeri yang akan dihadapinya itu.

Petang itu Ramli balik awal dari biasanya kerana tak sabar hendak memberitahu maknya tentang tawaran kursus yang di tawarkan kepadanya, disamping itu tujuannya juga untuk berkemas barang-barangnya.

Setibanya di rumah, Ramli terus memberitahu maknya tentang halnya yang akan berkursus di luar negeri selama empat bulan itu. Alangkah terkejut maknya apabila mendengar apa yang dikatakan oleh Ramli.

Dengan perasaan yang sebak dan titisan air mata mak Ramli berkata “Bermakna kau akan meninggalkan mak seorang diri di sini dan berpuasa sendirian di sini, sampai hati kau nak.”

“Bukan begitu mak, tak terlintas di hati Ramli untuk membuat mak begitu tapi ini adalah arahan



pihak jabatan Ramli mak, lagi pun Ramli kursus empat bulan saja dan setelah separuh kita berpuasa Ramli dah tamat kursus tu dan ini adalah untuk kebaikan masa depan Ramli juga, cubalah mengerti mak,” Ramli cuba memujuk maknya.

“Mak tau kau terima tawaran itu kerana kau masih marahkan mak sebab mak dah jodohkan kau dengan pilihan mak dan selalu paksa kau cepat kahwin. Mak lakukan semua itu untuk kebaikan kau juga sebab mak tau hati budi budak tu dia seorang anak yang baik dan solehah. Tapi tak apalah kalau itu yang kau mahu mak tak akan menghalang kau pergi,” mak Ramli melepaskan isi hatinya selama ini.

“Alah mak ni janganlah cakap macam tu janganlah diungkit lagi pasal tu kalau ada jodoh kawinlah nanti, terima kasih mak,” Ramli cuba menenangkan hati maknya.

Setelah empat bulan berada di perantauan Ramli merasa sungguh tenang sekali. Ramli tidak lupa menelefon maknya seminggu sekali dan mengirimkan wang perbelanjaan sebulan sekali. Di perantauan Ramli mempunyai seorang teman rapat

yang berasal dari Pahang, Hassan namanya. Mereka berdua ini sangat rapat sekali sehingga teman-teman dan pensyarah mereka menggelar mereka pasangan kembar.

“Ramli, besok genaplah kita berpuasa 14 hari, apa kata kita balik kampung saya di Pahang sebelum awak balik ke Brunei, bagaimana awak setuju,” pelawa Hassan.

Tanpa berfikir panjang Ramli menerima pelawaan temannya itu. Baginya dapitlah ia merasa bagaimana suasana berpuasa di kampung orang.

Setibanya mereka di rumah temannya, Hassan pun memperkenalkan ahli

keluarganya. Ramli merasa terharu melihat keluarga Hassan yang ramai dan mesra pula melayannya, lebih-lebih lagi ibu Hassan yang menyebabkannya terkenangkan ibunya di Brunei.

Malam itu mereka berbuka puasa, Sembahyang Fardu Maghrib, Isyak dan Sembahyang Sunat Terawih bersama-sama. Suasana ini membuat Ramli bertambah terharu lagi sehingga menitiskan air matanya.

“Nak Ramli kenapa anak menangis, apa nak Ramli terkenangkan keluarga di Brunei,” tiba-tiba mak Hassan bertanya kepada Ramli.

“Oh Mak Cik, betul Mak Cik sebenarnya saya terkenangkan mak saya, saya telah membuatnya

rasa tersinggung sebelum saya ke mari. Kisahnya mak nak jodohkan saya dengan pilihannya, tetapi saya menolak kerana bagi saya pilihan orang tua ni selalunya tak berkekalan dan tak bahagia tambahan pula saya nak hidup saya berjaya dahulu,” Ramli menceritakan isi hatinya.

“Nak Ramli sebenarnya salah mentafsir. Tidak semua pilihan orang tua itu tak baik, nak Ramli tengok sendiri berapa ramai pasangan suami isteri yang bercerai-berai atas pilihan mereka sendiri. Tengoklah Mak Cik ni, dah 70 tahun umur Mak Cik dan dah 52 tahun Mak Cik hidup suami isteri bersama Pak Cik kau, kami hidup bahagia juga walaupun kami kahwin atas pilihan orang tua.”

Sejak dari saat itu rasa

bersalah terus menghantui fikiran Ramli. Ramli merasa ada benarnya kata-kata mak Hassan itu.

Setelah balik dari kursus Ramli pun menyatakan persetujuannya menerima gadis pilihan maknya itu dan berhasrat untuk melangsungkan pernikahan dan persandinganannya lepas bulan Syawal nanti.

Alangkah terharunya hati maknya ketika mendengar penjelasan dari anaknya yang selama ini menolak cadangannya. Dengan titisan air mata maknya bersyukur dan bersetuju saja dengan cadangan anaknya itu.

Walaupun hatinya ter-tanya-tanya apakah yang menyebabkan fikiran anaknya itu berubah sedangkan ia tahu dulu anaknya begitu keras menentang cadangannya.

“Kenapa sejak pulang dari kursus di luar negeri Ramli terus berubah fikiran dan terus menyatakan persetujuannya untuk mendirikan rumah tangga bersama pilihanku, mungkinkah aku terlalu memaksanya tapi ... tak jugalah atau mungkinkah ini barakahnya Ramadan,” mak Ramli berkata sendirian.

Setelah sebulan melangsungkan perkahwinan Ramli merasa kagum sekali melihat kelakuan isterinya yang begitu mengambil berat tentang dirinya dan ditambah lagi ketaatannya mengerjakan ibadat. Barulah Ramli sedar bahawa kata-kata ibunya itu memang benar belaka walaupun selama ini mereka suami isteri tidak pernah mengenal hati budi masing-masing.

“Mak ... ampunkan Ramli mak, ampunkan segala dosa dan tingkah laku Ramli selama ini. Pilihan mak tepat sekali Ramli yang salah menilai. Ternyata isteri saya seorang yang solehah dan taat kepada suami,” Ramli menyatakan isi hatinya.

“Sudahlah Ramli, apa yang berlaku itu jadikallah iktibar dan pastinya ada hikmah di sebaliknya. Apa yang penting sekarang ni, marilah kita sama-sama menjaga dan berdoa agar hidup kita semua mendapat berkat dan bahagia hingga ke akhir hayat.”

Kini sudah 20 tahun Ramli dan isterinya hidup suami isteri dan mereka telah dikurniakan lima cahayamata dan hidup mereka sungguh bahagia sekali.

Rencana ...

SAMPUL SURAT KECIL

CUKUP sahaja disebut sampul surat kecil, maka ramailah orang faham atau tahu, apa yang dimaksudkan dengan rangkai kata itu. Bila ada orang menghadiri jemputan kahwin, pastilah akan ternampak hampir semua para jemputan ketika itu akan mengunjukkannya kepada ayah atau wakil pengantin dalam acara berzarah dengan para jemputan, yang tentunya berisi wang sama ada sebanyak \$5.00, \$10.00, \$20.00 atau lebih daripada itu malah ada yang berjumlah ratusan ringgit, ini pun datangnya daripada saudara-mara terdekat ataupun orang-orang tertentu. Sungguhpun begitu, ada juga yang kosong sahaja tiada berisi walau sesen pun. Hal ini dapat difafsirkan dengan pengertian bermacam-macam. 'Orang memberi aku tidak, lebih baik unjuk sahaja yang kosong, siapa tahu berisi atau tidaknya, melainkan keluarga pengantin sahaja yang tahu, bahkan tidak ingat siapa sebenarnya yang memberikan sampul begitu rupa'. Yang dijawab banyak. Tentulah tak teringat lagi siapa pengunjuhnya kecuali sampul itu ada nama pemberinya, bercetak atau bertulis tangan sahaja.

Kan halnya, rencana ini ditulis berdasarkan pemerhatian daripada Sambutan Hari Raya yang baru sahaja berlalu tetapi masih lagi di bulan Syawal. Seperti biasa, bagi masyarakat kita yang beragama Islam, sampul wang/duit yang berwarna hijau (ada juga pihak yang mencetaknya dengan warna lain, coklat umpamanya. Warna hijau pada sampul Hari Raya sebenarnya seperti telah sebatu dengan kebudayaan Islam kita. Orang-orang Cina dengan warna merahnya. Maka bakarih-karihlah ada antaranya kita menanya/meminta kepada pihak bank sampul surat yang memang khusus mereka cetak dengan lambang syarikat mereka yang tujuannya akan diberikan kepada para pelanggan masing-masing). Duit seringgit baharu sudah tentu menjadi tumpuan para ibu bapa untuk diisikan ke dalam sampul surat kecil yang berwarna hijau itu. Pihak bank pun sudah faham betul dengan budaya duit baharu itu.

Sampul itu akan menjadi huluran kepada kanak-kanak yang akan berkunjung ke rumah yang pula seolah-olah ia suatu perkara mesti dilakukan tetapi sebenarnya tidak. Tujuannya adalah untuk menyukakan hati kanak-kanak sahaja, sebab ia diberikan tidak kepada yang sudah bekerja

OLEH: HAJI MARIAT BIN HAJI ABDULLAH

atau berumah tangga. Pemberian itu sudah menjadi tradisi kepada masyarakat kita sejak berpuluh-puluh tahun dahulu dengan mengalami perubahan-perubahan semasa.

Ia bukanlah boleh dikatakan sedekah sebagaimana ramai antara kita mengetahui begitu. Biasanya, pemberian itu akan disediakan tanpa disuruh-suruh oleh sesiapa pun melainkan adanya kesepekatan terlebih dahulu antara suami isteri yang pada mereka mahu atau tidaknya menyediakan sampul surat yang berisi wang itu mengikut semampu-mampu mereka. Jika di bawah daripada seringgit, akan diunjukkan begitu sahaja. Yang pastinya, kanak-kanak akan pandai memperkatakannya kerana tidak berpuas hati dan akan diceritakan pula kepada kawan-kawan mereka.

Berbalik pula kepada makna sampul surat demikian. Amat mengecewakan sungguh kepada beberapa golongan masyarakat dewasa kita di mana-mana sahaja. Baik di tempat-tempat biasa iaitu di rumah, pejabat, kedai, bahkan sampai di corong-corong radio dan televisyen yang tentunya paling ramai mendengar atau menontonnya. Mereka mengatakan sam-

pul surat untuk menggem-birakan kanak-kanak dengan gelaran 'Angpau'. Sehingga, ada kalangan kanak-kanak itu sudah terbiasa menyebut 'Angpau'. Malah orang-orang dewasa pun begitu yang seolah-olah menggalakkan penggunaannya kepada kanak-kanak. Kanak-kanak itu menanyakan 'Angpau'. Tidak ada 'Angpau', mereka tidak mahu datang atau apa-apa sahaja alasannya. Janganlah sampai begitu sekali sehinggalah perkataan yang tidak selayaknya dicampur aduk dengan kemelayuan kita yang mempunyai sebutan tersendiri iaitu pemberian, sedekah, pertolongan, duit raya atau malah ada waktu-waktunya untuk membayar sesuatu ikatan perjanjian, kita akan menggunakan sampul surat yang tidak semestinya berwarna hijau pula bahkan apa sahaja warnanya adalah boleh supaya kelihatan majalis, meresapi budaya malah tradisi masing-masing masyarakat dan agama.

Lebih baik trend pemberian, sedekah, maunju, duit raya dan pertolongan itu tidak menggunakan perkataan 'Angpau' lagi. Perkataan itu telah menjadi hak milik orang-orang atau masyarakat Cina sejak berdekad-dekad lamanya da-



GAMBAR HIASAN ... Sampul surat hijau yang berisi wang dihulurkan kepada kanak-kanak yang berkunjung ke rumah untuk berhari raya yang antara lain tujuannya selain sedekah juga untuk menggem-birakan golongan kanak-kanak. - Foto: Ak. Amirul Pg. Haji Ali.

lam berbagai-bagai suasananya. Ramai juga rakan yang kurang senang dengan pemakaian perkataan yang terikut-ikut itu. Kita sudah ada identiti tersendiri malah semua bangsa di dunia ini ada dengan tradisi atau budayanya sendiri. Usahlah kita terpengaruh atau terikut-ikut tanpa memikirkan risikonya yang menyangkut kepada budaya Melayu atau Islam yang akan tergugat oleh sifat peniruan yang sewenang-wenangnya.

Perkataan 'Angpau' memang rekat kepada masyarakat Cina ketika menyambut Tahun Baru atau pada apa-apa sahaja majlis-majlis keraian mereka.

Pada kita, ianya bermakna sedekah tetapi tidaklah semestinya bersarung surat hanya hendak menunjukkan rasa hormat atau tidak dengan salarah-larahnya, umpamanya memasukkan duit kertas atau duit pacah ke tabung di masjid, mengunjungi sesiapa yang hendak disedekahi di masjid atau di mana-mana sahaja untuk tujuan kepatasan. Masyarakat Cina terlalu fanatik dengan warna merah mereka, tetapi pada masyarakat kita bagaimana? Tidak tentu dan boleh berubah-ubah. Merah pun boleh. Putih pun boleh. Kuning pun boleh. Biru pun boleh. Coklat pun boleh. Kalas pun boleh. Hitam pun boleh. Dan apatah lagi warna hijau mahu pakai atau tidak. Sebaiknya, kembalikanlah ia dengan warna hijau atau gadung itu semestialah, ia dipakai sejak zaman kuratu lagi.

Identiti Islam adalah dengan warna hijau itu. Tidak diarahkan tetapi itulah hakikatnya. Identiti masyarakat Cina dengan warna merahnya. Sejak dahulu lagi mereka menggunakan warna merah. Tarian naga akan ada warna merah menyala. Pindah rumah atau masuk ke kedai baru ada kain dibentang berwarna merah dengan tulisan kaligrafi Cinanya, malah sepanjang pengalaman saya, para kulikang yang mengangkat guni-guni beras dari tongkang ke gudang atau dari gudang ke perut lori, mereka akan berlipikan/beralaskan kain warna merah sepanjang satu ela atau kalau

sekarang akan menjadi satu meter diletakkan di bahu kiri dan kanan ataupun dililitkan di kepala dengan maksud membangkitkan kudrat/kekuatan/ujud mereka sewaktu membuat sebarang kerja atau perbuatan begitu. Merah melambangkan keberanian, kekuatan dan ketinggian semangat.

Itu bagi masyarakat Cina yang sejak dahulu lagi menggunakan warna merah pada sebarang objek bagi tujuan. Saya rasa, pada masyarakat kita Islam, tak payahlah begitu. Kita tidak dilarang menggunakan warna merah. Ia hak semua orang atau masyarakat. Kalau kita buat juga, itu sudah terikut-ikut namanya. Menciplak panggilan orang. Tidak salah, cuma tidak sesuai caranya. Lihat sahaja pada bendera

Arab Saudi, warna dasar bendera negara mereka adalah hijau dengan tulisan 'Lailahaillallah Muhammad Darasulullah' (memanglah dengan tulisan jawi atau Arabnya) sejak berkurun-kurun lagi.

Bagi saya, pada sampul surat Hari Raya itu patut dikekalkan warnanya hijau/gadung dan tidak dinamakan 'Angpau'. Ia terlalu sensitif. Orang-orang Cina yang masuk Islam pun tanpa disuruh-suruh akan menggunakan sampul warna hijau kerana dalam kepala mereka, mereka tahu Islam ber lambangkan warna hijau seperti dibentangkan di atas dan mereka tidak akan menggunakan warna merah, percayalah. Mengapa kita yang berketurunan Melayu Islam ini pula mahu mencatitkan sebutan itu?

SAMPUL itu akan menjadi huluran kepada kanak-kanak yang akan berkunjung ke rumah yang pula seolah-olah ia suatu perkara mesti dilakukan tetapi sebenarnya tidak. Tujuannya adalah untuk menyukakan hari kanak-kanak sahaja, sebab ia diberikan tidak kepada yang sudah bekerja atau berumah tangga. Pemberian itu sudah menjadi tradisi kepada masyarakat kita sejak berpuluh-puluh tahun dahulu dengan mengalami perubahan-perubahan semasa.



SAMPUL warna hijau yang berisi duit pada sampul Hari Raya sebenarnya sudah sebatu dengan kebudayaan Islam sempena dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri. - Foto: Ak. Amirul Pg. Haji Ali.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

TIDAK HABIS-HABIS CEMBURU

Hari ini di NANNING
berlangsung "Sidang Kemuncak Ulangtahun
Hubungan ASEAN - China",
maka terbeliaklah pula
mata-mata Imperialis ...

Walhal, ini jambatan ...
bukanlah baru,
tetapi mereka
tidak habis-habis cemburu.

Sejak berabad lagi
kita sudahpun semeja,
tetapi mereka
tetap curiga.

Namun ASEAN - China,
teruskan langkahmu,
dan ambil "sikap matang",
bahawa si Loncai, biar dia terjun dengan
labu-labunya.

Adi Rumi
Nanning, China.
30. 10. 2006

ISU NUKLEAR

Berada di sini (China)
mengingatkan kita
kepada isu nuklear.
Ya betapa mungkin lupa
bukankah ia juga
salah sebuah negara nuklear?
Mengingat ini
kita dan dunia jadi celaru :
Ada pihak mahu nuklear
dan ada pula yang tidak mahu,
tetapi yang tidak mahu itu
bukanlah total tidak mahu
mereka mahu untuk mereka saja,
sementara orang lain tidak payah
kerana tidak layak atau
bertujuan jadi pemusnah.
Apa benarkah begitu
niat dan tujuan berbeza?
Siapa penilainya?
Siapa perumusanya?
Yang kita tahu
yang dunia tahu
penilai dan perumus itulah yang lebih
dulu patut dinilai,
kerana merekalah pemilik terdahulu
dan malah di antara mereka itu
sudah ada yang jadi pengguna terkutuk,
jadi di mana kita, di mana dunia, dengan
lidah-lidah biawak?
Yang betulnya kalau jujur,
semua jangan jadi pemilik :
di Barat tiada nuklear
di Timur tiada nuklear
di mana saja tiada nuklear
dunia bersih dari nuklear.
Jika kita masih juga jadi pemilik
dan malah berlumba menambahnya,
kemudian kita juga yang berkokok
supaya orang lain jangan ikut jadi pemilik,
maka di mana kejujuran itu, Tuan?
di mana kemurnian akal - budi dan
di mana keadilan ...?
Oleh itu, silakan belajar dari kami
bahawa mati lebih baik dari menipu.

Adi Rumi
Nanning, China.
31. 10. 2006.

WAJAH NANNING YANG JELITA

Sungguh indah
indah bermandi warna,
warna bunga-bunga
bunga-bunga hidup.
Itulah wajah
Nanning yang jelita.

Setengah jam perjalanan
dari hotel ke lapangan terbang
tiada yang kosong,
semua berhias lawa
bunga-bunga ...
bertatah warna.

Bunga dan warna
bukanlah dari tangan pelukis
tetapi dari ilmu Maha Pencipta,
oh, Maha Pencipta!
Siapa lagi
yang tidak nampak akan kebesaran-Mu ini?

Manusia sepatutnya
sudah lama mengaku
bahawa walau sekuntum bunga
atau setitik warna
adalah tangan-tangan ini
tidak mampu menciptanya.

Semoga semakin hebat manusia
semakin maju dan kaya,
terbukalah kiranya
kesedaran luhur
bahawa apapun penemuan
akan dijawab dengan syukur.

Apabila sampai ke peringkat ini
maka berakhirilah dabik dada
dan berkuburlah bongkak,
hanya yang tinggal unggul
ialah kasih sayang dan tawakal
kepada Maha Pencipta.

Adi Rumi
Penerbangan Pesawat
Dari Nanning ke Bandar Seri Begawan.
31.10.2006.

PASAL DUIT

Kata urang kawan banar tani duit
wang usin nama lain selain dari duit
kan mengalas parut misti mencari duit
belanja kawan pun misti ada duit.

Bulih sanang kalau ada banyak duit
idup bulih sanak kalau nada duit.

Barukan idup pun baguna duit
menaraskan idup misti mencari duit
kalau kan kawin pun marlukan duit
di akhir waktu pun mau kan duit.

Kanak-kanak selalu minta duit
orang uda malar membuang duit
urang tua selalu sedakahkan duit
urang pandai selalu nyimpan duit
urang luak tundun jarang kan
membagi duit.

Nda nampak barang kalau nada duit
kalau utang pun membayar makai duit
semua urang banyak berpikir pasal duit
banyak urang bermasalah dangan duit
apa jua urang yang kabur meliat duit
kalau nak usaha mana datang duit.

Yang manis diliat iatah duit
yang pait dirasa kalau nada duit.

Bukan menyindir sesiapa pasal duit
ganya meluah yang terasa pasal duit
ani perkara banar mengenai duit
pasal aku sendiri pun mencari duit
duit-duit di mana kau oh duit.

Adi Jaafar

KAWAN

Liau!
Tangahnya!
Boy!
Jun!
Guys!
berbeza nama tapi makna tetap sama:
Kawan.

Macam-macam kawan
... ketawa
... sedih
... gembira
... berhibur
... bergadang
... bersaing.

Macam-macam kawan
... api di dalam sekam
... gunting dalam lipatan
... talam dua muka
... duri dalam daging
... musuh dalam selimut.

Pilih dengan bijaksana
bukan mengikut rasa
jangan mudah diperdaya
kelak sendiri merana.

MEREKA TIDAK PERCAYA

Tika kuluah hajat untuk bertani
mereka langsung ketawa
tidak percaya.

Kata mereka:
usah jadi Mat Jenin hajat tinggi menggunung
usia muda pengalaman tak sampai ke mana
orang tua bertani biasa
orang muda bertani luar biasa
pendam saja cita-cita itu.

Mereka sungguh kejam
menilai sedemikian rupa
memang mereka tak percaya.

Tapi! Tak apa ...
akulah Mat Jenin moden
cita-cita mesti dilaksana
tak salah mencuba
aku merancang Allah menentu segala
terjadi sesuatu atas kuasa dan kehendak-Nya
bukan mereka.

Kini usahaku berbaloi
mereka diam seribu bahasa
suara sumbang memperlekehku sudah tiada
mereka malu menukup muka.

Pesan kepada mereka:
jangan suka rendahkan kebolehan orang lain
nilai orang sedalam-dalamnya
dorong agar berjaya
bukan hanya pandai berkata-kata.

Berani untuk mencuba
gagal bukan selamanya
jerih payah andang aturan
bersatu usaha dan doa
pasti jaya akhirnya.

PERMATA DI CELAHAN KACA

Kau umpama permata di celahan kaca
kilaumu sukar untuk dibezakan
dikelilingi oleh perhiasan berkilauan
bergemerlapan
penuh dengan warna-warni dunia.

Mereka lalu berkata
Oh! Sungguh menakjubkan
sangat mengasyikkan
menyenangkan
mempesona
hilang segala sengsara.

Tetapi!

Semua itu bersifat sementara
hanya membuang masa
mengaburi mata
mengundang kealpaan
merintis kemusnahan.

Sekalipun kau tersorok
kau dihina
kau didusta
kau dinista
kau dicerca
oleh mereka yang gila
kilaumu masih boleh dibeza
kerdipmu tetap ketara
biarpun kau di celahan kaca.

Soffio

APAKAN JADI KALAU ...

Apa akan jadi kalau ...
nyamuk sudah kalis ubat dan racun
pasti banyak mangsa akan menderita
akibat tusukan jarumnya yang bisa
ditanamnya cecair pada manusia
banyak yang rasa gatal-gatal
akhirnya menghidap penyakit 'Malaria'.

Apa akan jadi kalau ...
segala kerja dibuat oleh robot
tentu manusia tak payah kerja
belanja sedikit tak apa asal selesa
tapi jangan lupa!
segala penyakit datang menerpa
kerana urat dan otot tak diguna
tak upayalah kesudahannya.

Apa akan jadi kalau ...
gerak dan laku dikawal oleh nafsu
yang haram dihalalkan
kebenaran diputarbelitkan
salah disembunyi dan kuasa disalahgunakan
semua ini tak menguntungkan
hanya mengundang kebinasaan.

Apa akan jadi kalau ...
mentari terbit dari barat
memang ganjil dan menakjubkan
timbul seribu satu persoalan
manusia sibuk merakamkan
kononnya fenomena putaran alam
tapi! Mereka alpa
itu petanda dunia akhir zaman
untung mereka yang cukup bekalan
sesal bagi mereka yang lalai.

Benarkah persoalan ini?
atau
hanya omong kosong saja?
terserah.

Quratu Ain



سنتياس برسام بيسكيتا
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 15 NOVEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	CYBERCHASE
4.45	MONSTER BY MISTAKE
5.15	PESTA - Siri Baru
5.45	BERITA
6.02	AZAN MAGHRIB
6.45	SIRAH NABAWIYAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.15	AZAN ISYAK
7.30	GALERI
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Misteri Di Balik Tabir'
9.30	LEGENDA
10.00	NEWS AT 10
10.45	SUKAN
	ANTARABANGSA
11.15	BEWITCHED
11.45	BOSTON LEGAL
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 16 NOVEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	DRAMA - 'Kabut Sutera Ungu'

12.06 AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	TRANSIT
1.30	AMAZING RACE
2.30	PHILIPPINES MOVIE - 'Milan'
3.28	AZAN ASAR
4.00	ATOM TY. 1
4.30	DRAGON TALES
5.00	BEYOND 2000
5.45	BERITA
6.02	AZAN MAGHRIB
6.10	RECORD BREAKERS
6.45	HALUAN

MALAM

7.15	AZAN ISYAK
7.30	WARTA ISLAM
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUUR
10.00	NEWS AT 10
10.45	DRAMA - 'Syurga Di Bawah Telapak Kaki Ibu'
11.45	WAYANG PILIHAN - 'About Schmidt'
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 17 NOVEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SESAME STREET
10.45	SHAPIES
11.15	RAKAN CYBER
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL
12.15	FINGER TIPS
12.30	SEMBAHYANG FARUJ JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN - Ulangan
2.30	PERINTIS
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Do Hazar Ek'
3.28	AZAN ASAR
3.35	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.45	BERITA
6.02	AZAN MAGHRIB
6.10	SYIAR MASJID
6.45	BICARA IMAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.15	AZAN ISYAK
7.25	SITKOM - 'No. 59'
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANJAU KEHIDUPAN

9.30	MOUSE TV
10.00	NEWS AT 10
10.45	ULASAN KHUTBAH JUMAAT
11.00	TELEDRAMA - 'Satria Maya'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 18 NOVEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	W.I.T.C.H.
10.45	SCOUT'S SAFARI
11.00	DRAMA - 'Menuju Keredaan'
11.30	BERITA
12.00	GILLETTE WORLD OF SPORT
12.07	AZAN ZUHUR
12.30	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Gift Of Love: Daniel Huffman'

PETANG

2.00	DRIVE
2.30	THE CHAMPIONS
3.00	THIRD WATCH
3.28	AZAN ASAR
4.00	SUPERVOLCANO
5.00	THE MAGIC SCHOOL BUS
5.30	JUST A KID: CAITLING'S WAY
5.45	BERITA
6.03	AZAN MAGHRIB
6.15	PORTS OF CALL - Ulangan
6.45	PEDOMAN AKIDAH

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.15	AZAN ISYAK
7.30	MANAGING GLOBAL BUSINESS - Siri Baru
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DARI STUDIO SATU
10.00	NEWS AT 10
10.45	TAYANGAN GAMBAR - 'Out To Sea'
12.15	GUINNESS WORLD RECORDS
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 19 NOVEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung

9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SUPER ROBOT MONKEY TEAM
	HYPERFORCE GO!
10.45	TIMEBLAZERS
11.15	PADA SUATU HARI - Ulangan
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'Magic Kid 2'
12.07	AZAN ZUHUR

PETANG

1.15	LIGA BRASIL
2.45	JUARA - Siaran Langsung
3.29	AZAN ASAR
3.33	BEING EVE
4.00	DRAGON TALES
4.30	DRAMA - 'Meniti Pelangi'
5.00	KAUNSELING MASYARAKAT
5.30	PENGAJARAN DARI AL-QUR'AN
5.45	BERITA
6.03	AZAN MAGHRIB
6.07	MUTIARA HUTAN
6.30	MUSULMAN THE UNTOLD STORY

MALAM

7.00	TAHUKAH AWDA
7.16	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TIRAI KELUARGA - 'Serangan Orang Minyak'
10.00	NEWS AT 10
10.45	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.15	STRONG MEDICINE
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 20 NOVEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	HEALTHY HOME
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN

4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	THE LEGEND OF ZORRO - Ulangan
5.15	GILLETTE WORLD OF SPORTS
5.45	BERITA
6.03	AZAN MAGHRIB
6.10	WALKING ANIMALS
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.16	AZAN ISYAK
7.30	LINGKARAN IMAN
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Tengkujuh Di Musim Bunga'
9.30	EXPATS
10.00	NEWS AT 10
11.45	SUKAN GLOBAL 2006
11.15	PIVATE LIVES SERIES
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 21 NOVEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	MAPLETOWN
4.45	BUG ALERT
5.15	INNOVATION
5.45	BERITA
6.03	AZAN MAGHRIB
6.10	ME@TV
6.45	AL ISLAM

MALAM

7.00	MENCARI SINAR
7.16	AZAN ISYAK
7.30	DOKUMENTARI : POTRET - 'Petikan Irama Gambus'
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANCANGAN KHAS
9.30	DRAMA BMR 'KOD 486' MUSIM KE-2
10.00	NEWS AT 10
11.15	WITHOUT A TRACE
12.15	10TH KINGDOM
1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT



**TAWARAN PEMBEKALAN KERTAS KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN (12 BULAN)
(BILANGAN TAWARAN : GP/TPK/4/2006, GP/TPK/5/2006, GP/TPK/6/2006 DAN GP/TPK/7/2006)**

TAWARAN adalah dipelawa bagi pembekalan kertas ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam bagi tempoh satu tahun (12 bulan). Tawaran hendaklah dihadapkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat I, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth 2, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada **jam 2.00 petang hari Selasa, 12 Disember 2006**. Butir-butir penentuan kertas adalah seperti berikut ini :

BILANGAN TAWARAN : GP/TPK/4/2006

ITEM	KETERANGAN (ORIGIN/BERAT BAHAN/UKURAN)	HARGA
1	EUROPEAN/ASIAN Woodfree Paper Berat bahan : 80 gsm Ukuran : i. 640 x 900 mm ii. 320 x 450 mm	@ 1 Ream (500 keping)

BILANGAN TAWARAN : GP/TPK/5/2006

ITEM	KETERANGAN (ORIGIN/BERAT BAHAN/UKURAN)	HARGA
1	ASIAN Woodfree Paper Berat bahan : 100 gsm Ukuran : 640 x 900 mm	@ 1 Ream (500 keping)

BILANGAN TAWARAN : GP/TPK/6/2006

ITEM	KETERANGAN (ORIGIN/BERAT BAHAN/UKURAN)	HARGA
1	EUROPEAN Woodfree Paper Berat bahan : 100 gsm Ukuran : 640 x 900 mm	@ 1 Ream (500 keping)

BILANGAN TAWARAN : GP/TPK/7/2006

ITEM	KETERANGAN (ORIGIN/BERAT BAHAN/UKURAN)	HARGA
1	EUROPEAN/ASIAN Coloured Woodfree Paper Berat bahan : 80 gsm Ukuran : 640 x 900 mm Warna : Blue/Green/Yellow/Pink	@ 1 Ream (500 keping)

- Harga tawaran hendaklah menurut kiraan penghantaran sehingga ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.
- Semua tawaran hendaklah disertakan dengan contoh kertas menurut butir-butir penentuan serta keterangan yang diperlukan seperti mana yang ditetapkan dalam borang tawaran yang disediakan. Kegagalan mengisi/memberi keterangan yang diperlukan akan menyebabkan tawaran tidak akan dilayan.
- Jika ada tawaran lain yang dibuat selain daripada yang ditetapkan, segala butir penentuan (specification) mengenai kertas tersebut hendaklah dinyatakan dengan jelas termasuk contoh-contoh serta keterangan-keterangan yang diperlukan.
- Dokumen dan Borang Tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 dengan membayar Yuran Tawaran sebanyak **\$100.00** (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran pada hari bekerja :-
Hari Isnin - Khamis 8.00 pagi - 11.00 pagi
1.30 petang - 3.00 petang
Hari Sabtu 8.00 pagi - 10.00 pagi sahaja.
- Harga-harga tawaran hendaklah dihantar terus kepada Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Tingkat I, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth 2, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Sementara contoh-contoh kertas bolehlah dihantar kepada Pengarah Percetakan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Semua contoh hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2.00 petang hari Selasa, 12 Disember 2006**.
- Semua kertas hendaklah dibungkus dari kilang pembuat (Ex-Mill Ream/Packets Wrapping) dan dihantar terus ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
- Harga-harga tawaran (Price Validity) hendaklah sah bagi tempoh satu tahun (12 bulan) dari tarikh pemberitahuan tanpa mempunyai syarat-syarat lain terutama tempoh harga (Price Validity). Sebarang cukai jika ada, atau penyewaan gudang dan lain-lain bayaran adalah atas perbelanjaan pembekal sendiri seperti mana yang ditetapkan dalam Surat Keliling Perbendaharaan Bil. 12/1987. Tempoh keputusan tawaran tidak dapat ditentukan.
- Semua pembekalan hendaklah disertakan dengan Sijil Pengeluaran Asal (Certificate of Origin).
- Tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda si Pengirim dan hendaklah dialamatkan kepada :

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL,
JABATAN PERDANA MENTERI
TINGKAT 1, BANGUNAN SEKRETARIAT,
JALAN ELIZABETH 2, BANDAR SERI BEGAWAN
BS8610, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

dengan menanda di sampul itu:-

**PEMBEKALAN KERTAS 2006
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(BILANGAN TAWARAN : GP/TPK/4/2006, GP/TPK/5/2006,
GP/TPK/6/2006 DAN GP/TPK/7/2006)**

- Syarikat yang berjaya adalah dikehendaki dan bersetuju membuat pembekalan dengan harga yang ditawarkan dengan jumlah kertas yang akan ditentukan dari masa ke semasa dan membekalkannya dalam tempoh 60-75 hari dari tarikh pemberitahuan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhak menolak atau membatalkan tawaran yang diberikan atau mengemukakan denda bagi setiap jenis kertas yang dihantar lambat dari tarikh yang ditetapkan. Sebarang kegagalan mengenai perjanjian dan peraturan yang telah ditetapkan akan dilaporkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan selazimnya.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran dan berhak mengurangkan jumlah yang diperlukan.



**JABATAN PERCETAKAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

PEMBEKAL-PEMBEKAL adalah dipelawa bagi menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat I, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam bagi projek berikut :-

Tajuk Projek :

- PEMBEKALAN FILEM DAN BAHAN KIMIA UNTUK MESIN IMAGESETTER KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BAGI TEMPOH 1 (SATU) TAHUN.
BILANGAN TAWARAN : GP/TFK/1/2006
CAGARAN : \$100.00 (Tidak dikembalikan).
TARIKH TUTUP : Hari Selasa 12 Disember 2006 jam 2.00 petang.

